

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERTAMA

### Dewan UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

---

**Tarikh** : 3 Julai 2013 (Rabu)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	YB. Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/ Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Norlela Bt. Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35.	YB. Mohd. Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam
39.	YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

YB. Dato' Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
YB. Dato' Faiza Bt. Zulkifli	Penasihat Undang–Undang Negeri
YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha

***Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.***

**Setiausaha:**

Doa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Membaca doa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan bersidang semula.

**Setiausaha:**

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi persidangan kali ini tiada soalan-soalan lisan yang menyebabkan mesyuarat menjadi tidak sah ini adalah kerana:

- (1) Peraturan 15 iaitu Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri telah menetapkan urusan atau aturan mesyuarat bagi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, bagi maksud Mesyuarat Pertama bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas ini, Dewan telah membuat ketetapan bahawa aturan urusan mesyuarat hanya dihadkan kepada yang berikut:
  - (a) Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
  - (b) Ahli-ahli baru mengangkat sumpah
  - (c) Perutusan-perutusan daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri
  - (d) Lain-lain pengumuman oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
  - (e) Perbahasan Titah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri
  - (f) Usul
- (2) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Negeri telah bersetuju untuk mengadakan Majlis Angkat Sumpah bersekali dengan Perasmian Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, memandangkan perkara

ini dibuat bersekali, Dewan menghadapi kekangan berhubung dengan masa persidangan dan dengan itu, Dewan menghadkan aturan urusan mesyuarat kepada perkara-perkara yang perlu disejajarkan sahaja seperti yang terdapat dalam agenda mesyuarat tanpa soalan lisan.

- (3) Dengan ketiadaan soalan-soalan lisan ini, ia tidak menyebabkan perjalanan mesyuarat menjadi tidak sah. Saya merujuk kepada peraturan 117 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri di baca bersama Perkara 99A Peraturan Dewan Rakyat yang berbunyi seperti berikut:

Jika semasa membuat apa-apa jua keputusan telah terjadi kegagalan di pihak Majlis atau mana-mana Jawatankuasanya untuk mematuhi mana-mana peruntukan peraturan-peraturan Mesyuarat dalam perjalanan mesyuarat yang membawa kepada keputusan itu, kegagalan sedemikian hendaklah dikira sebagai suatu perkara luar aturan dan tidak boleh membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan berakibat daripadanya. Perkara ini adalah muktamad dan tidak perlu dibahaskan. Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Itam.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Mohamad Farid Bin Saad):**

Minta mencelah Ahli Yang Berhormat ada menyebut bahawasanya kali ini kita tidak menggunakan soalan lisan dan Yang Berhormat telah menyebut bahawa Dewan belum lagi bersidang saya takut kalau peraturan 15 tidak diguna pakai, kita nak pakai peraturan mana lagi *last* penggal yang lepas selalunya selepas *convention* semua jawapan Ahli Yang Berhormat soalan lisan letak atas meja, sebaik sahaja soalan diberikan tetapi sampai kesudah tidak dihormati oleh Kerajaan Negeri, langsung tiada jawapan sebaliknya tidak dapat. Hari ini Yang Berhormat telah melangkau yang ini pula, tidak mahu menurut peraturan membolehkan kita membuat soalan lisan, di Parlimen bersidang mereka tidak membuat soalan lisan kenapa kita nak dapatkan soalan lisan, saya tidak berpuas hati Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Pulau Betong, saya akan mengangkat apa yang telah disebut, saya minta Dewan disidangkan dengan usul daripada Kawasan Air Itam.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya merujuk kepada peraturan 15 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Speaker, sebentar tadi yang telah menyatakan bahawa urusan-urusan bagi tiap-tiap satu mesyuarat iaitu

hendaklah dijalankan mengikut aturan di bawah kecuali jika Dewan menetapkan sebaliknya, jadi kecuali jika Dewan menetapkan sebaliknya merujuk kepada Dewan ini, bukan kepada kuasa Speaker. Dukacita dimaklumkan bahawa notis mesyuarat tidak dimasukkan perkara Peraturan 15 yang memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menanya soalan dan mendapat jawapan daripada Kerajaan Negeri. Dukacita Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Penggal Ketiga Belas ini telah mencipta sejarah dalam demokrasi Negara ini apabila sesi soal jawab diambil keluar sama sekali daripada persidangan Dewan ini merupakan mesyuarat yang pertama. Walaupun disebut kekangan masa Dewan Rakyat sendiri yang bermula pada 24hb. sempat untuk mengadakan sesi soal jawab. Tidak pernah ada sejarah dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Parlimen Malaysia satu Kerajaan yang enggan bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini untuk memberi jawapan kepada masalah-masalah rakyat.

Sebenarnya kita sedia maklum bahawasanya sistem Parlimen demokrasi kita berlandaskan kepada sistem demokrasi *parliament Westminster* mengikut satu catatan *house of common* ....(dengan izin) *parliamentary questions have a significant role in the house of commons, they allowed members of the parliament to the whole government to account. Using other oral questions to Minister in the Chamber of the House of Common or return questions.* Di *Western Australia* yang turut mengamalkan sistem demokrasi berparlimen ala *Westminster* catatan berikut melambangkan aspek akauntabiliti yang sama, yang mana kita petik di sini ....(dengan izin), *parliamentary questions are so important means use by members of parliament to ensure the governess accountable to the parliament for the policies and action and through the parliament to the people. Questions are use by members on the both side to the house to us government policies within a Ministry portfolio.*

Soal jawab adalah peranan penting dalam sistem demokrasi dibukukan sebagai satu peraturan dalam aturan urusan mesyuarat oleh mereka yang terpilih sebelum ini, kebijaksanaan dan kepercayaan mereka kepada persoalannya adalah berlandaskan kepada ketelusan dan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat kepada rakyat yang memilih kita, bukan sahaja wakil-wakil rakyat pembangkang yang terjejas tetapi semua Ahli-ahli Dewan, *backbenchers* pun juga terjejas kerana tidak diberi peluang untuk menanya soalan.

Sejak Merdeka, Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tidak pernah mengeneipkan peranan penting sesi soal jawab kerana ia bersangkutan-paut dengan akauntabiliti, Kerajaan Negeri sekarang melaung-laungkan akauntabiliti tetapi dengan mengetepikan sesi soal jawab pada persidangan kali ini jelas menunjukkan satu keangkuhan kuasa mutlak yang ada pada Kerajaan Negeri, perkembangan seperti ini adalah seolah menjatuhkan hukuman maut atau mati kepada demokrasi dalam Dewan yang

mulia ini. Dewan yang mulia ini perlu diberi kembali nafas demokrasi dengan menghormati peraturan-peraturan mesyuarat sedia ada dan mengamalkan akauntabiliti, justeru itu adalah penting supaya Dewan ini mengembalikan sesi soal jawab. Saya ingin mengusulkan di bawah perkara 34.8 dan memohon kebenaran daripada YB. Tuan Speaker dan sokongan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Peraturan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bagi saya habis dahulu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta Yang Berhormat tarik balik, apa yang kamu kata tadi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Kamu?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Apa yang, Yang Berhormat kata tadi, tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

hendak tarik balik apa?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat ingat, apa Yang Berhormat baru cakap tadi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Apa spesifik yang perlu saya tarik...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tak boleh ingat apa yang, Yang Berhormat kata tadi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya kata saya mengklasifikasikan permohonan supaya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat, tarik balik, Yang Berhormat kata bahawa demokrasi sudah maut dalam Dewan ini, tarik balik, itu tidak boleh diterima.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Betullah itu, kalau demokrasi adalah hak untuk menyuarakan hasrat rakyat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

YB. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan di sini bahawa ini adalah satu perkara di mana YB. Tuan Speaker, boleh kata bahawa cara kita bercakap, bahas dalam Dewan ini, kita tidak boleh berkata di dalam Dewan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, demokrasi telah maut dalam Dewan ini, boleh diterima atau tidak?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tidak memberi laluan pun kepada Yang Berhormat untuk mencelah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya inginkan peraturan, tarik balik perkata itu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tidak mahu tarik balik.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ini adalah hari pertama Yang Berhormat akan diberi peluang untuk bahas dan kita boleh jawab....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Ya, saya akan beri....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sekiranya itu betul bagaimana boleh kata demokrasi telah maut di dalam Dewan ini.



**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Tak payah hendak mengherdik saya, awal-awal pagi ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Kalau Yang Berhormat mahu tanya soalan, kalau mahu jawapan, saya boleh jawab di sini. Nanti berbahas...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Jadi kenapa?...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang Berhormat, kalau hendak tanya soalan, kalau hendak jawapan saya boleh jawab di sini, nanti bahas...(gangguan suara), jangan cakap demokrasi telah maut dalam Dewan ini, tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya mohon kerana Kerajaan Negeri takut....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat sila duduk. Datok Keramat sila duduk.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tarik balik. Demokrasi memang tidak mahu dalam Dewan yang mulia ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Datok Keramat sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Jadi kenapa Kerajaan Negeri takut hendak buka soalan hendak beri peluang Ahli-ahli Dewan untuk bercakap.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Tarik balik, demokrasi memang tidak maut dalam Dewan yang mulia ini.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Datok Keramat sila duduk, habis, habis.

### **Ahli Kawasan Ayer Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Peraturan, YB. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Peraturan 23(1), Seseorang Ahli yang berhajat hendak menanyakan satu soalan hendaklah mengeluarkan pemberitahuan bertulis mengenai soalan itu kepada setiausaha sekurang-kurangnya 21 hari, *the burden, is on the* Yang Berhormat, *burden is on the* wakil rakyat untuk mengemukakan soalan, saya ingin menanyakan kepada Setiausaha Dewan, adakah kita menerima apa-apa soalan. Sekiranya kalau kita tidak menerima apa-apa soalan, oleh itu YB. Ketua Pembangkang tidak menggunakan Peraturan 23(1), tidak mengemukakan 21 hari untuk menanyakan soalan.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya ingin merujuk kepada peraturan 45, Yang Berhormat Tuan Speaker, sila rujuk kepada Peraturan 45. Keperluan untuk memberitahu untuk notis boleh diketepikan jika sebahagian daripada apa yang ingin dibentangkan molek dan untuk kepentingan awam. Jadi merujuk kepada Peraturan 45 dan saya ingin mengusulkan, saya tahu untuk tidak cukup untuk melepaskan keperluan usul, tetapi ini adalah untuk kepentingan awam, bukan sahaja pembangkang dan tetapi juga semua *backbencher*, semua Ahli Dewan saya tahu banyak yang hendak soal ini tentang perjalanan Kerajaan, tetapi kita telah tidak diberi peluang untuk bertanya. Ini yang saya ingin bangkitkan di sini, jadi YB. Tuan Speaker, saya ingin mengusulkan walau pun kita tidak cukup sepuluh orang tetapi demi hak rakyat, demi demokrasi untuk menjaga kepentingan awam saya harap mendapat sokongan juga daripada *backbencher*.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya ingin sambung sedikit YB. Tuan Speaker, berkenaan dengan masa, kita tidak boleh ditekan dengan masa, kita ada banyak masa, ini bukan satu alasan yang logik mengatakan kita tidak ada masa untuk dan mengatakan tidak boleh buat soalan dan sebagainya, kita ada masa bulan hadapan ada lagi, kita boleh buat YB. Tuan Speaker, so tolonglah jangan menggunakan masa sebagai masalah yang menghalang kita untuk menghujah apa yang kita hendak berhujah.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengambil maklum berkenaan semua pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun saya telah pun menjelaskan kepada sidang Dewan tadi, yang ia tidak menjadi apa-apa masalah kepada Dewan ini untuk memutuskan atau pun menjadikan perjalanan Dewan ini sebagai tidak sah. Saya telah pun membuat penjelasan pada mula Dewan tadi dan saya harap bahawa perkara ini tidak dibangkitkan untuk perjalanan Dewan seterusnya, segala maklumat dan pandangan daripada Yang Berhormat akan saya angkat untuk kita membelanjakan Dewan sekali lagi, so saya minta bahawa perkara ini.

Saya telah pun memutuskan alasan dan juga dengan peraturan-peraturan yang saya gunakannya tadi cukup jelas untuk kita jalankan persidangan ini dengan sah dan tidak diganggu lagi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Tentang masalah soalan ini dan saya berharap perkara-perkara Yang Berhormat rasanya hendak bangkitkan boleh juga dibangkitkan dalam sesi perbahasan yang kita akan teruskan. Saya minta Ahli YB. Kawasan Air Itam teruskan dengan usul, silakan.

## **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa kami, YDP. Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon untuk mengucapkan terima kasih pada Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini Mesyuarat Pertama Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 2 Julai 2013. Saya telah meneliti ucapan TYT yang dilafazkan kelmarin dan saya dapati banyak ada inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri yang merupakan kesinambungan daripada penggal pertama, seperti usaha-usaha tentang pengangkutan, perumahan dan sebagainya, ada juga inisiatif yang baru yang ada idea-idea baru yang akan dipelopori oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada penggal kedua ini dan saya rasa dari segi pentadbiran kita perlu mengingatkan barisan pentadbiran, EXCO tentang usaha-usaha yang kita perlu buat di penggal kedua.

Saya ingin merujuk kepada satu keratan akhbar, apabila saya membacanya saya terkejut pada pagi ini, Sim Joo Jit Toh, *local edition*, gambar tiga Yang Berhormat saya rasa duduk di bilik Ketua Pembangkang, YB. dari Pulau Betong, Telok Ayer Tawar dan juga Pinang Tunggal, *subtitle* surat khabar ini dalam bahasa Cina (cakap bahasa Cina) ....(dengan izin), terjemahan YB. Pulau Betong mengatakan bahawa ucapan TYT tidak ada idea baru. Saya rasa ini *contempt* atau Dewan, ini adalah menghina Dewan ini, kerana ini adalah ucapan TYT bagaimana Pulau Betong seorang wakil rakyat penggal kedua

boleh mengeluarkan *statement* ini dan saya semak surat khabar lain ada *statement* sedemikian bahawa dia menuduh dan membuat tuduhan begini bahawa ucapan TYT tidak ada idea baru, saya rasa ini *contempt* pada Dewan, ini adalah satu penghinaan ke atas Dewan ini, saya ingin meminta YB. Pulau Betong membuat penerangan apakah ucapan Yang Berhormat tadi di luar Dewan di Ketua Pembangkang, yang telah dilaporkan dan dibaca oleh ribuan penduduk Negeri Pulau Pinang, bagaimana YB. Pulau Betong boleh menyanakan ucapan menghinakan Dewan ini dengan penghinaan sedemikian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Boleh saya jawab, YB. Tuan Speaker dan YB. Air Itam terima kasih, dalam perasmian semalam saya mengatakan bahawasanya apa yang disuarakan oleh TYT Yang di-Pertua oleh teks ucapan itu, kita harus menghormati okey. Kita harus menghormati walau pun tidak kisah sesiapa yang menyediakan, tetapi apa yang disuarakan dan diluahkan oleh TYT di atas pentas ini kita perlu menghormati, cuma saya berkata tidak ada idea-idea baru yang boleh diketengahkan, saya mengaku kerana saya berada di sidang Dewan yang lepas dan Dewan sebelum itu. Saya mengaku mengatakan bahawa kita harus menghormati bahawa apa yang diucapkan oleh TYT kerana itu adalah ucapan beliau, yang saya mengatakannya bahawa hanya tidak ada idea baru yang boleh diketengahkan, tetapi salah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat adalah ahli penggal yang kedua, bagaimana terkejut saya, penggal ketiga masih boleh melakukan komen-komen begini, kalau ucapan bajet oleh YAB. Ketua Menteri, kita boleh membuat komen, tetapi itu ucapan TYT dan telah direkodkan dengan jelas di dalam surat khabar, memberikan kritikan yang tidak ada idea baru.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya berada dengan YB. Pinang Tunggal dan YB. Telok Ayer Tawar, saya mengatakan bahawa apa yang diungkapkan oleh TYT adalah perkara yang harus kita hormati...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya ingin meminta YB. Pulau Betong supaya tarik balik dan meminta maaf di dalam Dewan ini terhadap ucapan tersebut.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pulau Betong, YB. Air Itam sila duduk, Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Pulau Betong telah pun memberi penjelasan beliau dalam Dewan ini dan saya rasa perkara ini boleh diterima dan teruskan Air Itam.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta dia tarik balik, kerana dia menghina Tuan Yang Terutama Tun.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, dia menghina TYT minta dia tarik balik. Kelakuan menghina TYT.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu dan Seri Delima sila duduk, saya sudah katakan tadi Pulau Betong telah pun diberi laluan oleh Air Itam untuk menjelaskan dan Pulau Betong secara rasminya telah pun mengatakan penjelasan beliau dalam Dewan ini so, saya rasa sambungkan Dewan ini. Silakan YB. Air Itam.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya ingin mengingatkan kepada YB. Pulau Betong supaya berhati-hati apabila membuat ucapan dan ramai akan membaca surat khabar, kerana penggal kedua dalam ucapan TYT ada yang diketengahkan idea-idea baru seperti naik taraf bangunan KOMTAR, Dewan Banquet, *Tour Harbor Center* dan sebagainya idea-idea baru. Dan saya juga hendak menarik perhatian Kerajaan Negeri tentang *long term strategic planning* untuk Negeri kita. *Long term* yang jangka panjang, perancangan strategik yang jangka panjang untuk Negeri kita.

Baru-baru ini kita juga terbaca dalam surat khabar *Water Crisis, imminent in Klang Valley*, ah, krisis air, *imminent in Klang Valley* di mana *shortage six (6) million* penduduk akan menghadapi masalah di Kuala Lumpur, Selangor dan juga akan hadapi krisis air. Saya ingin mengguna peluang ini, ingin menanyakan dan meminta EXCO Kerajaan Negeri berkenaan kesiapsediaan kita terhadap bekalan air untuk jangka panjang, kerana kita tahu kita mempunyai enam (6) dam, enam (6) empangan, Air Itam Dam, Mengkuang Dam, Telok Bahang, Berapit, CheroK Tok Kun dan Bukit Panchor Dam. Dengan pembesaran Mengkuang Dam kita mampu mengestor 78 bilion liter air.

Laporan PBA juga menyatakan kita mempunyai *water reserve* yang mencukupi sehingga tahun 2020. Soalan saya, minta EXCO berkenaan memberikan satu kenyataan ataupun jawapan. Apakah perancangan kita selepas 2020?, *What is our plan beyond 2020?* ....(dengan izin). Kita perlu memastikan strategi bekalan air 50 tahun tidak boleh lima (5) tahun sahaja. Kena ada *strategy planning* 50 tahun. Kita perlu ada *Water Resource Master Plan* untuk memastikan strategi bekalan air untuk 50 tahun akan datang. Kita mempunyai bekalan sumber air dari Sungai Muda. Kita juga perlu mencari sumber air di bahagian Selatan Sungai Kerian di mana sempadan Pulau Pinang dengan Perak.

Saya menyokong pendirian Kerajaan Negeri bahawa tidak perlu pembayaran wang atau pun *royalty* kepada Negeri jiran, Negeri Kedah atas sumber air dari Sungai Muda, kerana Sungai Muda merupakan sempadan Pulau Pinang dan Kedah. Kita melandaskan prinsip *Riparian Water Rights*, .... (dengan izin) yang merupakan prinsip Undang-undang *Common Law*. Semua tuan punya tanah yang berkongsi aliran air berhak menggunakan sumber air secara munasabah. Oleh itu tidak perlu, tidak timbul sebarang pembayaran wang atas sumber air Sungai Muda seperti yang diminta oleh Menteri Besar Kedah yang baru-baru ini YB. Mukhriz Bin Mahathir. Kerana saya ingin mengingatkan kita juga tidak boleh *compensate* kita kena *think out of the box* untuk perancangan strategik 50 tahun sumber air bagaimana kita dapat sumber, pertimbangan strategik lain. Strategik lain seperti *additional catchment area* ataupun kawasan tadahan yang tambahan, yang perlu diwartakan ataupun *treatment plants* yang baru *desalination*, *rain water harvesting*, *recycling* dan didikan kepada pengguna air.

Dengan itu, saya juga mengalu-alukan pengumuman Ketua Menteri baru-baru ini tentang cadangan pelantikan pakar perunding untuk melihat bagaimana infrastruktur bekalan air kita dapat dioptimumkan. Saya harap EXCO ini boleh memaklumkan Dewan yang mulia ini berapa peratus *water reserve* yang kita ada di Pulau Pinang buat masa ini dan apakah perancangan 50 tahun bekalan air kita. Dan tentang saya baca surat khabar ada *statement* daripada Menteri Besar Kedah tentang bagaimana rundingan semua ini. Tetapi kita harus ingat, beliau adalah anak kepada mantan Perdana Menteri yang mengikut tradisi mereka Tun Mahathir mempunyai banyak idea tentang air apabila berbalah dengan negara jiran Singapura. Tetapi saya ingat apabila kita kena juga bukan sahaja berunding tetapi kita juga menegaskan hak kita, hak air kita di Sungai Muda dan *Riparian Water Rights*, kerana ini merupakan satu hak yang penting, yang perlu kita tahankan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan, YB. Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Terima kasih. YB. Tuan Speaker. Saya tertarik dengan hujah yang disampaikan oleh YB. Air Itam tentang air ini. Cuma saya nak minta penjelasan apa ini, daripada Yang Berhormat sedarkah Yang Berhormat bahawasanya hari ini *people in Penang*, rakyat di Pulau Pinang hari ini kebanyakan telah menukarkan sungai kepada parit, sehingga menyebabkan sampah punya banyak dalam parit dan air daripada sungai tidak dapat digunakan. Ini bukan sahaja untuk manusia tetapi untuk sawah, untuk ikan dan sebagainya. So, seharusnya pentadbiran Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif untuk memastikan yang semua aliran sungai dikekalkan sebagai sungai yang bersih sebagai Kelas A dan usaha dibuat supaya tidak lagi jadikan sungai sebagai parit dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya rasa EXCO berkenaan akan jawab. Tetapi saya juga hairan ah., *opposition member* kita masih dalam *honeymoon* apabila Menteri Besar Kedah dari UMNO ingin *charge* wang daripada Pulau Pinang mengenakan caj wang dari Pulau Pinang terhadap sumber air Sungai Muda. Barisan Pembangkang kita membangkitkan isu remeh-temeh, isu parit tadi. Tidak fokus, tidak ambil satu pendirian, tidak ambil satu pendirian tentang isu ini, tetapi cakap *big about the bush*, cakap lain ....(gangguan), biar saya jawab. Saya kata itu masih *honeymoon*, masih tidak menjalankan tugas sebagai *opposition*, langsung tak ada pendirian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Minta penjelasan YB. Air Itam. Soal air adalah soal yang cukup mustahak di Pulau Pinang, sekecil-kecil perkara air sampai ke besar-besar perkara. Sebab itu saya katakan sungai jangan dijadikan sebagai parit. Itu yang saya usulkan. Tetapi berkaitan dengan apa yang *you* cakap tentang Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang itu, saya difahamkan pembiayaan sedang dijalankan sekarang. Kalau mahu kita bahaskan, boleh, saya usulkan supaya Kerajaan Negeri membentangkan perbincangan itu di dalam Dewan yang mulia ini, supaya kita tahu, sekarang kita tak tahu apa yang dibincangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita tak tahu. Memang kita pun menanti

sebenarnya, apakah yang dibincang, kerana kita mahu supaya Pulau Pinang menerima air secukupnya. So, jangan kata kami *honeymoon* Yang Berhormat, kami menunggu masa yang bersesuaian dan kita berbahas, sekarang maklumat tidak ada. Kalau Kerajaan Negeri boleh meletakkan apa perbincangan itu yang diadakan di Mesyuarat Negara, Negeri di sini dan kita boleh teruskan dan kita boleh bincang bersama.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Air pentinglah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Yang Berhormat bagi saya laluan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya nak jawab itu, saya tak mahu bagi laluan, kesuntukan masa. Dan saya rasa *water resource* ini penting, bukan isu yang besar, saya rasa kita perlu ada perancangan *Water Resource Management Plan* untuk 50 tahun supaya kita memang kita boleh tahu, kita boleh ada *forward planning* tentang isu-isu ini. Saya rasa kena ada ambil pendirian juga, tidak boleh duduk sana, ambil semua, ambil pendirian. Pada pandangan saya kita tidak perlu membuat apa-apa pun pembayaran. Okey.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Yang Berhormat saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Yang Berhormat saya nak bertanya, apabila Yang Berhormat berkata *honeymoon*, sebenarnya mereka bahas tentang air ini, kita telah memberi satu ruang yang cukup tinggi kepada Kerajaan Negeri Kedah. Kerana mereka akan mengkaji mengenai aspek membuat, menakung air, memproses air dan biarkan air saliran di situ. Lebih baik kita buat proses bincang daripada kita berhujah, bising melalui surat khabar, kerana benda ini akan lebih.... (gangguan).



**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya tahu itu anak Mahathir yang, saya tahu mungkin segan untuk memberikan apa-apa komen kerana kena tanya *boss* dulu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Janganlah berburuk sangka macam itu Yang Berhormat kita jangan berburuk sangka macam itu.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya teruskan. Sila duduk-sila duduk. Saya teruskan dengan, saya meminta juga, saya tertarik dengan ucapan Tuan Yang Terutama berkenaan dengan penambahan keupayaan bekalan elektrik 8 PMU (Pencawang Masuk Utama) yang bakal dibina. Di kawasan saya, bekalan elektrik telah terputus beberapa kali melebihi empat (4) jam pada tahun 2012, yang menyebabkan, bekalan elektrik menjejaskan melebihi 100,000 orang di Air Itam, Farlim, Bukit Bendera dan Padang Tembak. Dan *mobile station* telah dihantar dari Johor Bahru ke Jalan Thean Teik, Air Itam untuk menstabilkan bekalan elektrik. Saya nampak bangunan PMU 33KW telah siap dibina di Jalan Thean Teik di sebelah Sin Kang Primary School. Bolehkah EXCO Utiliti memberikan tarikh ataupun TNB, bilakah TNB akan beroperasi *sub-station* di Jalan Thean Teik ini akan boleh beroperasi sepenuhnya, kerana kita tak mahu ketidakstabilan elektrik yang berlaku berterusan di kawasan ini kerana melibatkan melebihi 100,000 orang.

YB. Tuan Speaker, saya juga telah menerima aduan dari penduduk di Tingkat Lembah Ria, Air Itam bahawa kenaikan mendadak lima (5) kali ganda caj perkhidmatan Indah Water Konsortium. Encik T.Y. Tan telah mengadu menerima satu notis daripada Indah Water yang bertarikh 15 Jun 2013, memaklumkan bahawa kenaikan kadar caj bagi perkhidmatan pengosongan enap cemar dari tangki jenis tandas curah (*pour flush*), kenaikan daripada RM48.00 kepada RM230.00 untuk sekali perkhidmatan. Tarikh efektif 1 Julai 2013 dan saya menafikan Indah Water adalah satu syarikat *Minister Of Finance Incorporated*, milik penuh Kementerian Kewangan, milik penuh Kerajaan Barisan Nasional, milik penuh.

Kenaikan harga lima (5) kali ganda dalam masa dua (2) bulan kurang daripada dua (2) bulan selepas *election*. Itu bukti kukuh barang naik, barang naik dua (2) bulan selepas *election*, naik lima (5) kali ganda dan tiada apa-apa pengumuman. Tiada apa-apa pengumuman, senyap-senyap naik. Pengadu jumpa saya, saya hebohkan dalam surat khabar. Sampai hari ini, IWK tidak keluarkan apa-apa *statement* tentang kenaikan ini. Dan saya siasat daripada *web site* IWK, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional (SPAN), ramai terdapat

57,000 unit premis yang menggunakan perkhidmatan *pour flush* di seluruh Pulau Pinang pada tahun 2010. Seluruh Malaysia 894,000 unit. Saya ingin mendapatkan satu jawapan, minta YB. EXCO Utiliti kena saman IWK, kepada *offices* Yang Berhormat, menanyakan adakah sebarang, dapatkan jawapan rasmi berapa jumlah ramai pengguna tersebut yang terlibat dalam cadangan kenaikan kali ini. Saya faham ini IWK kena debat di Parlimen tetapi IWK dengan begitu ramai 57,000 pengguna di Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan *pour flush* yang mungkin terlibat dengan kenaikan harga lima (5) kali ganda ini. Saya rasa ini begitu jelas mendadak, tanpa pengumuman oleh Menteri Kewangan iaitu juga Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak, tidak ada pengumuman. Tidak ada pengumuman daripada pemimpin tertinggi IWK, tidak ada pengumuman buat begitu sahaja. Tidak ada kenyataan surat khabar, tidak ada kenyataan dalam *web site* IWK. Kenaikan ini mendadak, jelas menunjukkan keangkuhan Kerajaan Persekutuan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Keangkuhan dengan kenaikan sewenang-wenangnya lima (5) kali tanpa rundingan dengan orang awam dan tanpa pengumuman formal oleh menteri berkenaan. Walaupun saya tahu YB. EXCO Utiliti bukan dapat mengawal IWK, IWK *direct report* kepada *Boss* di Putrajaya, tetapi saya harap minta penjelasan penuh tentang kenaikan ini dan meminta penangguhan serta kaji semula tentang kenaikan ini. Saya meminta IWK mengumumkan berapa pengguna yang akan terlibat dalam kenaikan lima (5) kali ganda RM48.00 kepada RM230.00 di Pulau Pinang dan juga di seluruh Malaysia.

YB. Tuan Speaker, saya tertarik juga dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dengan perancangan bina lebuhraya dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam. Saya tertarik dengan sasaran penggunaan pengangkutan awam di Pulau Pinang mencapai 40% pada tahun 2030. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan cadangan penubuhan CAT Dialysis Centre di Balik Pulau kerana ianya pilihan lokasi yang paling sesuai, dekat dengan bas terminal Balik Pulau. Pesakit dari Air Itam, Paya Terubong dan dari Balik Pulau sendiri dan Bayan Baru boleh sampai ke Dialysis Center dengan menaiki bas.

Saya berharap EXCO Kesihatan dapat juga meletakkan perkara ini sebagai *top priority* kerana ia akan membawa manfaat kepada ramai pesakit. Pada hal saya masih ingat Perpustakaan Awam Georgetown di Scotland Road dan bangunan Masyarakat Penyayang di Scotland Road yang telah siap dibina dan diguna melebihi 10 tahun tiada perkhidmatan bas. Budak-budak daripada keluarga kurang kemampuan tidak dapat akses kepada Georgetown State Library kerana tidak ada perkhidmatan bas ke sana. OKU di mana kes-kes kebajikan atau orang uzur yang melawat bangunan Masyarakat Penyayang tidak ada akses bas ke sana iaitu daripada Paya Terubong atau Air Itam, dua tempat penting ini. Saya faham, pilihan lokasi bukan dibuat oleh kita, ia sudah dibuat 10 tahun lalu tetapi ini adalah menjejaskan orang kurang kemampuan

untuk ke Dewan Masyarakat Penyayang yang juga merupakan Pejabat Pusat Jabatan Kebajikan. Mereka terpaksa pergi ke sana untuk mendapatkan bantuan tetapi tidak ada perkhidmatan bas. Saya ingin bertanya sama ada Rapid Penang beroperasi hanya *profit oriented*, Rapid Penang adalah sebuah lagi *Government Link Company, (GLC) Federal Government*. Saya ingin bertanya lagi sama ada Rapid Penang beroperasi hanya *profit oriented* dan hanya melalui jalan-jalan yang mendatangkan keuntungan. Jalan-jalan seperti pergi ke....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan YB. Air Itam. Bila menyatakan Rapid Penang adalah agensi yang *profit oriented*, sebenarnya Rapid Penang masuk ke kawasan-kawasan kampung di mana laluan bas biasa swasta tidak akan masuk. Mungkin YB. Air Itam tidak tahu, sampai ke Tasek Gelugor, Pekan Darat yang memang mempunyai masalah perkhidmatan bas sebelum Rapid Penang masuk, sebagai pihak yang menjaga pengangkutan awam, untuk mengatakan pihak Rapid Penang tidak memberi perhatian kepada laluan-laluan yang tidak membawa untung adalah tidak benar.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya pun tidak tahu Ketua Pembangkang sudah menjadi jurucakap kepada Rapid Penang. Walau bagaimanapun, ini *observation* saya. Di kawasan Thean Teik, Lebuh Raya Thean Teik yang melebihi 10,000 jumlah penduduk, bangunan-bangunan tinggi di sana, flat-flat kos rendah seperti Melody Home dan projek-projek Perumahan di sana dengan kepadatan penduduk melebihi 10,000 orang penduduk tiada perkhidmatan bas. Saya tanyakan kepada YB. Tanjong Bunga flat mana yang tiada bas, seperti *pepper estate*, puncak Mount Erskine pun tidak ada perkhidmatan bas dan ramai lagi flat-flat di kawasan kita yang tidak ada perkhidmatan bas...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat pun hendak jadi jurucakap Rapid Penang kah?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat seorang EXCO Perumahan dulu dan Yang Berhormat tahu di mana kawasan perumahan yang banyak dan sebagainya, Yang Berhormat tahu. Kenapa tidak minta dahulu,

minta kepada Rapid Penang supaya adakan servis kepada kawasan-kawasan yang memerlukan, tidak salah. Saya akan menyokong kalau ada keperluan, sila minta.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Yang Berhormat sila duduk. Permintaan telah dibuat. Selepas PRU13, ada Menteri baru, ada *management* yang baru bagi Suruhanjaya Pengangkutan Darat, saya telah minta Menteri Pengangkutan yang baru untuk *revisit this areas* dan meminta Rapid Penang mengkaji semula tentang jalan-jalan perkhidmatan bas. Di samping itu Kerajaan Negeri juga perlu mencari ikhtiar. Saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana meneruskan kesinambungan agenda dan perancangan perumahan melebihi 22,000 unit yang telah dirancang pada penggal pertama dan diteruskan pada penggal kedua. Saya meminta juga supaya projek-projek perumahan ini perlu memastikan ada jaringan pengangkutan awam yang efisien.

YB. Tuan Speaker, saya ucapkan tahniah kepada YB. Tuan Speaker yang telah mengangkat sumpah sebagai Speaker. Saya rasa sebagai *backbencher* kita ada banyak cadangan, saya masih ingat penggal lalu, YB. Bukit Tengah mencadangkan kita perlu ada sumber rujukan. Sebagai seorang ADUN kita perlu ada *research facility*, sumber rujukan supaya apabila kita menyediakan teks ucapan kita boleh merujuk kepada laporan-laporan dari agensi-agensi Kerajaan dan rujuk Rang Undang-undang yang telah diluluskan sebelum ini. Saya rasa telah sampai masanya kita menubuhkan satu sumber rujukan kerana bilik sumber rujukan di Dewan ini kurang mencukupi. Bolehkah kita bekerjasama dengan Perpustakaan Awam Pulau Pinang untuk mengadakan satu seksyen atau bahagian untuk merujuk perkara-perkara Dewan Undangan Negeri bagi semua *statutory report*, semua Rang Undang-undang dan perbahasan yang kita adakan ditempatkan di sana dan *researcher* atau seseorang yang berminat untuk membuat *research* tentang Dewan Undangan Negeri boleh mendapatkan maklumat di sana. Tidak semestinya kita adakan di sini tetapi kita boleh adakan di Penang Georgetown State Library dengan satu ruang yang lebih besar atau kita boleh tubuhkan satu seksyen sebagai satu sumber rujukan DUN itu sendiri kerana tempat di sini memang tidak mencukupi untuk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang keselesaan Dewan ini, setuju supaya diadakan satu *library* sebagai sumber rujukan tetapi saya juga ingin mencadangkan di sini supaya kita melihat semula, kita lihat Ahli Majlis MPSP bersidang di dalam Dewan yang cukup luas dan selesa, begitu juga dengan MPPP tetapi kita di sini di dalam keadaan yang

tidak selesa. Mungkin boleh dipertimbangkan kita perlu *sit down* di dalam Dewan yang lebih selesa di sepanjang persidangan Dewan yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

*Small is beautiful.* Lebih kecil lebih cantik, boleh lebih rapat-rapat... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Ruang untuk *library* tidak cukup, tidak selesa.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Ruang saya rasa, saya telah pergi melawat DUN Sarawak mereka membelanjakan RM300 juta untuk membina sebuah Dewan Undangan Negeri.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tengoklah siapa Menteri di situ, Tan Sri Taib Mahmud.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Itu ....(bahasa Cina), itu saya tidak tahu lah. Saya rasa kita tidak perlu belanja sampai RM300 juta kerana dengan RM300 juta itu kita boleh membina ribuan rumah mampu milik. Di England juga mereka duduk rapat-rapat dan kita kena ikhtiar, *think out of the box*. Dewan Undangan Negeri bukan terhad kepada bangunan ini sahaja, kita boleh adakan satu *research library* di Gerge Town State Library dan kita kekalkan situasi DUN di sini. Saya telah pergi ke DUN Sarawak, walau pun besar, sembilan (9) tingkat, 100 kali lebih besar dari kita kerana telah belanja RM300 juta, tetapi saya rasa apa yang lebih penting ialah semangat demokrasi masih hangat di Pulau Pinang, memang masih hangat. Kalau besar sangat Dewan jerit pun tak dengar, pemberita pun tak nampak muka kita, sekarang kita boleh *control mike*, di DUN Sarawak mike di *control* oleh Speaker. Tapi kita *appreciate* semangat demokrasi kita di sini dan kita boleh *think out of the box*. Kita boleh adakan sumber rujukan di *library*. Dengan itu saya ingin mencadangkan usul mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Adakah Ahli Yang Berhormat ingin menyokong?

## Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Tuan Speaker, saya ingin menyokong. Salam sejahtera, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kerana telah berjaya dalam Pilihan Raya Ketiga Belas yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Pakatan Rakyat yang kekal di Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini bermakna prestasi Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat lima (5) tahun lalu telah meyakinkan rakyat untuk terus memberi mandat kepada Pakatan Rakyat di Pulau Pinang. Meskipun demikian, saya rasa Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat ini tidak perlu rasa terlalu sombong dan angkuh sehingga kita anggap apa yang kita buat lima (5) tahun sebelum ini adalah semuanya betul, tepat dan sempurna. Saya harap kita tidak anggap rasa sebegitu. Saya ingin menyeru bahawa Kerajaan Negeri pada lima (5) tahun yang akan datang ini dapat mengambil satu pendekatan dalam menggubalkan satu dasar yang lebih bersifat jangka masa panjang dan juga menggubal dasar yang dapat membuat penambahbaikan serta perubahan dari segi struktur atau ....(dengan izin) *structure reform*. Bukat setakat buat dasar yang lebih bersifat jangka masa pendek atau lebih merupakan satu pendekatan *popularise*. Dari segi penambahbaikan struktur, saya ingin sekali lagi membangkitkan isu untuk memartabatkan Dewan ini sebagai satu badan perundangan.

Kita tahu Malaysia adalah satu negara yang mengamalkan satu *Westminster* di mana Ahli-ahli Eksekutif dan Ahli-ahli Perundangan terdapat pertindihan di antara dua badan ini. Dewan Undangan ini sebagai satu badan perundangan perlu dapat memainkan fungsi bukan sahaja untuk menggubal undang-undang tetapi juga mengadakan satu *check and balance* yang bagus. Setakat ini saya rasa memang di dalam persepsi orang ramai, badan perundangan di Malaysia ini dan juga di peringkat Persekutuan iaitu Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri ini kita masih tidak dapat mengikiskan persepsi orang ramai bahawa kita cuma seperti *rubber stamp* bagi badan eksekutif. Saya ingin menyeru supaya satu badan perundangan digubal supaya membolehkan Dewan Undangan Negeri bebas dari segi kewangan di mana Dewan Undangan Negeri boleh mempunyai bajetnya sendiri dan juga dari segi mempertingkatkan kemudahan seperti yang disebut YB. Air Itam iaitu boleh memperbanyakkan lagi pusat-pusat sumber dan kakitangan-kakitangan untuk membuat penyelidikan dan sebagainya. Saya percaya sekiranya di Pulau Pinang ktia dapat melangkah dan menggubal perundangan seperti ini, sekali lagi Penang Leads.

Saya ingin menyeru supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri ini dikaji semula dan membuat perubahan supaya Jawatankuasa Pemilihan *select committee*....(dengan izin), yang mempunyai kuasa dengan mengadakan pendengaran awam ataupun *public inquiry* di mana Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilihan ini boleh mempunyai kuasa

memanggil saksi-saksi untuk memberi keterangan-keterangan apa-apa saja isu yang berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan Negeri ini dan juga hal ehwal di Negeri ini.

Kerajaan Negeri sejak lima (5) tahun lalu, sering kita melaungkan slogan kita urus tadbir dengan Cekap, Amanah dan Telus. Jadi dengan itulah saya masih ingat satu Enakmen Kebebasan Maklumat telah Dewan ini lulus pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Kedua Belas yang lalu pada hujung tahun 2011 dan enakmen tersebut telah digazetkan pada awal tahun 2012. Akan tetapi saya masih sedang menunggu tarikh penguatkuasaan enakmen sebegini kerana ia merupakan satu enakmen yang mencerminkan di mana Kerajaan Negeri ini adalah satu Kerajaan yang cukup telus kerana ia memberi ruang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang biasanya sukar untuk dapat dan saya masih ingat sebab saya sendiri menganggotai Jawatankuasa Pilihan dalam penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat ini di mana kami telah memasukkan satu seksyen enakmen tersebut di mana Lembaga Rayuan, di bawah lembaga ini di mana pengerusinya perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya rasa itu adalah satu sejarah di Malaysia di mana tiada apa-apa jawatan penting perlu diluluskan oleh mana-mana Dewan. Saya percaya Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Pengerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pun tidak dibahas pelantikan pengerusinya di Dewan Rakyat dan sebagainya. Tetapi Lembaga Rayuan di mana pengerusinya Enakmen Kebebasan Maklumat itu perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Jadi saya sebenarnya *looking forward*...(dengan izin), penguatkuasaan enakmen tersebut dan saya harapkan kelambatan penguatkuasaan enakmen kebebasan maklumat akan menimbulkan persepsi orang ramai sama ada Kerajaan Negeri itu betul-betul ikhlas dalam pentadbiran secara telus.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

YB. Bukit Tengah mohon izin.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Saya tertarik dengan hujah yang diberikan supaya Pakatan Rakyat ini menjadi satu Kerajaan yang tidak sombong dan tidak angkuh. Terima kasih Yang Berhormat. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Bukit Tengah, saya

minta sedikit penjelasan mengenai isu air yang dibangkitkan tadi. Apa yang saya ketahui atas sifat ketelusan dan keikhlasan yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Kedah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Yang Berhormat Phahrolrazi (EXCO), so perkara-perkara ini kalau kita macam nak beri maklumat-maklumat yang tepat supaya kita dapat maklumat yang *detail*, supaya kita boleh bertindak bersamalah. Jadi terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Saya bagi laluan ingat dia nak tanya apa yang saya cakap, tetapi dia lambat sikit. Lain kali ambil peluang apabila Air Itam sebut tu terus tanya dia. Saya menyahut baik cadangan Kerajaan Negeri di bawah program Ibu Emas, iaitu memberi RM100.00 kepada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta laluan, saya juga orang baru....(ketawa) di sini. Tadi saya tertarik dengan Ahli Kawasan Bukit Tengah, apabila dia menyatakan tentang pelaksanaan enakmen *Freedom Of Information* Kebebasan Maklumat dan pelantikan Pengerusi Lembaga Rayuan. Saya ingin minta laluan di sini supaya dapat pendapat Ahli Kawasan Bukit Tengah supaya ia memohon agar dipercepatkan proses tersebut kerana saya merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan untuk enakmen tersebut di mana ia dianggotai oleh rakan saya tadi. Saya nampak seperti sudah lama beberapa tahun dan ia masih belum dilaksanakan. Saya harap Ahli Kawasan Bukit Tengah dapat mengambil cadangan saya ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Saya *looking forward* dengan pelaksanaan enakmen ini. Sebab itulah saya bangkit di sini kerana saya memang sayang hasil daripada Jawatankuasa Pilihan yang menggubal enakmen ini di mana saya juga anggota jawatankuasa tersebut.

Program Ibu Emas di mana Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi suri rumah RM100.00 setahun sebagai penghargaan. Saya rasa program ini perlulah ditambahbaikan di mana bukan saja kita memberi RM100.00 setahun sebagai pendekatan jangka masa pendek, tetapi saya rasa dan cadang bahawa Kerajaan Negeri menubuhkan satu caruman Tabung Ibu Emas di mana suami dan juga Kerajaan memberi caruman

Saya rasa ia boleh dibuat di peringkat Negeri dan caruman ini bolehlah sekali lagi kita tunjuk bahawa Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat ini boleh mengurus caruman dengan baik di mana saya yakin dengan pengurusan Kewangan Negeri di bawah Pakatan Rakyat ini. Faedah-faedah tahunan di



bawah caruman ini dan saya yakin ia akan lebih tinggi daripada caruman wang pekerja yang diuruskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Saya memohon diadakan satu caruman Tabung Ibu Emas dan kita boleh menambahbaik Program Anak Emas, di mana ia boleh diwujudkan juga satu caruman tabung Anak Emas di mana Kerajaan juga memberi caruman sehingga anak itu mencapai umur 18 tahun dan dia boleh mengeluarkan wang-wang tersebut. Saya yakin kalau prestasi pengurusan kewangan Negeri di bawah Pakatan Rakyat yang begitu cemerlang. Saya yakin dan rakyat akan yakin dengan caruman-caruman ini di mana ia boleh membawa pulangan yang menguntungkan kepada mereka di bawah caruman ini.

Isu yang seterusnya yang saya akan bawa ialah isu perumahan. Begitu juga saya masih ingat bahawa penubuhan satu Lembaga Perumahan juga diluluskan di Dewan ini pada penggal yang lalu, tetapi pelaksanaan dan penubuhan Lembaga Perumahan ini masih lagi tertangguh. Saya masih ingat jawapan dari EXCO sebelum ini ialah masih menunggu Jabatan Perkhidmatan Awam tentang penambahan kakitangan awam ini dan isu tersebut tersangkut sehingga sekarang, di mana Lembaga Perumahan masih tidak dapat kita laksanakan. Jadi saya mohon supaya ia perlu dipercepatkan.

Isu perumahan juga tidak dapat lari daripada isu rumah kos rendah juga isu rumah kos sederhana rendah. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri dalam mengkaji semula dan melihat semula bagi tujuan membersihkan proses pemilihan pemohon-pemohon rumah kos rendah mahupun rumah kos sederhana rendah ini kerana saya sendiri mendapat banyak aduan bahawa banyak penerima rumah kos rendah ini, sebenarnya memiliki rumah ataupun bagi mereka yang menerima rumah kos rendah ini sebenarnya pendapatan mereka atau keluarga mereka adalah cukup berada dan bukannya miskin.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Berkenaan dengan isu ini, saya ingin bertanya kepada EXCO yang baru menyandang jawatan Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat di mana kalau dulu terdapat banyak rungutan terutamanya kakitangan-kakitangan yang terlibat proses pengagihan, pemilihan calon-calon untuk diberikan rumah kos rendah. Saya difahamkan banyak kes di mana terdapat aduan daripada pemohon-pemohon ini bahawa mereka telah mengemukakan permohonan, tetapi sehingga lima (5), enam (6) tahun masih lagi menunggu. Manakala terdapat calon-calon yang telah pun memiliki rumah kos rendah, namun demikian dipilih semula.

Saya mungkin menjemput Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat semasa penggulangan nanti jika ada apa-apa ketirisan ataupun salah guna kuasa oleh mana-mana kakitangan yang terlibat dan jika ada bukti terhadap kakitangan tersebut wajarkan apa-apa tindakan terhadap mereka kerana

persepsi yang diberikan oleh orang luar kepada Kerajaan Negeri seolah-olah memilih kasih. Banyak sangat rungutan di kawasan saya. Banyak sangat orang memberitahu mereka telah membuat permohonan lima (5) tahun, enam (6) tahun tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang maklum balas. Bila pergi ke kaunter pertanyaan di tingkat tiga (3) di KOMTAR, ataupun di pejabat berkenaan dalam proses, dalam proses dan EXCO berkenaan pula disalahkan. Kerajaan Negeri disalahkan kononnya tidak ada cabutan dibuat, mungkin perkara ini perlu diberi perhatian. Kita ambil tindakan tegas terhadap kakitangan-kakitangan yang terlibat. Jangan berkompromi. Ini adalah perkara yang serius yang wajar diberi perhatian. Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat boleh memberi komen. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Cakap tentang tindakan, saya rasa pemohon yang telah memberi maklumat yang tidak tepat atau benar patut diambil tindakan undang-undang. Saya menyeru penguatkuasaan kepada pemohon yang memberi pengkuan palsu tidak pernah memiliki rumah tetapi hakikatnya mereka telah memiliki rumah dalam permohonan mereka itu, perlulah kita ambil tindakan yang cukup tegas terhadap mereka kerana mereka ini telah merampas peluang golongan yang kurang berkemampuan dari segi peluang untuk mendapatkan tawaran rumah kos rendah ini. Malahan mereka-mereka ini banyak juga yang telah menyewa unit mereka kepada pekerja-pekerja warga asing yang sekali lagi pula membawa isu yang cukup rumit kepada masyarakat setempat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin juga menambah, saya difahamkan dalam isu-isu melibatkan rumah kos rendah, jikalau seseorang telah pun memperolehi rumah kos rendah itu ingin menjualkannya maka terdapat prasyarat bahawa beliau terpaksa, dipaksa memohon untuk mendapatkan *state consent*. Saya menyeru Yang Berhormat Datok Keramat juga untuk meneliti pemberian keizinan daripada Kerajaan Negeri "*state consent*" bukan diberi sewenang-wenangnya kerana saya difahamkan ada banyak kes di mana seseorang itu memohon memperolehi rumah kos rendah, lepas dua (2), tiga (3) tahun menjualkannya untuk keuntungan yang berlebihan.

Mungkin Yang Berhormat Datok Keramat boleh memberi perhatian kepada perkara ini di mana keizinan Negeri, *state consent* itu tidak diberi sewenang-wenangnya. Mungkin kita perketatkan lagi prasyarat-prasyarat di mana *state consent* ini diberikan untuk kita melarang sama sekali orang daripada menggunakan rumah kos rendah ini memohon memperolehi, menjualnya untuk keuntungan yang berlebihan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Isu warga asing yang juga menetap di rumah kos rendah itu memanglah satu isu yang saya rasa Kerajaan Negeri perlulah mengambil tindakan dan juga mengkaji isu ini dengan lebih serius kerana ia telah berlarutan lama dan saya percaya banyak Ahli-ahli di Dewan ini dari penggal lalu telah membangkitkan isu ini. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat menggariskan satu garis panduan atau pun satu dasar bagi mengelakkan warga asing ini, isu warga asing ini tidak terus berlarutan terutamanya mereka yang menetap di rumah-rumah kos rendah.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi di kawasan saya kerana menjayakan saya, membolehkan saya duduk dalam Dewan ini. Walau apapun, saya rasa mungkin bukan sahaja saya perlu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi di kawasan saya. Saya rasa mungkin Ahli Telok Ayer Tawar pun perlu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi di kawasan saya. Kalau tidak, saya tiada di dalam Dewan dan beliau mungkin bukan duduk tempat paling hujung di sebelah sana. Dengan itu, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan pada pagi ini ingin mengalu-alu kedatangan lawatan tiga puluh (30) orang pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Teknik Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada 2 Julai 2013.

Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian dulu? Dipersilakan Ketua Pembangkang.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

*Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi  
Hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih daripada ucapan yang dibuat oleh Tuan Yang Terutama semasa sesi Pembukaan Dewan yang mulai ini. Saya ingin merakamkan setinggi

tahniah kepada Yang Berhormat Speaker yang telah dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri dan juga kepada Ahli Kawasan Sungai Bakap sebagai Timbalan Speaker. Walau pun saya rasa agak janggal sedikit dasar atau pun tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Parti PKR kerana di peringkat Pusat telah mempelopori, Pakatan Rakyat, yang telah mempelopori supaya Speaker dilantik di kalangan seorang yang berkecuali dan dicadangkan pula seorang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, janganlah cakap tak serupa bikin. Walau bagaimana pun, setelah dibuat pelantikan adalah diharapkan, Tuan Speaker atau pun Tuan Yang di-Pertua akan memainkan peranan sebagai pihak yang berkecuali dalam erti kata yang sebenarnya. Kita semua tunggu dan lihat.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Air Putih yang telah mengetuai pasukan yang membawa kemenangan yang besar kepada Negeri Pulau Pinang untuk menduduki penggal yang kedua, mentadbir Negeri ini untuk penggal yang kedua. Sekali lagi ada kejanggalan dari segi slogan yang digunakan "Ini Kali Lah". Mungkin "Ini Kali Lah" berhasil di Pulau Pinang tetapi tak berhasil di peringkat Persekutuan. Kalau lihat istilah atau perkataan ini "Ini Kali Lah", itu bahasa kolokial, ...(dengan izin). Sebenarnya tak digunakan oleh orang Melayu, orang Melayu kata "kali ini" atau pun "kali ini lah". Tapi "ini kali lah" biasanya digunakan oleh kaum yang bukan Melayu jadi mungkin istilah ini ditujukan khusus kepada kaum-kaum bukan Melayu dan ternyata ianya berhasil. Bahasa juga memberi makna yang besar, bahasa ini memberi makna yang besar.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya minta laluan pada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. "Ini kali lah" Ini bahasa orang Sabah. Orang Sabah itu Bumiputera juga. Saya rasa kita tidak perlulah nak bincang mengenai "Ini kali lah" ni untuk orang bukan Melayu ka, orang Melayu kah dah terbukti dah. Seberang Jaya 60% Melayu, undi saya dan pilih saya untuk duduk dalam Dewan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Tahniahlah, tahniah kerana dah menang 60%. Bukan senang nak menang, susah payah. Jadi mungkin sasarannya beberapa kumpulan termasuklah orang-orang Sabah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, banyak yang telah berlaku semasa pilihan raya yang lepas. Banyak juga perkara-perkara atau pun maklumat-maklumat yang telah diputar belitkan sehingga menyebabkan ramai rakyat yang keliru. Terutama sekali melalui tentera siber. Saya tak kata siapa-siapa yang mempelopori tetapi tentu sekali kita lihat perkembangan dari segi komunikasi sekarang melalui media-media sosial ini begitu berkesan untuk mempengaruhi pemikiran dan pola-pola pengundian yang menyebabkan apa yang berlaku semasa pilihan raya yang lepas...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bagilah habis dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit saja.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Okey.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tentang tentera siber ini, sedarkah Yang Berhormat bahawa ada juga Parti Barisan Nasional menyebarkan buku-buku yang mengandungi maklumat-maklumat yang tidak benar tentang Ketua Menteri kita semasa kempen pilihan raya. Senaskah buku itu ada bersama-sama saya yang juga telah turut disebarkan dalam KADUN saya semasa pilihan raya. Saya ada bukti sekarang jadi jangan salahkan *The Red Bean Army* atau *Cyber Troopers*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tak kata *The Red Bean Army*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jadi atau pun mana-mana *cyber troopers* lah. Itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, itu yang dimaksudkan. Jadi perkara ini kita ada bukti sebenarnya. Bukti yang lebih kukuh bahawa sebenarnya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Cukuplah tu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebenarnya apa yang dilakukan adalah oleh Barisan Nasional bukan oleh Parti Pakatan Rakyat. Boleh Yang Berhormat memberi ulasan tentang buku ini. Saya ada bukti.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Yang Berhormat Seri Delima. Tuan Speaker, kita nak bahas tentang cerita. Saya tak sebut pun *Red Bean Army*. Cerita manipulasi melalui tentera siber ni sampai esok pagi pun tak habis. Jadi saya ingat kita tak mahu buang masa Dewan ini untuk membincang hal-hal benda yang menjadi sejarah. Sejarah yang mungkin perlu diambil sebagai iktibar kepada kita semua.

Tetapi memang pengaruh begitu besar sehingga ia menyebabkan pihak-pihak terutama sekali jentera-jentera yang bekerja sampai macam dah begitu naik angin sekali. Semasa cerita sikit tentang apa yang berlaku jam 3.00 petang. Beberapa pemuda membawa bendera roket yang datang meluru ke pusat mengundi nak tangkap Bangladesh yang pengundi hantu. Jadi mereka percaya sebagai betul. Jadi ini yang kita katakan bahawa pengaruh melalui media sosial ini begitu besar sehingga apa-apa yang dinyatakan, bila dinyatakan oleh ramai orang telah diterima sebagai perkara yang betul.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Alexander Micheal John seorang pejuang kebebasan bersuara dan demokrasi menyatakan "demokrasi adalah pemerintahan oleh rakyat" atau pun ....(dengan izin), "*serve government by the people*". Untuk sistem itu berfungsi, rakyat perlu mendapat maklumat yang penuh. Tetapi memanipulasikan maklumat akan menghancurkan idealisme-idealisme dan asas demokrasi itu sendiri. Jadi walau pun kita perlu memberi maklumat tetapi bila maklumat dimanupulasikan proses demokrasi itu telah hancur. Jadi ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Saya ingin menambah juga lagi, mungkin sampai masa untuk saya nak melahirkan kesedihan saya apa yang berlaku. Berkaitan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. PRU Ketiga belas ini Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah begitu menguit hati saya. Seorang bukan seorang, ramai kawan-kawan kita yang berkawan rapat dengan kita, yang boleh bersembang, yang boleh minum kopi dan sebagainya. Sehari sebelum pilihan raya mereka macam lain. Apa yang berlaku pada hari pilihan raya, pandang muka pun tak mahu. Sampai ke hari ini pun mereka tak sanggup bersemuka dengan saya kerana mereka adalah orang-orang yang pernah saya menolong di Balik Pulau.

“YB. Farid tolong kami banyaklah, buat rumahlah dan sebagainya”. Tetapi apa yang disebar oleh siber ini telah menimbulkan macam suatu kebencian di kalangan masyarakat. YB. Tuan Speaker, kita masih berada di sini kerana perpaduan, kerana rasa hormat menghormati. Saya berharap perkara ini tidak berulang lagi, Yang Berhormat. Melalui kebencian satu hari, kesan dan masanya agak panjang untuk memulihkannya dan saya amat sedih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang berlaku. Saya berharap mereka-mereka untuk menyebarkan tidak kira dari pihak mana pun yang menyebarkan fitnah, tohmah, cerita yang tidak benar dan sebagainya harus menghentikannya segera kerana yang penting, Yang Berhormat Tuan Speaker masa depan Malaysia dan masa depan Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya nanti tak sempat nak bentangkan semua. Sikit boleh.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Pulau Betong ada nyatakan. Apa Yang Berhormat Pulau Betong kata tentang kebencian. Sebelum Ahli Kawasan Pulau Betong kata, tengok apa PERKASA buat, tengok apa Utusan Malaysia buat, tengok UMNO buat dalam masa lima tahun yang lalu. Tak mahu saya cakap lagi ka.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Okey, terima kasih. Cukuplah ya. Sudah ada *point* di situ.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Tak mahu saya cakap lagikah? Cukupkah. Apa PERKASA buat, cukupkah?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, bahawasanya menidakkan hak Ahli-ahli Dewan ini untuk membuat soalan dan pertanyaan tentang hal-hal yang melibatkan rakyat adalah satu manifestasi pelaksanaan kuasa mutlak yang tidak seharusnya dilakukan oleh Kerajaan kerana kita dapati bahawa Kerajaan Pulau Pinang melaung-laungkan C.A.T., prinsip Ketelusan, Kecekapan dan Akauntabiliti. Seharusnya membuka luas kepada rakyat melalui wakil-wakil yang telah dipilih untuk bertanya menyoal dan juga melalui itu, Kerajaan memberi penjelasan maklumat supaya semua rakyat boleh memahami apakah dasar, apakah perancangan apakah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Penggal lepas isu jawapan-jawapan bertulis tidak diletakkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menidakkan atau pun tidak membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya mendapatkan maklumat sebelum perbahasan atau pun semasa perbahasan dilaksanakan. Ini satu lagi usaha untuk menidakkan suara rakyat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sedarkan YB. Telok Ayer Tawar pada sesi yang lepas kita bertanya pada Tuan Speaker, kenapa jawapan kita tidak diberikan pada sesi lepas tetapi tidak ada jawapan yang konkrit, depa tak bagi lagi ka? Sesi lepas saya berharap Yang Berhormat yang telah mengangkat sumpah sebagai ADUN dan juga sebagai Speaker tolonglah menyediakan apa yang keperluan mengikut peraturan sedia ada Dewan ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Kita semua mengharap bukan sahaja pembangkang tetapi saya juga bercakap bagi pihak-pihak *backbencher* sekurang-kurangnya ketelusan itu dapat dibuktikan melalui kesediaan pihak Kerajaan untuk berdepan dengan apa-apa pun persoalan atau pun masalah yang dihadapi oleh rakyat yang disuarakan oleh Ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat itu sendiri.



Jadi YB. Tuan Speaker, setelah melalui warna warni Pilihan Raya Ketiga Belas, adalah diharapkan persidangan ini dapat memberi, menghormati keutuhan, Ahli-ahli Dewan dapat menghormati keutuhan dan dapat berbahas dalam Dewan dengan tenang dan waras serta menghormati sesama kita di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu, janganlah pihak yang telah menang  $\frac{3}{4}$  daripada kerusi dalam Dewan ini merasa terlalu bongkak dan sombong dan gila kuasa, Eric Costner menyatakan ....(dengan izin) *those in position of absolute power cannot only pro-visit can make come true but they can also life and make their life come true* dan bila di sini ya, mempunyai kuasa yang mutlak janganlah dan haruslah kita berhati-hati supaya kita tidak menggunakan kuasa itu untuk memanipulasikan rakyat dan juga membuat pembohongan dan kita berusaha kita memberi peringatan dari peringkat awal cuba untuk membuat pembohongan dan apa ini mengelirukan rakyat dan mempercayai apa yang tidak betul itu betul.

Ingin saya menarik perhatian Dewan kepada Buletin Mutiara yang disebar, diedarkan rumah ke rumah sejak penggal yang lepas sebenarnya Buletin Mutiara ini perkenalkan semasa saya menjadi ahli EXCO Penerangan dulu tahun 2000. Semasa itu kita hanya membelanjakan RM200,000 setahun untuk edisi-edisi yang dikeluarkan dan diedarkan kepada pejabat-pejabat, sekolah-sekolah dan Dewan orang ramai tetapi sekarang buletin mutiara diedarkan sebanyak 700,000 satu edisi, dua edisi sebulan dengan perbelanjaan sebanyak RM1.4 juta sebulan, jadi ini adalah satu jumlah yang besar dan telah digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyebarkan maklumat kepada semua rakyat dan ada bentuk manipulasi di sini untuk menginterpolasikan rakyat tentang, kelebihan-kelebihan Kerajaan yang ada sekarang.

Ini terbukti melalui edaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta *pull out* atau pun, dalam Bahasa Mandarin dan Tamil yang mana ianya tidak sama. Dalam Bahasa Malaysia diagung-agungkan pemimpin-pemimpin Kerajaan pertama sekali yang Melayunya dan tentu sekali gambar dan aktiviti-aktiviti Ketua Menteri di hampir-hampir setiap muka dalam edisi Bahasa Cina dipamerkan, bukan sahaja aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri tetapi juga tohmahan-tohmahan atau tuduhan-tuduhan kepada Kerajaan Pusat, tidak dilayan permohonan-permohonan peruntukan tidak diberi dan sebagainya. Liputan ini tidak menyeluruh, berita ini tidak mempamerkan keseluruhan aktiviti yang berlaku di seluruh Negeri Pulau Pinang kerana apa yang berlaku di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri, Pembangkang tidak ada satu pun dimuatkan, walhal ini untuk maklumat rakyat Pulau Pinang beritahulah semua, bukan saja YAB. Ketua Menteri ....(dengan izin) *want to see the show* jadi di sini.

Apa jadi dengan peruntukan-peruntukan Pusat yang begitu banyak yang diberi kepada Kerajaan Negeri kita dapati di sini untuk kebajikan saja satu perkara dari tahun 2008-2012 RM214 juta diberi tidak ada disebut pun masjid lima (5) dah siap sembilan (9), dalam proses pembinaan, infrastruktur RM71.7 juta dan seterusnya banyak peruntukan Kerajaan Pusat yang tidak dimaklumkan langsung kepada rakyat Pulau Pinang. Jadi ini memberi satu persepsi bahawa hanya YAB. Ketua Menteri dan pasukannya yang berjasa sepenuhnya untuk memakmurkan rakyat Pulau Pinang dan membela rakyat Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat tak mahu bantu langsung. Jadi ini persepsi negatif yang tidak sepatutnya berlaku, berilah keseimbangan dan juga penghargaan kepada Kerajaan Pusat yang telah banyak membantu kita di Negeri Pulau Pinang terutama sekali permohonan-permohonan projek mega. Saya nampak dalam keratan akhbar sokong projek mega, bukan semua projek mega boleh dilaksanakan dengan usaha swasta dan Kerajaan Negeri.

YB. Speaker bercakap tentang kemakmuran Negeri Pulau Pinang ini memang kita mengetahui usaha berterusan harus dibuat bagi menarik pelabur-pelabur datang untuk melabur di Negeri kita, tetapi yang peliknya pada tahun 2010, 2011 rombongan-rombongan oleh Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri pada masa itu *Province Wuhu* mana ni...(gangguan) mujur lagi Timbalan Ketua Menteri 1, tak ada dalam ini tetapi ini dalam sejarah atau pun maklumat yang dihebahkan melalui televisyen, surat khabar di Han Hui ini di Wuhu, saya ada di sini gambar besar, menunjukkan semua orang boleh lihat, termasuk Tuan Speaker sendiri, hadir di dalam rombongan-rombongan ini, Ahli-ahli EXCO semua pergi menandatangani apa ini perjanjian dengan Wuhu untuk menubuhkan Wuhu *Penang Electronics Park*. *Penang Wuhu Electronics Park* yang akan menjana pelaburan sebanyak RM6.5 billion. Pulau Pinang nak tarik pelabur datang tapi ini kita membawa rombongan untuk pergi melabur di Negara China, dah terbalik pula, kenapa tak panggil orang Cina Wuhu datang ke Penang untuk melabur dan kemudian yang peliknya pula, bila telah diumumkan yang peliknya Buletin Mutiara tidak cerita pun ada rombongan pergi, ada pelaburan, kita rakyat Pulau Pinang pun nak tahu apa isi kandungan, apa perincian pelaburan itu, banyak mana ekuiti Negeri Pulau Pinang pegang dalam projek ini. Syarikat-syarikat ini telah dimaklumkan, saya tak mahu cerita di sini apa syarikat-syarikat yang terlibat tapi yang paling pelik bila ditanya kepada YAB. Ketua Menteri dia cakap tak tahu, macam mana boleh tak tahu? Nak guna peruntukan Kerajaan Negeri, nak keluar negara, nak bawa rombongan yang begitu besar tentulah memerlukan kelulusan oleh EXCO, tentu ada kertas mesyuarat dan *agreement* perjanjian ini tentulah diluluskan terlebih dahulu, dihalusi oleh Penasihat Undang-undang Negeri dan sebagainya. Jadi ini satu persoalan besar yang saya rasa pihak Kerajaan Negeri perlu memberi penjelasan apa dah jadi? Sekarang senyap pun dan kenapa pergi bawa pelabur pergi melabur di Negara China, walhal kita di sini pun perlu pelaburan-pelaburan itu jadi YB. Tuan Speaker...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan tentang Buletin Mutiara, saya ingin menuntut keadilan mendapatkan pengetahuan supaya Buletin Mutiara ini dibuat tiga (3) bahasa. *Fine* tetapi biarlah bahasanya berlainan tetapi maksud yang sama, bahasa Malaysia cerita yang sama di *translate* kan dalam bahasa Cina dan Tamil yang sama, barulah kita dapati masyarakat mendapat maklumat yang sama bukan seperti sekarang ini bahasa Malaysia cerita lain kita minta supaya Kerajaan Negeri menyeragamkan berita dalam Buletin Mutiara untuk keadilan mendapat pengetahuan rakyat Pulau Pinang, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

YB. Tuan Speaker, saya beralih kepada isu wanita mengikut *convention on the Elimination of Discrimination Against Women* atau CEDAW. Konvensyen itu menyaranan supaya semua Kerajaan melaksanakan perundangan-perundangan yang konsisten dengan resolusi, dasar-dasar yang memberi kesaksamaan dan keadilan kepada semua wanita. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri juga seharusnya memberi komitmen dan untuk menghapuskan diskriminasi berasaskan *gender* selaras dengan fasa 82 Perlembagaan Persekutuan memang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa kita tidak membenarkan diskriminasi terhadap wanita.

Kita juga mengalu-alukan perkembangan keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan bahawa majikan yang menarik balik tawaran kerja kepada seorang wanita hanya kerana beliau mengandung adalah satu diskriminasi, banyak lagi, episod atau perkara-perkara seperti ini berlaku tetapi tidak di bawa ke mahkamah dan diskriminasi terhadap wanita masih rata-rata berada, mungkin tidak dalam bentuk diskriminasi. Kita begitu mengalu-alukan kehadiran empat (4) Ahli Dewan Undangan Negeri dari golongan wanita, tahniah yang telah menang bukan mudah untuk dicalon pun, dan saya juga terima kasih kepada Barisan Pembangkang walaupun saya seorang, wanita mereka memberi keyakinan kepada saya untuk memimpin.

Jadi di sini, saya nak tanya Kerajaan Negeri mungkin dari dalam portfolio Padang Lalang. Apakah tindakan-tindakan yang dibuat untuk memenuhi tuntutan supaya dasar sekurang-kurangnya 30% wanita terlibat di dalam proses membuat keputusan yang dibuat. Apakah bentuk *gender centralisation*, kesedaran yang harus dilaksanakan sebab bukan mudah nak ubah pemikiran orang ramai, kita harus memberi tahniah kepada Negeri Sweden, yang begitu tinggi penglibatan 50% wakil rakyatnya adalah wanita dan jangan pula jadi macam Australia Juliette Gaylait dan naik sampai jatuh dan banyak isu-isu *femininity sexism* telah dibawa sehingga beliau terpaksa diturunkan. Jadi di sini satu bentuk *informative action* tindakan yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan dasar ini bukan sekadar membuat

token, kita mula umumkan adanya yang DiPertua MPPP, MPSP, DO, EXCO wanita seorang. Empat (4) menang bagi dua (2) duduk dalam Dewan ini. Macam kita dulu saya macam Dato' Kee Phaik Cheen semua berkaliber dan berkebolehan bagi peluang bagi duduk dan bagi tempat Timbalan Ketua Menteri. Mewakili 50% wanita dalam Negeri Pulau Pinang. Memang layak, memang boleh. Ketua Menteri pun boleh. Kena ada *political will*.

Jadi Yang Berhormat Speaker, saya ingin bertanya tentang Pelan Tindakan untuk melaksanakan untuk melaksanakan dasar tersebut sekurang-kurangnya mula dari Dewan ini, mula daripada JKKN, MPSP, MPPP keanggotaanya adakah 30%, sekurang-kurangnya wanita dan juga dalam Kerajaan Negeri, jangan kita kata tak ada kebolehan, memang ramai kakitangan yang juga mempunyai potensi untuk mengisi keperluan kenaikan pangkat dan sebagainya dan semoga isu wanita ini tidak dibangkitkan kerana wanita sahaja, bukan kerana isu demokrasi dan lain-lain.

YB. Tuan Speaker, sebenarnya di Pulau Pinang ini Bumiputera adalah kelas ketiga, selalu dilaung-laungkan bahawa orang keturunan India dan Cina kelas kedua. Saya bukan nak menimbulkan isu perkauman di sini. Tetapi masalah ini telah menghantui kita dari sebelum merdeka, iaitu kesaksamaan di dalam *sharing the cake* ini tadi, kemakmuran negara, menikmati kemakmuran negara. Di dalam ucapan Tuan Yang Terutama.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan YB. Speaker.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bagilah saya bagi habis dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebelum...(gangguan). Peraturan-peraturan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tak bagi laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Peraturan 46 (13) saya sakit hati dengan penggunaan perkataan Bumiputera di Pulau Pinang adalah kelas tiga (3). Saya minta Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar tarik balik kenyataan itu. Kalau mungkin sebelum tahun 2008 di bawah pemerintahan Barisan Nasional mungkin dilayan begitu selepas 2008 Pakatan Rakyat membela rakyat di Pulau Pinang semua kaum tak kira orang Melayu, Cina, India semua dibela saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak ada penjelasan, saya minta tarikh balik. Sila tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Apa nak tarik balik. Seri Delima bukan Bumiputera pun. Apa nak tarik balik apa yang sakitkan hati.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Menyakitkan hati, di dalam kawasan saya ada...(gangguan), di sana ada pengundi-pengundi Bumiputera yang mengundi untuk saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya belum habis memberi penjelasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengar dulu justifikasi kenapa saya buat kenyataan itu. Saya belum habis perbincangan saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Di kawasan Tun Sardon.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Perbincangan saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker. Saya minta YB. Telok Ayer Tawar tarik balik kenyataan itu, tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Dengar dulu mengapa saya membuat justifikasi seperti itu. Terima kasih Seri Delima. Walaupun di Negeri Pulau Pinang sekarang jumlah populasi ataupun penduduk Melayu 41.6%, Cina 40.9%, India 17.5% hakikatnya di sini dari segi jumlah pendapatan sahaja saya tak mahu banyak cerita tentang hal-hal lain pendapatan bulanan isi rumah, *household* di Negeri Pulau Pinang pada tahun 1999 hingga 2012, kaum Cina RM6,366.00, India RM5,230.00, Melayu RM4,457.00 dan ini dimanifestasikan jurang ini di dalam semua sektor-sektor. Kalau cakap tentang ekonomi, pendapatan memberi implikasi kepada ekonomi, keupayaan untuk memiliki harta membeli rumah misalannya kita dapati bahawa pembangunan di Negeri Pulau Pinang yang begitu pesat dan kenaikan harga rumah kelmarin sebanyak 137% kenaikan harga rumah di Pulau Pinang. Jadi ini dimanifestasikan keupayaan kaum Bumiputera untuk memiliki rumah, tanah dan sebagainya yang juga di peringkat yang rendah dan terjemahannya kepada semua-semua. Kalau kita kaji maklumat yang ada memang menunjukkan bahawa dari segi ekuiti yang menyeluruh. Kaum Bumiputera adalah di peringkat yang bawah sekali.

Inilah yang menyebabkan satu perkara yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri, kalau ada AES Agenda Ekonomi Saksama janganlah AES hanya memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan sahaja. Kemiskinan tegar misalannya, nak naik pendapatan isi rumah RM770.00 pendapatan isi rumah supaya tidak ada lagi kemiskinan tegar sifar, baguslah, itu memang harus diberi tumpuan, tetapi kalau AES sebenarnya Agenda Ekonomi Saksama biarlah ia secara yang menyeluruh. Supaya dapat diberi juga perhatian kepada perkara-perkara yang menyebabkan ketidakpuasan ataupun ketidakseimbangan ataupun kekurangan, kelemahan yang wujud tidak diatasi.

Satu contoh yang saya beri, kalau sebut tentang pemilikan harta tadi, kedai komersial, unit-unit komersial di Negeri Pulau Pinang Bumiputera hanya memilik 2% sahaja, daripada unit-unit komersial, ini adalah satu jumlah yang amat kecil ...(dengan izin) *negligible* hampir kosong. Kalau tolak institusi-institusi yang memilik seperti MARA, UDA, JKP dan lain-lain lagi lagi teruk. Jadi di mana kedudukan Bumiputera di Negeri Pulau Pinang. Walhal, 51% sekarang penduduk Pulau Pinang adalah Bumiputera tetapi hanya memilik 2% kedai

ataupun unit komersial dan dalam hal-hal lain pun semuanya terserlah. Penglibatan Bumiputera dalam segi sektor pelancongan dan juga hanya 2% hingga 3%. Ini cukup membimbangkan dan harus diberi perhatian biarlah ada satu kesungguhan di pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa saya beri kesimpulan kawasan saya di Sungai Gelugor, banyak rumah di situ semuanya banglo semuanya milikan kontraktor-kontraktor daripada UMNO. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa jika ada pun peluang semua peluang-peluang ini direbut kroni-kroni UMNO, banyak lagi yang dimiliki oleh kontraktor-kontraktor besar yang selalunya mempunyai kabel-kabel Barisan Nasional jika ada peluang, peluang hanya direbut diberikan Bumiputera atau UMNO Putera orang-orang Melayu yang menghendaki tidak diberi peluang atau dipinggirkan. Ini adalah hakikat dan jangan main tuduh Kerajaan sekarang mengatakan bahawa pemilikan harta di Pulau Pinang ini adalah 2%. Ini adalah mungkin berlaku akibat kroni-kroni Barisan Nasional atau amalan UMNO. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

YB. Tuan Speaker, saya tak sebut pun UMNO, DAP apa kah. Macam tadi saya tak sebut pun *red beans army*, Ahli Seri Delima ini begitu dramatik sekali, nak menonjolkan isu-isu yang sensitif yang tidak kita mahu sentuh kerana ia....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat dulu pun Ahli EXCO. Apa yang Yang Berhormat lakukan sejak menjadi EXCO untuk menangani masalah ini. Dulu mengapa tidak buat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Kerajaan Negeri sekarang perlu menerima jangan berselindung di belakang tabir. Penggal lepas sudah cerita, kami mewarisi masalah itu, masalah ini, sekarang dah memerintah lagi lima (5) tahun dan akan terus memerintah lagi lima (5) tahun buatlah kerja. Selesailah masalah ini, tunjukkan bijak kepakaran dan tunjukkanlah kesungguhan. Ini rakyat Pulau Pinang nak tengok tak payah cerita pasal orang dulu-dulu dan kita tak bangkitkan parti di sini, kita bangkitkan isu rakyat, isu parti adalah *secondary*. Ini kita wakil rakyat walau mewakili parti, tetapi kita masih lagi mengutamakan masalah rakyat.

Jadi YB. Speaker, dasar-dasar yang dibuatkan oleh Kerajaan Negeri sekarang menyebabkan jurang ini menjadi lagi besar. Satu, dalam penggal lepas timbul di dalam laporan audit, Tabung Perumahan Bumiputera iaitu

kutipan yang diperolehi daripada kuota-kuota Bumiputera yang dilepaskan, kutipan ini mencecah jutaan-jutaan ringgit. Laporan Audit menyatakan tidak ada satu perancangan pun untuk menggunakan tabung ini. Saya pun tak tahu sampai sekarang tabung ini mungkin banyak berganda. Silakan Ahli Kawasan Air Itam, bekas EXCO Perumahan dulu, silakan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kita telah umumkan penggunaan wang tersebut untuk projek perumahan di S.P. Chelliah, sudah ada pengumuman di surat khabar barangkali Telok Ayer Tawar terlepas pandang di surat khabar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Terima kasih. Saya haraplah tabung ini dimanfaatkan sepenuhnya dan bukan sahaja bergantung kepada tabung ini, dasar-dasar yang saya sebut tadi lebih meluaskan lagi lompong, iaitu Kerajaan Negeri membenarkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah kos rendah di luar kawasan projek misalnya projek di DTL, pemaju-pemaju dibenarkan membina rumah di SPS ataupun di Balik Pulau. Saya tak bersedia untuk contoh tetapi sekurang-kurangnya perumahan kos rendah yang mampu dibeli dibina di kawasan projek kerana ini akan membolehkan di kawasan-kawasan DTL, SPT yang mana permintaan perumahan itu tinggi dapat memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk membeli. Kemudian satu lagi dasar.

**YAB. Ketua Menteri:**

Hendak minta penjelasan, terima kasih kerana kita mengambil berat tentang ucapan dan hujah daripada Ketua Pembangkang. Saya bukan nak berpolemik di sini tapi tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa projek dekat DTL dibenarkan membina rumah mampu milik di SPS, di situ satu tuduhan yang sangat serius berilah contoh tak apa. Bolehkah nyatakan itu projek sedemikian, kita nak ambil tindakan, kalau ini berlaku itu satu perkara yang serius kerana pihak Kerajaan Negeri tak pernah benarkan daripada Pulau dipindahkan kepada Seberang. Kadang-kadang dari DTL pergi DBD kerana ia sempadan. Tapi tak sama daripada Pulau ke Seberang itu lain. Kalau ada pergi ke Seberang SPS daripada DTL ke Seberang, Saya harap Yang Berhormat bolehlah memberikan bukti supaya kita boleh ambil tindakan. Janganlah ambil itu tuduhan liar yang tidak berasas kerana ini bukan satu permulaan yang baik sebagai Ketua Pembangkang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya hendak tanya Ahli Kawasan Air Putih, Projek Bayan Mutiara. Adakah peruntukan atau kuota kos rendah itu di bawa ke Seberang?



**YAB. Ketua Menteri:**

Tidak.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Kalau tidak, tidak mengapa, janganlah. Tetapi bila bawa ke Balik Pulau pun sama juga.

**YAB. Ketua Menteri:**

Tidak mengapa. Kalau tidak Bayan Mutiara tidak, tetapi tadi Yang Berhormat cakap daripada DTL pindah ke SPS. Ada atau tidak bukti supaya kita boleh ambil tindakan. Ada bukti?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tidak ada bukti tetapi Bayan Mutiara tadi kalau tidak okeylah, itu bukan satu contohnya yang boleh diberi, mungkin selepas ini.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat kena tarik balik tuduhan tadi kerana ini tidak betul.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya kata kalau buat, jangan buatlah.

**YAB. Ketua Menteri:**

Cakap kalau buat, cakap daripada DTL ke SPS. Saya harap Yang Berhormat *gentle*. Kalau tidak benar tarik balik tuduhan ini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tarik balik yang perkataan mengatakan dari Penang, Pulau ke Seberang tetapi dari daerah DTL ke DBD pun juga akan memberi kesan yang negatif kerana kita tahu kos tanah di DTL begitu tinggi di DBD rendah dan rumah-rumah tentu menjadi bukan lagi *affordable* ....(dengan izin) kalau macam itu. Satu lagi dasar....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya rasa Ketua Menteri telah menjelaskan memang tidak pernah, tetapi apa salah kalau kita melihat semula, dibenarkan apa salahnya. Tadi Yang Berhormat kata Bumiputera dipinggirkan. Bumiputera kebanyakan di Seberang Perai. Kalau dibenarkan, apa salahnya tetapi sekarang belum.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Terima kasih. Saya tidak kata Bumiputera dipinggirkan. Saya kata Bumiputera mempunyai kuasa membeli yang rendah. Jadi oleh sebab itu, rumah-rumah yang harga yang tinggi tidak mampu dimiliki, ini mengurangkan keupayaan Bumiputera untuk memiliki rumah. Oleh kerana itu, rumah-rumah kos sederhana, kos sederhana rendah seharusnya dibina di tapak projek supaya ia membolehkan Bumiputera memilikinya, terutama sekali di kawasan DTL. Projek-projek mewah begitu banyak sekali dan ini kalau kita tidak mengenakan syarat supaya projek kos rendah dibina di tapak projek itu sendiri maka ini akan menidakkan kaum-kaum Bumiputera untuk memiliki rumah di kawasan bandar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Penjelasan Telok Air Tawar. Saya tertarik dengan Padang Kota tadi. Kenapa tidak cuba, saya rasa Yang Berhormat Padang Kota orang miskin dia bukan berada di SPS sahaja. Orang miskin ada yang miskin bandar, mereka juga memerlukan rumah, seperti SP Chelliah contohnya, orang miskin bandar pun perlu untuk memiliki rumah kos rendah untuk mereka diami. Jadi saya rasa lebih baik supaya dalam pembangunan DTL ada kos mahal dan ada kos mampu milik, supaya masyarakat Pulau Pinang boleh berada di mana yang mereka hendak yang sesuai dengan mereka tanpa perlu memindahkan mereka daripada pekan ke kawasan luar bandar.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan lagi. Itu memang saya rasa Kerajaan lepas dan Kerajaan hari ini pun sedar masalah ini. Kalau ditegaskan perumahan mampu milik atau kos rendah perlu dibina di daerah yang sama, jadi banyak *low cost* pemaju boleh bina setakat 149 sahaja dan dia bebas dari buat kuota yang disyaratkan. Jadi itu memang Yang Berhormat Pulau Betong sedarlah tentang masalah ini. Kalau di Pulau dari Daerah Timur Laut ke Barat Daya itu boleh dipertimbangkan sebab masih di dalam Pulau. Bagi masa hadapan saya rasa apa salah kita lihat semula kalau dibenarkan juga dipindah ke Seberang Perai.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Padang Kota, memang betul terdapat satu peraturan yang mengatakan *more than hundred fifty* rumah kos rendah, jadi mereka membina 149 kurang daripada 150 bagi membolehkan mereka tidak membina rumah kos rendah. So kalau polisi ini sebenarnya membawa kemudaratatan kepada penduduk-penduduk mengapa tidak ubah, jadikan 100. Contohnya supaya mereka tidak mengambil kesempatan kerana pemaju mengutamakan keuntungan. Mereka akan mencari apa saja yang mereka boleh buat untuk memastikan mereka dapat lebih. Jadi Kerajaan Negeri sepatutnya memerhati perkara ini dan mengambil tindakan tertentu bagi membolehkan perkara yang tidak sepatutnya berlaku, berlaku.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Boleh saya teruskan. YB. Tuan Speaker, saya masih bercakap tadi tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri yang seharusnya mengurangkan lompang tadi dan bukan membesarkan lagi lompang ataupun jurang pemilikan harta. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi pertimbangan yang positif ke atas permohonan-permohonan yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti UDA, PERDA, MARA dan sebagainya kerana mereka kebanyakannya mempunyai bank tanah di kawasan-kawasan luar bandar ataupun kawasan-kawasan yang boleh memberi membina projek-projek mampu milik untuk rakyat yang menyeluruh terutama sekali Bumiputera. Jadi ini kalau projek-projek ini ditahan, dilengah-lengahkan dan dikenakan syarat-syarat yang membebankan maka ini akan menyebabkan pelaksanaan projek ini tergendala dan ianya akan mengurangkan penawaran rumah.

Satu perkara lagi tentang *demand* dan *supply* ini pembekalan dan permintaan perumahan memang terdapat perbezaan yang besar dari segi projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan atas permintaan pihak-pihak swasta yang tidak seimbang kerana tentu sekali untuk DTL dibangunkan oleh kerana tanah sudah mahal dan sebagainya tarikan pembeli-pembeli dari luar negara untuk membeli di kawasan George Town dan sebagainya. Tawaran perumahan yang tidak seimbang ini berlaku kerana tempat-tempat yang mudah dibangunkan seperti SPS menawarkan begitu banyak sekali rumah kos rendah tetapi tidak diambil.

Pejabat Perumahan mengalami masalah apabila tawaran-tawaran tidak diterima kerana rumah-rumah kos rendah ini jenis *walk up* flat lima tingkat yang tidak popular. Orang kampung tidak mahu duduk. Sebaik-baiknya rumah kos rendah sebaiknya jenis klaster, jenis kurang daripada tiga (3) tingkat memudahkan orang tinggal dan meningkatkan lagi permintaan. Jadi dari segi dasar-dasar perumahan ini harus diteliti semula. Padang Kota hendak cadang

supaya dibuka pula nanti *treat off* ini tadi supaya boleh dipindahkan rumah kos rendah Pulau Pinang ke Seberang ini satu persoalan yang harus difikir dengan sedalam-dalamnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita dimaklumkan bahawa satu projek besar *Eco-fun theme park*, taman tema akan dibina di Pulau Pinang, setelah diumumkan oleh Ketua Menteri pada 21 Ogos 2009, lama sudah itu dan *proposal* itu akan dibina oleh sebuah syarikat di Batu Feringghi. Tender terbuka dibuat pada 1 Oktober 2009 dan tutup pada 1 Disember 2009, komponen pertama akan dibina dalam masa 18 bulan, kesemuanya akan disiapkan dalam masa empat (4) tahun. Jadi ini sudah 2013 kita tidak dengar cerita tidak ada berita pun tentang projek itu ...(ketawa). Saya pun hendak tanya, kita memang mengalu-alukan projek-projek besar macam ini kerana ini adalah satu tarikan besar kepada Negeri Pulau Pinang.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya minta Yang Berhormat Telok Bahang boleh dia boleh *confirm* itu *Eco-theme park* beroperasi atau tidak...(gangguan), ada beroperasi atau tidak? Tak ada serupa. Yang Berhormat Telok Bahang tolong berikan tunjuk ajar kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Okey. Satu perkara lagi.

**YAB. Ketua Menteri:**

Sekurang-kurangnya minta maaf sikit.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Minta maaf kalau saya terlepas pandang tadi. Nama telah berubah. Kita mengalu-alukan projek-projek besar ini, usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang. Kita dimaklumkan bahawa unjuran kemasukan pelancong untuk tahun akan datang adalah sebanyak 6.5 juta pelancong untuk Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang sebelum ini memang menjadi satu ataupun menduduki tempat yang tinggi dari segi kemasukan pelancong ke negara, ke Malaysia dan kita pun tidak tahu kenapa akhir-akhir ini sudah menjadi tercorot kerana Negeri Melaka telah mengatasi kita dan diumumkan dalam surat khabar Star hari ini, unjuran mereka adalah 14 juta pelancong dan ini satu perkara yang kita harap dapat diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri.

Kemasukan pelancong ini 70% di Pulau Pinang 60% lebih adalah pelancong domestik dan jumlah pelancong yang paling ramai yang datang ke negara kita termasuk Pulau Pinang adalah dari Negara China juga termasuk Negeri-negeri lain, Negara Eropah dan lain-lain. Jadi di sini, kita tidak mahu Negeri Pulau Pinang menjunam sebagai satu Negeri yang menjadi tarikan pelancong. Kita begitu banyak sekali produk yang ada yang boleh menarik pelancongan dan di sini kita harap Pesta Pulau Pinang misalannya janganlah jadi pasar malam sahaja. Kita hendak lihat Pulau Pinang menonjol sebagai sebuah Negeri pelancongan kerana *Pearl of the Orient*, Mutiara Timur ada jenama. Kalau kita pergi ke luar negara, saya dulu duduk di *Westmont* semasa belajar di London ada sebuah kedai namanya Penang saja. Kedai jenama Penang, Pulau Pinang sudah ada jenama sudah masyhur letak kedai nama Penang pun orang sudah pergi kerana orang tahu ada banyak makanan yang menarik dari Pulau Pinang. Saya tidak tahu sama ada Melaka ada kedai nama Melaka di London dan sebagainya tetapi Penang ada dan kita ada banyak produk-produk Pulau Pinang yang termasyhur seperti laksa Penang dan sebagainya sudah tidak perlu lagi dipromosikan, sebut sahaja sebut saja dalam menu akan dipilih.

Jadi di sini Pulau Pinang memang mempunyai daya tarikan tetapi kita tidak dapat mengekalkan kejuaraan kita dari segi tarikan kerana kurang produk-produk yang menarik. Saya tengok dalam *brochure* lupa hendak bawa hari ini kubur Kristian pun dimasukkan sebagai di Farquhar Street sebagai destinasi pelancongan. Ia ada sejarah, mungkin ada orang minat juga hendak pergi tengok kubur Kristian. Jadi di sini biarlah penonjolan produk-produk ini adalah *world class* ...(dengan izin) bertaraf dunia yang boleh menarik pelancong-pelancong dan promosi-promosi seharusnya juga mempamerkan kepelbagaian budaya yang ada di Negeri Pulau Pinang, kerana akhir-akhir ini kita lihat bahawa kepelbagaian ini mungkin tak sebegitu pelbagai kerana nak ditonjolkan semua pelbagai budaya dan makanan, dan lain-lain mungkin boleh dipamerkan di tempat-tempat yang popular. Mula mungkin dengan pasar malam, juga boleh tunjukkan dengan kebudayaan juga dan sebagainya. Biarlah satu usaha yang bersepadu dan bersungguh-sungguh dijalankan untuk menarik pelancong-pelancong datang di Negeri kita kerana memang Pulau Pinang telah pun ada di peta dunia sebagai sebuah tempat yang seharusnya dilawati. Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya nak buat satu pembetulan sahaja, iaitu dari segi jumlah angka yang disebut tadi bahawa Melaka ada 14 juta pelancong, itu tapi walau macam manapun Pulau Pinang melebihi Melaka ini adalah angka daripada Kementerian Pelancongan sendiri, kalau Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar mendapat angka daripada Kerajaan Negeri Melaka itu rekaan

merekalah, tapi yang kita berpandukan ialah daripada angka-angka yang dikeluarkan daripada Kementerian Pelancongan. Memang dari aspek bilangan Pelancong Pulau Pinang melebihi Melaka, kalau kita gunakan *common sense* ...(dengan izin), bilangan hotel yang ada Pulau Pinang sekali ganda lebih, saya ingat hampir dua kali ganda lebih daripada apa yang ada di Melaka so tak mungkin dengan penginapan ada penginapan yang tinggi di Pulau Pinang tak mungkin Melaka melebihi Pulau Pinang dari segi pelawat-pelawat daripada luar Negeri. Ini yang pertama.

Kedua ialah tentang bilangan pelancong, yang nombor satu (1) bukan daripada Negara China pelancong-pelancong ke Pulau Pinang, yang nombor satu (1), saya rasa Yang Berhormat Telok Ayer Tawar dekat Pulau Pinang tahu yang pertama ialah Indonesia yang merupakan satu (1) sumber yang amat penting, khususnya untuk pelancongan perubatan. Yang kedua ialah daripada negara Thailand dan Singapura untuk Negara China dia jauh di belakang, tapi kalau Yang Berhormat nak mencadangkan mungkin kita harus berusaha gigih itu memang kita boleh menyumbang tapi dari segi pendekatan Kerajaan Negeri kita masih menumpukan Indonesia, Singapura dan negara-negara jiran kerana lebih senang untuk mereka untuk sampai ke Pulau Pinang dan tanpa pelawat dari Indonesia kita susah ini saya kena cakap terus terang. Itulah sebabnya kita masih kena berikan tumpuan kepada pelawat-pelawat dari Indonesia. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):**

Angka yang saya dapat tadi YB. Tuan Speaker adalah daripada berita di *Star* hari ini yang menceritakan tentang isu Junker Walk dan sebagainya. Terima kasih kepada Ahli daripada Air Puteh yang telah menjelaskan angka-angka yang sebenarnya untuk Negeri Pulau Pinang jadi di sini kita mengharapkan supaya produk-produk yang pelbagai dapat diketengahkan untuk pelancong-pelancong di Negeri Pulau Pinang, mungkin di Melaka kurang penginapan tetapi mereka yang banyak itu datang adalah pelancong tempatan mungkin harian sahaja dan sebagainya.

Jadi YB. Tuan Speaker kita baru bersidang untuk Dewan kali ini kita banyak ingin mendapat penjelasan tentang perincian pelaksanaan program-program ataupun projek-projek yang telah dijanjikan di dalam manifesto yang dibuat oleh Parti Kerajaan yang tertera di dalam manifesto sebelum Pilihan Raya Kedua Belas perkara yang besar yang ingin dilaksanakan antaranya beberapa projek mega. Projek mega seperti terowong yang telah diumumkan pada bulan empat (4) saya ingat sebelum pilihan raya di mana kontraktornya sendiri telah pun dilantik melalui satu proses tender.

Sebagai wakil rakyat untuk kawasan Telok Ayer Tawar di mana tapak projek akan bermula iaitu di Bagan Ajam, rakyat di kawasan Telok Ayer khususnya di Bagan Ajam nak tahulah bagaimanakah projek ini akan dilaksanakan dan telahkah dibuat perbincangan awam, untuk memaklumkan tentang projek ini. Pengumuman oleh Ketua Menteri dua perjumpaan telah dibuat di Sungai Dua dan di Butterworth, mungkin tidak melibatkan kesemua pihak-pihak yang akan terjejas oleh projek besar ini, terutama sekali nelayan-nelayan Pantai. Kita dapati dalam projek Jambatan Kedua yang sedang dalam binaan untuk menanam cerucuk saja sebanyak sejuta selut terpaksa terpaksa dikeluarkan dan bila dikeluarkan satu juta matrik tan selut ini, ia telah menjejaskan kawasan-kawasan mainan ikan, dan tentu sekali ia memberi kesan besar kepada jumlah kutipan ataupun tangkapan ikan. Jadi di sini walaupun perikanan, pertanian hanya merupakan 2% daripada *growth domestic produce* Negeri Pulau Pinang, tetapi janganlah kita pandang enteng kerana ini merupakan mata pencarian nelayan-nelayan dan seharusnya mereka dibawa berbincang dan kesannya diminimumkan supaya sebab projek ini panjang untuk diimplimentasikan. Terowong bawah tanah ini menjadi satu daya tarikan yang besar untuk Negeri Pulau Pinang kita akui dan kita pun tidak menghalang atau membantah satu perancangan untuk memajukan Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada nelayan-nelayan ini yang akan terjejas kampung-kampung di pantai adakah juga terlibat tetapi persoalan saya sekarang pun dah masuk 100,000 kenderaan dalam Negeri Pulau Pinang dan kalau musim cuti 300,000 kenderaan masuk ke Negeri Pulau Pinang. 2010 saya dimaklumkan dalam penggal lepas 300,000 sampai daripada Singapura nak datang masuk Pulau Pinang, jadi ini akan membebankan lagi ataupun menyempitkan lagi jalan-jalan kita. Ketua Menteri ada mengumumkan penyelerai, *distribution of road*, penyelerai jalan empat (4) lebuh raya yang akan dibina.

Jadi ini adalah satu formula untuk menggandingkan supaya terowong yang baru ini akan dapat meleraikan pengangkutan awam ataupun kereta-kereta, kemasukan lebih banyak kenderaan ke Pulau Pinang atau, pun ke Pulau Pinang itu sendiri akan memberi satu kesan yang besar kepada Pulau, kepada penduduk yang sekarang tinggal di Pulau. Buat masa ini pun dah merungut tentang jalan-jalan yang sesak terutama sekali di kawasan pelancongan ke Batu Feringghi dan ke Balik Pulau, Jadi sini biarlah ada satu pelan pengangkutan yang berkesan dan komprehensif dapat dilaksanakan. Memang telah pun dibuat dan kita harap dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana buat perancangan itu. Satu (1) hendak mencari peruntukannya. Nombor dua (2) hendak merencanakan dan nombor tiga (2) hendak melaksanakan. Ini semua akan mengambil masa. Sementara itu apa nak jadi kepada penduduk Pulau Pinang yang sekarang begitu tertekan dengan masalah pengangkutan. Penglibatan sektor swasta untuk membangunkan ini

mungkin dapat menyelesaikan isu-isu kewangan ataupun peruntukan untuk pembangunan jalan raya dan projek-projek mega yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kita harap projek-projek mega ini akan terlaksana tanpa memberi kesan yang negatif. Saya ingin akhiri YB. Tuan Speaker dengan al-kisah manifesto ini yang melambung tinggi melangit bak guruh berdentum halilintar membelah bumi, rakyat menadah tempayan jangan pula hujan tak jadi. Jadi ini harapan rakyat melambung tinggi juga, kita nak tengok keberkesanan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan Ketua Menteri yang begitu popular sekali. Jadi kalau Penang *always lead* kita nak tengok *Penang Lead*. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan seterusnya Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker terima kasih kerana telah memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan ini dan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan dalam Penggal ini Mesyuarat Pertama. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada YB. Tuan Speaker sendiri kerana telah dilantik sebagai Speaker walaupun terdapat sindiran bahawa YB. Tuan Speaker adalah daripada belah Pakatan Rakyat tetapi saya percaya YB. Tuan Speaker akan memang menjalankan tugas tanpa berbelah bahagi seperti yang dilakukan oleh Dato' Speaker sebelum ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan YB. Seri Delima minta penjelasan. Siapakah yang menyindir itu? Menyindir Speaker pada saya memang semua tahu. Siapa yang menyindir?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar telah pun dalam..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):**

Penjelasan. Itu bukan sindiran, itu kenyataan. Memang betul. Tak sindir pun *it's a fact*.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya percaya bahawa walaupun kenyataan itu dibuat Yang Berhormat akan menjalankan tugas tanpa berbelah bahagi untuk membenarkan pihak-pihak menyampaikan ucapan dan juga menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri ini tanpa memilih kasih. Saya penuh yakin dengan pelantikan YB. Tuan Speaker dan di sini saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri dan Barisan EXCO yang telah dilantik dan juga kepada dan juga kepada semua Ahli-ahli *backbencher* Kerajaan Negeri kerana kita dalam kemenangan ini telah menunjukkan bahawa kejayaan pada penggal yang lalu bukanlah suatu yang boleh ditafsirkan sebagai *a flash independent* ....(dengan izin), kalau dulu kita lihat Ketua Pembangkang daripada Barisan Nasional UMNO dalam semua persidangan membuat macam-macam tuduhan dan tohmahan terhadap Kerajaan Negeri dan tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa kita memilih kasih, mendiskriminasi ataupun polisi-polisi Kerajaan adalah tidak sampai kepada sasaran, tidak membantu masyarakat dan sebagainya kita lihat dalam kemenangan ini semua tuduhan-tuduhan tersebut dibuktikan sebagai sesuatu yang tidak benar malahan kejayaan kita menumpaskan Barisan Nasional di Seberang Jaya dan menawan Seberang Jaya kawasan di mana kebanyakan pengundi-pengundi adalah daripada orang-orang Melayu menunjukkan bahawa khidmat keringat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah mula membuahkan *result* ....(dengan izin) terdapat kejayaan-kejayaan. Saya percaya dan kita teruskan kawasan-kawasan lain akan kita mula masuk dan menawani dan kita akan juga kita juga telah berjaya mendapat kepercayaan orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Saya ingin menyebut perkara ini. Di kawasan saya sendiri di kawasan Tun Sardon dan Sungai Gelugor kalau pada tahun 2008 saya kalah teruk. Pada kali ini saya telah menang di Tun Sardon dan di Sungai Gelugor kita telah hampir-hampir berjaya *break event*, kalau di setiap saluran jumlahnya Barisan Nasional mendapat lebih kurang 100 undi saya peroleh lebih kurang 40 atau 45 undi. Kita berjaya *break event* dan rakyat mula lihat dengan kejayaan mereka mula merasai sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Roslan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Seri Delima sahabat saya. Tuan Speaker, terima kasih. Saya rasa terpenggil untuk menyebut beberapa perkara tentang apa yang telah pun disentuh oleh Seri Delima, yang mengatakan bahawasanya rakyat minat sangat, terpikat sangat dengan apa yang telah pun dibawa oleh Pakatan Rakyat. Hakikatnya dunia tahu, tanah air kita Negeri kita dan seluruh rakyat, yang kita dapat tahu bahawasanya penipuan tipu di sana tipu di sini pembohongan di sana, pembohongan di sini, daripada kepimpinan atas sampai ke bawah oleh Pakatan Rakyat yang menyebabkan berlakunya tsunami saya sebut di sini Tuan Speaker. Tsunami Cina, kaum Cina yang sebelum ini contoh tahun 2004 saya bertanding di DUN Pinang Tunggal saya dapat menguasai majoritinya lebih daripada 6,000. Makna kata seluruh kaum mengundi terutama kaum Cina dan tahun 2008 kali kedua saya bertanding dalam kedudukan dan keadaan yang sama juga menurutnya amat baik, tetapi untuk tahun 2013 kawasan-kawasan Melayu yang saya bertanding lapan (8) pusat Dewan mengundi majoriti saya telah meningkat menjadikan 6,000 tetapi, apabila masuk dua (2) peti undi kaum Cina di Kampung Selamat Selatan dan Kampung Selamat Utara merudum jatuh menjadikan majoriti hanya 1,600 lebih kurang jelas nampak bukan hanya DUN di Pinang Tunggal, malah di seluruh negara kerana kaum Cina pengundi Cina percaya dengan tohmahan-tohmahan, percaya dengan tipuan-tipuan, penipu-penipu ini daripada Pakatan Rakyat, daripada kepimpinan sampai ke bawah, bawah JKKM pun tipu cukup kuat kawasan saya. Saya hendak maklum Tuan Speaker dan saya.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup, cukup.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sekejap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau hendak teruskan saya akan bagi Peraturan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tidak. Maksudnya begini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tahu sebab itu saya bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi saja kan senang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak mengapalah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kita lama sudah, kita bukan baru. Kita bukan baru Seri Delima. Saya dengan Seri Delima biasa berhempas pulas tunjuk kerusi bum bam, bum bam, Seri Delima biasa tempik sampai...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey, saya bagi dua (2) minit saja.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Lima minitlah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Satu minit. Cukup.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Janganlah, tidak mahu macam itu, sikit lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan teruskan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Okey, sikit lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ucapan Yang Berhormat tidak bernas langsung.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Hak ini bernas.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu minit dia dua minit kuasa saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak boleh Speaker....(gangguan). Saya beri peluang ini ambil peluang itu baik-baik. Jangan buat tuduhan-tuduhan macam itu.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Okey Seri Delima terima kasih banyak. Dua minit. Okey. Saya hendak melahirkan perasaan, perasaan bimbang dan takut saya, apabila ada perkembangan yang tidak sihat ini. Contoh saya boleh bagi seorang doktor daripada kaum Cina di Hospital Seberang Jaya dan dua (2) orang doktor Cina di Hospital Kepala Batas . Tidak, sekejap saya hendak cerita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup, saya tidak bagi peluang teruskan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

yang membuat tindakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya hendak teruskan....(gangguan). Tuan Speaker, *this is my floor*.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bila ada pesakit Melayu hadir.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, saya minta maaf.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tulang yang patah dimasukkan besi, besi patah dia kata dia tidak boleh buat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, ini adalah tuduhan serius.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Doktor Cina. Begitu juga ada dua kes lagi di Kepala Batas. Doktor Cina buat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini tuduhan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ini menunjukkan sikap, ini yang saya menentang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini sikap pemimpin UMNO yang selalu mainkan isu perkauman. Sikap *racist*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, duduk Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini sikap *racist*.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tuan Speaker, tidak boleh hendak bagi nasihat. Kepada Seri Delima saya hendak beritahu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sudah dua penggal Seri Delima di Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya harap dalam penggal yang kedua ini boleh tunjuk kematangan kita.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Janganlah. Cukuplah, cukuplah. Ini sikap yang *racist* Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya harap sangat bila ada pengalaman.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pinang Tunggal. Saya sudah beri peluang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pinang Tunggal boleh duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya harap boleh mendapat tunjuk komitmen yang baik tidak berlaku macam ini lagi. Okey. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Macam pemimpin-pemimpin UMNO semuanya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila, saya beri Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Bila sebut pasal doktor Cina di Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas yang Pinang Tunggal tuduh ini pegawai awam, kakitangan awam. Boleh kemukan bukti kita akan rujuk benda ini. Buktikan kerana ini adalah tuduhan yang serius. Tuduhan terhadap kakitangan awam yang diambil bekerja oleh Kerajaan Pusat diambil bekerja oleh Kementerian Kesihatan dan ini adalah satu tuduhan yang cukup berat. Saya minta satu bukti yang jelas nama siapa dia doktor-doktor yang disebutkan pesakit mana yang terlibat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey cukuplah itu.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Beri laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tidak bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Hebat pemimpin muda Pakatan Rakyat. Saya akan buktikan saya tahu... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya harap jika tidak ambil tindakan selepas ini saya hendak jumpa balik dengan EXCO Kesihatan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Menteri Kesihatan, menteri barisan nasional. Timbalan Menteri Kesihatan mari daripada Balik Pulau. Saya hendak ambil tindakan apa.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kita akan buktikan doktor Cina sekian-sekian selepas ini lihat sendiri.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Buktikan, buktikan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kita akan bawa perkara ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tiada masalah. Buktikan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey. Pinang Tunggal duduk, Seberang Jaya duduk. Seri Delima teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta supaya Pinang Tunggal menarik balik kenyataan itu yang menuduh doktor seorang Cina tidak memberi perkhidmatan atau rawatan kepada seorang Melayu. Ini adalah tuduhan seorang pemimpin UMNO yang tidak berasas.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya akan buktikan bukan kata tuduhan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sekarang saya minta tarik balik.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Baru angkat sumpah beberapa hari untuk menjalankan tugas, peranan dan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, serius allegation...(gangguan).



**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Baru angkat sumpah beberapa hari untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Duduklah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jadi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Jangan merendahkan martabat perkhidmatan awam. Untuk apa kalau tidak ada bukti.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Speaker, saya ingin memberi peluang kalau boleh kemukakan bukti nama-nama mereka dalam Dewan ini sebelum kita akhir bersidang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya akan putuskan. Seri Delima teruskan.....(gangguan) saya sudah putus.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tanpa ada arahan ataupun pendapat buah fikiran Seberang Jaya ataupun Seri Delima. Saya telah buat tindakan di luar. Saya ada tanggungjawab saya. Saya telah buat pun.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak perlu. Saya ingin beliau bukti di Dewan ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Hari ini Seri Delima keluar di dalam Dewan yang mulia ini kedudukan dan keadaan yang pergi mana sedia kita maklumkan kepada ahli Dewan. Ahli Pinang Tunggal kalau betul kenyataan itu sila kemukakan bukti di Dewan ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pinang Tunggal kalau betul, buktikan dalam Dewan yang mulia ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk. Seri Delima teruskan dengan perbahasan saja. Sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Speaker, saya tidak mahu bangkitkan perkara ini, tapi saya ingin tunjuk juga. Dulu kini dan selamanya akal fikiran UMNO ini macam pemimpin-pemimpin mereka semua main isu politik. Lihat dalam surat khabar Utusan apa lagi Cina mahu?

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak bagi peluang ini perkara serius jangan main-main.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ini bukan main.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup, duduk. Saya tidak bagi peluang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan main isu perkauman lagi. Cukup. Duduk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Siapa yang memainkan isu perkauman...(gangguan). Kamu yang timbulkan. Pinang Tunggal yang timbulkan...(gangguan) jangan main-main. Pinang Tunggal membuktikan pada hari ini *mentality* pemimpin-pemimpin UMNO.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tuan Speaker, beri nasihat kepada Seri Delima, janganlah buat perangai macam hak lepas-lepas. *Steady*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apa *steady*.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya rasa Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini bukan isu dramatik, bukan isu main-main.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dia hendak tunjuk *act* semua cukuplah, sudahlah, sudah ada pengalaman.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini menunjukkan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kalau dulu saya dekat situ, Seri Delima dekat belakang bertempik bagai hendak rak saya boleh maafkan sebab penggal pertama. Ini penggal kedua, sudah ada pengalaman.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima dan Pinang Tunggal duduk.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sudah ada pengalaman masih hendak bertempik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Pinang Tunggal. Saya minta duduk dua-dua. Pinang Tunggal duduk, Seri Delima duduk. Saya hendak menasihatkan Ahli-ahli dalam Dewan, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Peraturan 46 (17) saya hendak yang Berhormat baca, dan seterusnya saya minta Seri Delima teruskan dengan perbahasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Speaker, macam saya katakan tadi, saya sebenarnya tidak mahu bangkitkan perkara ini, tetapi Pinang Tunggal yang telah memaksa saya membangkitkan perkara ini.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya tidak paksa Tuan Speaker, dia sendiri yang bangkitkan. Ini dia salahkan Pinang Tunggal. Dia hendak salahkan kita juga. Dia hendak kaitkan kita juga.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya hendak habiskan, sila duduk. Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya minta Tuan Speaker, bagi nasihat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya telah beri nasihat kepada semua.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Masih bangkit lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk. Seri Delima teruskan, tapi jangan pergi ke tempat lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan bangkitkan isu ini sekali lagi. Kita lihat komen-komen yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO khususnya yang menyalahkan orang-orang Cina menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Rakyat adalah disebabkan oleh sokongan yang diberikan oleh orang-orang Cina di Malaysia, tapi kenyataan itu tidak benar. Itu bukan perkara yang benar. Kita tahu umpamanya.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan. Perkara yang benar Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak beri peluang kepada Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Penipuan, cakap tidak betul.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Mana boleh terima akal 40,000 orang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*This is my floor....*(gangguan) Dia yang patut belajar. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam kawasan saya di Tun Sardon saya telah menang, kawasan itu banyak orang Melayu juga di kawasan-kawasan lain seperti Sungai Pinang, Datok Keramat dan Parlimen Gelang Patah. Kita lihat banyak pemimpin-pemimpin kita menang di atas sokongan yang telah diberikan oleh pengundi-pengundi Melayu. Saya amat dukacita dengan kenyataan pemimpin-pemimpin UMNO yang dapat lihat Ali Rustam saya buktikan di sini, tidak lain *paper* Utusan mereka sangat *racist* kata Ali Rustam dan dia pernah menjadi Ketua Menteri Melaka pada suatu ketika. Ketua

Menteri sebab beliau adalah dipilih oleh rakyat di Melaka, tetapi kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau amat mendukacitakan seperti juga dalam Dewan ini oleh pemimpin daripada Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tuan Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak beri peluang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya telah katakan tadi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tidak beri peluang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk Pinang Tunggal, dia tidak bagi.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Speaker bagi nasihat tidak? Kalau saya ingin teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, perkara-perkara yang seperti ini amat menyakitkan hati. Menyakitkan hati saya menyakitkan hati orang Melayu juga kerana ramai daripada mereka menyatakan sikap pemimpin UMNO seperti ini sikap membuta tuli hanya sekadar mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak disokong oleh fakta-fakta seperti tuduhan yang dibuat tadi menyatakan doktor Cina yang tidak ingin memberi perkhidmatan kepada seorang Melayu.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dia tuduh saya itu walaupun dia tidak sebut Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini mengganggu persidangan Dewan Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tengok dia sentuh itu. Apa yang saya sebut adalah kenyataan. Saya sudah buat tindakan di luar sana. Dia sebut lagi tengok, Tuan Speaker tidak kata apa kepada dia pun.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti *turn* Pinang Tunggal pula.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Awal pagi tadi. Kita tengok YB. Speaker adil kepada Pulau Betong. Awal pagi tadi, saya terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Speaker.... (gangguan), ketika ini saya nampak Tuan Speaker tak berapa dah.... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Seri Delima tidak bagi laluan....(gangguan), okeylah duduklah (gangguan), teruskan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dia dok sebut itu, sebut ini, sakit hati tau.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk. Teruskan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker bukan saja perkara yang berlaku selepas pilihan raya yang ingin saya sentuh. Saya juga ingin sentuh perkara yang berlaku semasa pilihan raya. Kalau dulu kita lihat pemimpin UMNO yang membuat kenyataan bahawasanya pemberian RM100.00 itu, adalah haram dan pernah juga ada kejadian pemimpin UMNO menghasut warga emas untuk tidak menerima pemberian RM100.00 semasa pilihan raya kita lihat dalam kempen pilihan raya di tiap-tiap KADUN pembekalan minuman-minuman keras kepada pengundi pengundi di setiap KADUN saya ada bukti kalau YB Telok Ayer Tawar nak cabar, saya ada bukti.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Tolonglah bagi bukti, KADUN saya membekalkan...(gangguan). KADUN saya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya kata tiap-tiap KADUN.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Termasuk KADUN Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ada, saya akan tunjukkan bukti.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Mana buktinya?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya kata tiap-tiap KADUN, saya ada bukti dalam surat khabar ini menunjukkan bahawa salah seorang calon Barisan Nasional ada membelanja wang untuk membekalkan minuman keras, makanan dan gambar ini juga menunjukkan dengan jelas ada juga tin-tin bir yang ada di atas meja.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Gambar mana tolong tunjukkan dengan jelas.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Ayer Tawar duduk dulu, saya akan beri, saya akan habiskan penghujahan saya sebelum saya memberi penjelasan. Ini adalah satu yang berlaku Bandar Baru Air Itam, tapi saya nyatakan di sini ia berlaku berleluasa di tiap-tiap KADUN....(gangguan), biarkan saya habiskan dulu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan, jangan buat *swiping statement* macam itu....(gangguan), kalau ada bukti minta tunjuk dan kalau ianya melanggar peraturan buatlah bantahan dengan SPR .. (gangguan).



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

ini bukti menunjukkan bahawa seorang calon Kong Wang Leong dalam surat khabar The Star saya ada bukti, bukan seperti Pinang Tunggal saya menunjukkan gambar....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Esok nanti keluar surat khabar muka dia, dia nak tunjuk surat khabar muka dia dalam Dewan kerja dia tak buat, kerja di kawasan dia, dia tak buat,.... (gangguan), jangan sentuh saya lebih lebih...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya rasa kita di Dewan ini sekadar dapat perhatian sahaja, lihat lah diri sendiri seorang pemimpin yang dipilih untuk menjadi seorang wakil rakyat dapat mengeluarkan perkataan-perkataan berbaur perkauman, *racist* tak malu ke? Menuduh orang Cina tak malu ke? Cukup saya tak bagi peluang lagi dah....(gangguan). Pinang Tunggal jangan kurang ajar.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tengok anak-anak sekolah, tengoklah kelakuan dia, tak payah nak sebut tarik baliklah memang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan nak buat tuduhan melulu.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tuan Speaker tak payah nak suruh tarik balik, semua dari penjuru sana, sampai penjuru sini, semua kenal perangai dia....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikap seorang pemimpin UMNO membuat kenyataan *racist*... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Dalam wakil-wakil rakyat, inilah dia....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker saya tak bagi dia peluang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kelakuan Seri Delima yang paling baik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Siapa yang sandiwara di sini....(gangguan). Yang Berhormat saya bagi 24 jam bersihkan tuduhan itu di Dewan, boleh tak?...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima teruskan dengan sesi perbahasan dan juga jaga-jaga dengan hujah-hujah perbahasan...(gangguan), dan tidak melanggar peraturan-peraturan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Tuan Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya merujuk kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Seri Delima sila teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, kita lihat begitu berleluasa bagaimana anjuran-anjuran makan malam ini diberi bekalan minuman keras ada juga artis-artis terkemuka telah dipelawa untuk datang untuk memberi persembahan. Kita lihat artis salah seorang adalah PSY yang telah dipanggil untuk datang untuk persembahan Gangnam Style di mana kehadiran Perdana Menteri kita sendiri telah pergi dalam majlis itu untuk cuba mendapat sokongan rakyat Pulau Pinang, untuk mereka tumbangkan Pakatan Rakyat. Saya lihat dalam surat khabar The Star hari ini Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah menyatakan membazirkan wang dengan melantik penyelaras di KADUN-KADUN UMNO. Yang Berhormat telah memberi komen wang RM2,500.00 itu adalah membazirkan.

Cuba memberi pandangan Yang Berhormat, berbanding dengan kempen pilihan raya Barisan Nasional di mana wang dibelanjakan untuk membekalkan minuman keras, wang yang dibelanjakan untuk membawa artis-artis luar negara untuk memberi persembahan. Adakah itu bukan satu pembaziran?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

penjelasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat setuju itu satu pembaziran.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Tadi minta pandangan saya, terima kasih. YB. Tuan Speaker Gangnam tak gangnam itu cerita sudah lepas dah. Apa nak cakap lagi, dah menang dah, apa nak bising-bising, buat kerjalah. Rakyat Pulau Pinang nak tunggu, nak tengok dua belas (12) fasal Manifesto itu dilaksanakan, direalisasikan untuk faedah kita, tak guna kita duk bercakap, cerita-cerita itu benda yang membuang masa kita semua. Tentang penyelarasan ini penyelarasan-penyelarasan, saya menyatakan bahawa tak perlu pun kita cuma ada Pusat Khidmat, JKKN ada pejabat ada pengerusi-pengerusi yang diberi elaun-elaun, pejabat Penghulu ada, Pegawai Daerah ada dengan jenteranya. Kalau nak daftar, daftar lah kalau nak suruh kita tolong daftar, kita pun boleh tolong daftar tak ada masalah. Jadi ini nak lantik itu nak buat apa, kecualilah ada tujuan tujuan yang tersirat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tujuannya bukan tersirat, tujuannya jelas untuk kita menawan kawasan-kawasan itu pada pilihan raya akan datang. Kerana kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat di kawasan itu, bukan seperti Pinang Tunggal yang memilih kasih meminggirkan orang-orang Cina. (gangguan)

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tuan Speaker saya minta Tuan Speaker ambil satu tindakan pada Seri Delima ini. (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apa pula tindakan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Buat tuduhan pada saya, apa ini... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Orang di Pinang Tunggal lihat anda.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Mereka kenal diri saya, ini penggal ketiga bagi diri saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Anda yang *racist*, sikap *racist* UMNO yang *racist*...(gangguan)

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tengok....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

UMNO yang pilih kasih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ini cerita lama.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu benar, YB. Pinang Tunggal yang mengeluarkan kenyataan itu tadi....  
(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dulu, kini dan selamanya selalu *racist*.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tarik balik, siapa yang selalu sebut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tarik balik apa? Tarik balik kepala otak kamu?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tengok. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini kenyataan Pinang Tunggal tadi, yang menyalahkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tarikh balik....(suara menjerit).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tak akan tarik balik.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tak akan tarik balik.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Aceh sila duduk. Seri Delima juga sila duduk, duduk.. (gangguan). Saya lagi sekali memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berbahas pun, yang nak minta penjelasan pun tolong patuhi segala Peraturan-peraturan Mesyuarat yang telah ditetapkan. Saya tidak akan teragak-agak dengan tindakan yang lebih tegas dan saya ingatkan juga Seri Delima mengingatkan sekali lagi, kali yang terakhir jangan berulang lagi perkataan-perkataan yang juga Seri Delima yang tidak suka dan kepada Pinang Tunggal (gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih, terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kepada Pinang Tunggal, Sungai Acheh, Pulau Betong semua, bukannya pada seseorang Yang Berhormat saja, tolong jangan mencatat rekod Speaker baru Penggal Pertama, kali pertama. Sesiapa hendak catatkan rekod saya alu-alukan. Tolong semua bukan Seri Delima. Saya minta Seri Delima. Saya tahu dan saya izinkan kalau di dalam hujah-hujah dalam analisis-analisis pilihan raya Yang Ketiga Belas, tapi jangan terlebih daripada itu. Seri Delima saya juga minta kerjasama dan kita teruskan dan kita 12.25 tengahari kita minta Seri Delima teruskan dan jangan lagi kita ada gangguan-gangguan yang tidak diperlukan. Seri Delima minta teruskan.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Tuan Speaker, sebelum kita lihat kepada manifesto Kerajaan Pakatan Rakyat yang saya percaya yang akan ditunaikan yang telah ditunaikan saya percaya kita juga perlu lihat janji-janji yang dibuat oleh Barisan Nasional Yang terhormat Telok Ayer Tawar masih ingat lagi kah? Barisan Nasional *laptop for every each student if we wins again*. Mana laptop? Sudah dibekalkan kah? Siapa janji? Ini Perdana Menteri janji. Oh cari dia... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Cari dialah.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Oh! cari dia, bagus jadi Ketua Pembangkang bagus, ini kelayakan Ketua Pembangkang. Ini memang layak jadi Ketua Pembangkang, bagus, bagus. Saya tak bagi, saya tak bagi (gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Minta laluan. Tak guna bawa cerita kita tak boleh selesai di sini... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak bagi, tak bagi. Tak bagi Yang Berhormat, kalau...(gangguan). Macam itu hendak jadi Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Minta Ahli Seri Delima pergi ke Parlimen, ini isu Parlimen, biar Parlimen yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini bukan isu Parlimen, Negeri, janji ini di tiap-tiap Negeri dibuat, kalau Barisan Pulau Pinang menang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Pulau Pinang...(gangguan). Kalau kita menang, kita bagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Oh. Tak apa.. takpa duduk duduk jangan buang masa. Saya ingin tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat terutamanya Ketua Pembangkang jika ada keikhlasan pasatikan janji Barisan Nasional ditunaikan dahulu, jangan risau tentang Pulau Pinang, jangan risau dengan Pakatan Rakyat, jangan risau tentang manifesto kita akan ditunaikan. Sebab kita tunaikan kita menang sekali lagi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Seri Delima, Ketua Menteri boleh bagi aku janji yang kata nak ditunaikan itu? (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat jangan putar belitlah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Tengoklah janji nak tunaikan nak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tolong jawab isu laptop ini, boleh jawab tak?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Memang itu kalau betul kita Pulau Pinang menang, kita akan bagi.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apa Pulau Pinang menang? Kenyataan ini menyatakan bahawa jika Kerajaan Persekutuan ditubuhkan oleh Barisan Nasional, tiap-tiap murid-murid sekolah akan dibekalkan dengan *laptop*. Saya baca, *sorry* bukan *Prime Minister, Deputy Prime Minister* Tan Sri Muhyiddin Yasin, *which also caretaker Minister Education* said, *this was in line* Barisan Nasional manifesto *a government will provide every school student with a laptop next year if Barisan Nasional is return to power....*(gangguan). *Sorry, I'm holding this paper not you.* Jadi saya ingin tanyalah kalau boleh pastikan bahawa tiap-tiap murid sekolah di seluruh Malaysia, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dibekalkan dengan *laptop*, jangan nanti kita dengar cerita kata *laptop* ini ada tapi masuk poket lain.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan, jangan sebut pasal poket-poket lain, *specific* kepada janji untuk berikan komputer kepada semua pelajar di Malaysia jika sekiranya BN yang menang. Itu sepertimana Yang Berhormat kata yang dikeluarkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa kita semua dengar itu surat khabar ada, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, itu memang kenyataan yang dibuat oleh dia, kita bagi masa untuk dia selesaikan untuk menunaikan janji beliau. Kita baru sebulan lebih, tapi dalam Dewan yang mulia ini minta akujanji daripada Yang Berhormat Ketua Menteri untuk memberi akujanji dalam Dewan ini kesemua dua belas (12) perkara akan dilaksanakan untuk Pulau Pinang, sebab kita berada dalam Dewan Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu saya percaya Ketua Menteri akan menjawab semasa memberi penggulungan nanti. Saya juga ingin rujuk kepada satu lagi isu, tentang kuil Hindu yang dirobohkan. Masa pilihan raya kita tengok calon-calon Barisan Nasional terhegeh-hegeh pergi mengadakan satu upacara untuk membina semula kononnya....(dengan izin), saya baca dulu keratan akhbar *joined pledge to rebuild Hindu shrine being fulfill* di Perai, Butterworth. Kita lihat gambar calon-calon Barisan Nasional duduk menjalankan upacara sembahyang di situ untuk membina semula kuil ini yang telah dirobohkan. Kalau persidangan penggal yang lalu janji dibuat untuk membina semula kuil ini dalam masa dalam enam puluh (60) hari, masih ingat lagikah hendak rujuk dalam hansard. YB. daripada Telok Bahang telah janji, sekarang sudah lebih kurang tujuh puluh (70) hari lepas pilihan raya.



**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tak ada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya *refer* yang penggal lepas.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang lama, penggal lalu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang baru, itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu saya kata penggal lalu, korek telinga sikit.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya tak sebut pun. *Refer* dengan hansard...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebab itu saya kata. Yang Berhormat dalam penggal yang lalu telah berjanji untuk membina semula kuil ini dalam masa enam puluh (60) hari sampai sekarang tidak bina, kita lihat gambar ini diambil satu (1), dua (2) hari selepas penamaan calon. Calon-calon yang bertanding telah duduk di situ mengadakan satu upacara sembahyang. Ini adakah satu wayang kulit sahaja atau kuil itu sudah pun dibina atau separuh bina, tengah bina atau tiang batang sahaja yang tinggal di situ, boleh beri penjelasan tak Yang Berhormat. Kalau menunjukkan sikap keseriusan anda berkenaan membela semua rakyat, bukan dengan YB. Pinang Tunggal, kita hendak tengok bolehkah pemimpin UMNO memberi penjelasan tentang pembinaan kuil ini tahap apa janji pilihan raya kosongkah, sudah buat, belum buat, bila akan dibuat?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Siapa yang berjanji itu, baca surat khabar itu, siapa yang janji itu?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bagi saya baca...(dengan izin) YB. Tuan Speaker, *staying truth to Barisan Nasional offices deliver slogan.....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Cukup, cukup.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

*The state leaders has fulfill a flash a help re contract Hindu shrine near the Perai Cargo terminal*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Cukup, cukup BN okey, so, kita akan ambil iktibar, kalau betul ini dijanjikan oleh BN yang dilaporkan oleh surat khabar itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sampai bila hendak ambil iktibar, Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Mana kita tahu, bukan kita yang menjaga itu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dulu penggal lalu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya kata, kita yang ada di sini, kita...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dulu kata akan selesai dalam masa enam puluh (60) hari.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Siapa yang berjanji, bukan kami atau Telok Bahang berjanji, orang lama, ya lah kalau ada ini dijanjikan kita akan pastikan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Hindu *shrine near the Perai Cargo terminal*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Kalau ini betul ada dijanjikan, kita akan pastikan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bila? Lima tahun lagi?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Kita bukan, kita bukan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mungkin, Yang Berhormat kata mungkin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Kita perlu, kalau benda itu jadi, tak ada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Kalau betul di sini, *yes why not*, kita akan berusaha....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apalah Yang Berhormat, sila lihat, saya akan baca sekali lagi, ini janji Barisan Nasional. Yang Berhormat bukan mewakili Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Yalah saya kata kalau Barisan Nasional kita akan merujuk kepada BN kepada orang yang membuat kenyataan, kita akan merujuk dan kita akan meminta kepastian.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Rujuklah, maksudnya belum tentu akan dibina. Adakah itu maksud, belum tentu akan dibina.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan ini buang masa. Ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya pun tadi bertanya tentang *twelve point manifesto*. Saya pun tidak suruh buat manifesto itu dibuat esok, kita tahu itu mustahil. Jadi macam mana hendak minta yang bukan-bukan, apa yang dijanjikan itu bagi masa, kita akan laksanakan. Sebutlah pasal manifesto tadi, saya tidak tekankan mana dia perincian apa, projek apa yang hendak buat segalanya perancangan. Kita waras maknanya beri masa, peluang untuk merancang dan melaksanakan akhir lima tahun nanti kita soal balik ya, kenalah logik sikit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya pun faham Yang Berhormat adalah seorang peguam boleh buat taksiran.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Seri Delima, saya mencelah sikit boleh. Bolehkah saya dapat maklumat sikit. Saya cuma hendak dapatkan makluman yang berlaku itu di mana, di kawasan mana, kuil itu di kawasan mana, Perai ADUN Perai dia ambil beratkah, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):**

Sebenarnya saya tidak mahu mencelah, tetapi isu dibangkitkan di Kawasan Perai ini dapat dibincangkan secara hangat sesi yang lepas, sebelum pilihan raya dan saya rasa YB. daripada Seri Delima pun tahu bahawa telah dijanjikan, perkara ini saya ada bertanya di Parlimen apa yang terjadi pada kuil yang telah diroboh oleh Pelabuhan Perai Pulau Pinang. Jadi mereka janji ini akan dibuat, mungkin mereka kata ukuran tapak sudah dibuat. Sebelum pilihan raya ada satu perjumpaan mungkin satu upacara sembahyang di mana calon Perai Barisan Nasional sendiri berkata bahawa ini akan dibina dalam, saya pun tidak tahulah berapa harilah so, ini bukanlah satu cerita yang baru, ini memang Kawasan Perai, kita pun faham YAB. Ketua Menteri pun telah bangkitkan isu ini, so, apa yang ditanya oleh YB. Seri Delima patutlah apa jadi, kenapa janji tidak ditunaikan. Ini bukan perkara yang baru sudah dijanji dalam Dewan yang mulia ini oleh masa itu YB. daripada Telok Bahang, sekarang menjadi Timbalan Menteri Kesihatan, itulah apa yang ditanyakan, tetapi kalau Ahli Kawasan daripada Pulau Betong katakan kita mahu pastikan, ini bermakna Yang Berhormat tidak ikut dalam sesi perbincangan Dewan ini sebelum pilihan raya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya ikut, sebab yang bercakap itu orang lain, kalau Yang Berhormat Seri Delima cakap macam Profesor cakap kita pun akan jawab dengan elok juga. Saya akan membantu kalau betul itu yang dijanjikan oleh pemimpin kami yang satu di sini kami akan pastikan kuil itu dibina okey.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya rasa YB. dari Telok Ayer Tawar mungkin tidak faham taksiran manifesto, mungkin saya perlu beri kuliah sikitlah. Manifesto ada satu janji pilihan raya di mana kita ada masa untuk tunaikan, saya berdebat tentang isu kuil yang sedia ada yang telah dirobohkan di mana ada janji dalam penggal yang lalu untuk membina semula tolong faham perbezaan di antara janji manifesto dan janji yang telah dibuat dalam Dewan ini. Yang Berhormat jadi bukan kata isu logik tidak logik, waras tidak waras, faham isu dahulu baru kita berbahas janji manifesto pilihan raya bakal dilaksanakan. Ini isu kuil yang telah dirobohkan, janji untuk bina semula penggal yang lalu enam puluh (60) hari, janji masa pilihan raya jangan perbodohkan orang di Pulau Pinang dengan drama-drama macam ini. Isu sembahyang yang pemimpin-pemimpin dua (2) pemimpin MIC tidak ada segan silu duduk di sana sampai hari ini tidak kuil, mana kuil sudah bina belum? Orang Pulau Pinang bukan macam dahulu senang diperdaya oleh Barisan Nasional, buat-buat, tunjuk-tunjuk seolah-olah akan buat tetapi tidak buat...(gangguan). Pinang Tunggal jangan cakaplah duduk, jangan buang masa, so ini saya mintalah supaya YB. Telok Ayer Tawar balik sekarang rujuk dapat penjelasan yang teliti mungkin datang beri

penjelasan, kerana ini adalah isu serius, jangan main-main, isu-isu seperti ini jangan main-main, jangan buat olok-olok drama keluar dalam surat khabar lepas itu kita lupa.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya minta laluan YB. Tuan Speaker. Terima kasih banyaklah Seri Delima, saya nampak Seri Delima ini YB. Tuan Speaker, sentuh sangat tentang Perai, saya dapat tahu hubungan antara Seri Delima dengan Perai bukanlah berapa ngam sangat dari dahulu, tetapi tidak tahulah Seri Delima hendak ambil hati sangat Perai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, lah Seri Delima teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya sekarang ini ingin merujuk kepada satu, dua masalah yang berlaku di Pulau Pinang sebelum pilihan raya dan selepas pilihan raya terutamanya isu Bukit Relau di mana kita lihat bukit itu juga dirujuk sebagai Bukit Gambir atau nama sebenarnya adalah Bukit Relau telah dibotakkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bukit Gondol.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukit Gondol terima kasih Telok Ayer Tawar, keadaan ini kita dapat lihat daripada Jambatan Pulau Pinang dan saya terima panggilan daripada kawan-kawan saya di Selangor, Kedah yang memperkecilkan polisi Cleaner, Greener, Penang kita. Dalam isu ini saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana pada masa sekarang mengeluarkan *stop word order* terhadap orang-orang yang bertindak rakus membotakkan bukit tersebut dan saya juga difahamkan oleh penasihat daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang MPPP, Penasihat Undang-undang bahawa kertas pertuduhan terhadap syarikat yang terlibat telah pun difailkan di mahkamah dan orang yang bertanggungjawab itu akan dibawa kemuka pengadilan pada 11 Julai 2013.

Pada masa yang sama saya minta supaya pihak MPPP, Pejabat DO, Jabatan Perhutanan, pihak-pihak yang terlibat supaya lebih sensitif, celik lagi atau pun sentiasa menjalankan kerja-kerja pemantauan, sebab keadaan di Bukit Relau ini kita hanya sedar selepas perkara ini telah lama berlaku dan saya percaya kerja-kerja permulaannya berlaku semasa pilihan raya

pencalonan atau pun proses pilihan raya, tetapi itu bukanlah satu *excuse*, walaupun kerja-kerja menanam semula pokok-pokok di kawasan itu telah berlangsung dan kita lihat kerja-kerja lain juga telah dilakukan oleh pihak-pihak jawatankuasa atau Pihak Berkuasa Tempatan, namun saya rasa perkara-perkara ini tidak boleh dibenarkan untuk berulang sekali lagi, kerana ini adalah isu yang begitu serius, saya juga lihat dalam ucapan TYT....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Seri Delima tentang kes Bukit Gondol itu,

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukit Relau....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Bukit Gambir,

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukit Relau. Bukan Bukit Gondol, Bukit Relau.

**Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Bukit Relau okey. Saya bersetuju dengan isu yang diketengahkan oleh YB. Seri Delima, saya mungkin hendak minta kerjasama daripada pihak Bomba supaya bekerjasama dengan MPPP atau pun Pejabat Tanah supaya menggunakan helikopter mereka untuk membuat pemantauan berkala, mungkin dua (2) minggu sekali atau sebulan sekali untuk mendapat *first high view* apa yang berlaku kerana saya yakin bukan sahaja pengondolan bukit ini berlaku di Bukit Relau tetapi di tempat-tempat lain, di seluruh Pulau Pinang ini. Saya rasa ini boleh kita jalin kerjasama di antara PTG, MPSP, MPPP dengan pihak bomba menggunakan helikopter untuk membuat pemantauan berkala, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Seri Delima saya minta laluan sikit, ini isu-isu penting.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau isu bernas tidak ada masalah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Ini isu yang Bukit Gondol ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan main-main ya.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tak, tak main-main. Okey, terima kasih YB. Tuan Speaker, saya pun berterima kasih banyak kepada Seri Delima pasal mengeluarkan isu ini. Jadi isu ini adalah untuk seluruh rakyat kita di Negeri Pulau Pinang perlu prihatin sangat maksud Seri Delima apabila kita dari Jambatan Pulau Pinang yang kita nampak bukit yang di atas itu yang dipotong, nampak sangatlah rakusnya orang yang tidak bertanggungjawab ini. Saya hendak melahirkan perasaan rasa bimbang dan ragu saya mewakili rakyat di kawasan saya ini dan juga kawan-kawan saya yang lain pun sama juga di harap pihak Kerajaan ambil perhatian MPPP ambil penguatkuasa betul-betul itu baru satu tempat, kemungkinan akan berlaku lagi di tempat lain, hak lawak, hak *job* ....(dengan izin) pengerusi kita *job* lah, ini tetapi perkara ini serius, betapa rakus alangkah hebatnya orang ini kalau bolehlah saya minta Pihak Berkuasa Negeri, kalau boleh sebelum tamat Dewan ini, persidangan kita kalau boleh kemukakan siapa nama dia yang begitu berani sampai ketahap ini, buat macam seolah-olah macam kita ini tidak ada undang-undang, kita tidak ada pihak yang berkuasa dan harapan saya juga supaya pihak berkuasa Negeri MPPP bagaimana dikatakan oleh Pulau Betong itu tadi beri perhatian dia kata beri dua (2) minggu, bagi saya perhatian ini perlu diberikan pada tiap-tiap hari, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Pinang Tunggal, berbalik kepada isu itu YB. Pinang Tunggal, saya ingin mengatakan di sini bahawa isu ini memang telah diberi perhatian, sebab itu kita lihat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan tegas terhadap orang yang terlibat dan pada masa yang sama YB. Pinang Tunggal harus sedar bahawa yang.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya sebut sikit lagi sahaja. Saya sebut sikit lagi sahaja. Perkara ini YB. Tuan Speaker, tak pernah berlaku pun pada zaman pentadbiran zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Tak pernah berlaku. Terima kasih.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cukup lah. Orang bagi *chance*, dia dah mula dah....(ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*Straight to the point.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mana tak pernah berlaku dulu. Nak minta saya bagi kesimpulan. Okey. Terima kasih. Takutkah. Yang Berhormat perlu sedar bahawa saya dan Yang Berhormat daripada Batu Uban sebenarnya telah membongkarkan perkara ini dalam surat khabar sebelum tindakan-tindakan diambil. Jadi ini menunjukkan sikap ketelusan Kerajaan Negeri yang tidak akan berkompromi, berbelah bagi, memilih kasih bila perkara-perkara seperti ini berlaku. Bukan macam Kerajaan dahulu, kalau macam Barisan Nasional dulu, *backbencher* memang tak berani bersuarakan. Kalau berlaku sesuatu ketirisan masih menunggu lagi arahan daripada pemimpin-pemimpin atas sebelum membongkarkan sesuatu perkara. Sekarang bukan macam itu, kita Pakatan Rakyat, harapan rakyat. Jadi berkenaan isu itu saya nasihatkan YB. Pinang Tunggal jangan risau, jangan risau. Saya juga akan menjadi peguam pemerhati bagi KADUN saya dan KADUN Batu Uban untuk melihat prosiding di mahkamah memastikan bahawa orang-orang yang terlibat ini di bawa ke muka keadilan dan jika terdapat keterangan menunjukkan mereka memang bersalah melakukan perkara itu, hukuman akan diberikan oleh mahkamah jika didapati bersalah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Kita melihat banyak perkara-perkara yang menjadi fatwa undang-undang dibuat dalam masa Pihak Berkuasa akan memberi tumpuan kepada perkara lain atau bercuti. Ini berlaku semasa tempoh pilihan raya bukan? Berada juga kes-kes yang sama langgaran kesalahan oleh masyarakat sebagainya berlaku di hujung minggu apabila agensi Kerajaan semua bercuti, masa itulah mereka membuat pengorekan, masa itulah mengangkut barang-barang contohnya tanah, buat korekan yang *illegal* dan sebagainya. Ini bermakna para Penguatkuasa harus mempunyai satu lagi *time-table*, memastikan yang ada pegawai yang bertugas di waktu cuti supaya mereka tahu bahawasanya kita sentiasa mengawasi pergerakan-pergerakan mereka yang cuba nak melanggar peraturan Negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Seri Delima. Sebenarnya Kerajaan Negeri memang sebelum ini pun dan saya ingat masih ada dasar di mana semua kawasan yang melebihi ketinggian 250 meter, 50 kaki dihadkan pembangunan. Jadi di sini saya pun ingin bertanya sama ada dasar ini telah pun dilonggarkan ataupun tanah yang digondolkan itu, telah pun dimasukkan pelan-pelan perancangan dan apa yang memberi keberanian kepada pemilik tanah tersebut untuk mengambil tindakan begitu berleluasa.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya percaya EXCO akan jawab. Saya akan teruskan. Dalam penggal sesi tahun 2011, mungkin YB. Padang Kota boleh memberi penjelasan, saya telah membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini, isu tentang bangunan-bangunan Persekutuan yang tidak memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum ianya dibina, dan sesi itu saya telah memberi kesimpulan iaitu kem latihan di Balik Pulau, Nasional (PLKN) Kem Latihan di Balik Pulau. Dan *there's only one there*. Kedua-dua bangunan pada sesi itu, saya telah maklumkan. Saya telah bawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini. Kita lihat ia menjadi satu amalan semua bangunan-bangunan Persekutuan memang dibina tanpa mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan sebagainya. *Now* ini menjadi perkara yang serius. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh lihat hansard perkara ini telah saya hujahkan dalam sesi tahun 2011 dan ia membawa kita balik kepada insiden kejadian di Menara UMNO, di mana Yang Berhormat daripada Ng Wei Aik, iaitu Ahli Parlimen sekarang, Padang Kota telah mendedahkan bahawa bangunan tersebut sebenarnya telah dibina sebelum pelan telah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mengapa perkara ini boleh berlaku dan kita juga lihat bahawa piawaian keselamatan bangunan itu, yang wajib diluluskan tiap-tiap tahun juga tidak diberi perhatian. Struktur yang telah runtuh menimpa dua (2) orang sehingga menyebabkan maut adalah satu struktur yang begitu membahayakan. Soalan saya kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah mengapa tidak memperketatkan, mewajibkan bangunan-bangunan Persekutuan yang mempunyai struktur-struktur yang begitu bahaya, memperolehi kelulusan sebelum struktur-struktur itu dibina. Di sini YB. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan dengan ikhlas kita tak bermain politik. Kita berbincang tentang keselamatan rakyat, keselamatan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Minta laluan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Bahang. Okey. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bukan sahaja bangunan Persekutuan, ia juga termasuk apa ini, bangunan-bangunan di seluruh FTZ, Free Trade Zone, juga tidak ada apa ini, kelulusan O.C. atau bangunan. Saya minta pihak Yang Berhormat soal selidiki dan pasti bangunan-bangunan, saya tahu hampir 90%.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat pastikah dengan kenyataan itu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Betul. Boleh *check* la. MPPP semua ada, boleh tanya dia orang. Boleh tanya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Macam mana Yang Berhormat tahu tentang bangunan-bangunan di *Free Trade Zone*, pasti bahawa bangunan itu tidak ada kelulusan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Saya rasa saya minta penjelasan benda itu, sebab setahu saya, saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan kah atau memberi kenyataan, itu adalah fakta, saya rasa tak betul.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Saya minta penjelasan sebab saya tahu kebanyakan bangunan di situ tidak ada O.C. Tidak ada *planning approval*, boleh *check*, boleh *check*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak mungkin, tak mungkin Yang Berhormat. Adakah itu betul, saya... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima, tak apa teruskan. Itu biar EXCO jawab.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dan saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini, kepada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Mungkin Yang Berhormat Saya jawab. Difahamkan kilang-kilang di FTZ dibenarkan mula kerja sebelum pelan-pelan dikemukakan. Itu dasar yang memang sudah diamalkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Terima kasih. Bermakna semua bangunan di FTZ boleh dibina dahulu sebelum mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa, ada *special* klausa lah. Saya nak merujuk kepada perbahasan YB. Seri Delima juga, saya difahamkan ada dua (2) kategori. Satu bangunan Kerajaan yang tidak kena mengena swasta. Dalam hal ini, ianya bukan kepunyaan Persekutuan, tetapi dibina oleh Pemaju. Amanah Capital, tidak salah saya. So, itu bukan bangunan Persekutuan. Tetapi mungkin YB. Setiausaha Kerajaan Negeri boleh mengesahkan kebanyakan projek di bawah Kerajaan Persekutuan, contoh sekolah dan sebagainya, yang dibina sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh JKR. Mereka ini mendapat pengecualian *special* juga, yang tidak perlu merujuk kepada MPPP atau MPSP. Itu saya rasa memang ada klausa, tadi kata di *Free Trade Zone* tidak perlu dapat kelulusan. Ini ada kelulusan khas yang diberikan kepada semua projek di bawah penguasaan JKR. Tetapi untuk bangunan yang tadi, itu bukan projek Persekutuan tetapi adalah dibina oleh Amanah Capital. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

UMNO. Syarikat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Tolong tarik baliklah. Jangan cakap begitu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan, saya tanya penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Bangunan itu bangunan UMNO, tapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tanya penjelasan. Apa yang marah sangat Yang Berhormat saya tanya betulkah bangunan UMNO?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Tak betul. Tak betul.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okay bagi penjelasan lah. Mengapa marah-marah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima. 5 minit lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

5 minit sahaja. Boleh sambung lepas waktu makan tengahari?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lama lagi ka? Boleh bagi habis.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Isu terakhir. Banyak isu tetapi saya akan cuba sambung kemudian. Adalah isu berkenaan dengan jerebu. Isu ini serius. Setiap tahun ia melanda

seluruh Semenanjung Malaysia. Kejadian di Pulau Pinang pun amat teruk. Tetapi saya rasa tidak ada sebarang tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan. Baru-baru ini mereka telah menghantar seorang menteri, tak pasti nama dia, Samy Vellu kah? Palni Vellu? Untuk pergi membuat pemantauan untuk datang balik memberi laporan, tetapi itu tidak mencukupi Yang Berhormat. Saya ingin menyeru Kerajaan kita untuk mengambil tindakan yang lebih proaktif. Kalau boleh saya mencadangkan menghantar delegasi sendiri bertemu dengan pihak-pihak berkuasa tempatan di Indonesia, pemaju-pemaju tanah di situ. Walaupun kita melakukan kerja-kerja seperti memberi *face mask* ....(dengan izin), semasa kejadian ini berlaku untuk menunjukkan keprihatinan kita, saya rasa tindakan itu memang patut dipuji. Tetapi pada masa yang sama Kerajaan Negeri kita mungkin YB. Dr. Afifi, Dr. Afifi, Afif (minta maaf ya). Yang Berhormat Kesihatan boleh memberi perhatian kepada perkara ini dan mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk kita mengadakan mesyuarat dengan Pihak Berkuasa Tempatan di Indonesia untuk mengambil langkah-langkah yang lebih agresif untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku setiap tahun. Isu ini serius. Kita lihat kalau, bila kejadian ini berlaku, baru-baru ini bila saya ke Hospital Pulau Pinang banyak sangat penduduk di Pulau Pinang, yang kesemuanya mengalami serangan-serangan asma, yang terpaksa mendapat rawatan daripada wad kecemasan, bukan sahaja Hospital, tidak dapat menampung orang-orang yang datang ke situ untuk mendapat rawatan, tetapi ada di antara mereka yang dihantar ke hospital-hospital swasta untuk mendapat rawatan. Perkara ini adalah perkara yang serius. Kita juga harus lihat bahawa di Pulau Pinang, kita galakkan aktiviti-aktiviti berbasikal, tempatnya aktiviti lain seperti pelancongan dan sebagainya. Dan bila berlaku isu keadaan jerebu yang teruk, ia juga secara tidak langsung memberi kesan kepada industri pelancong. Di mana kita lihat pelancong-pelancong yang datang, tidak ingin keluar ke pantai, atau berziarah, atau makan dan sebagainya.

YB. Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin juga membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini, isu tentang Buletin Mutiara yang telah dihujahkan, disentuh tadi oleh YB. daripada Telok Air Tawar, di mana macam-macam tuduhan telah dibuat terhadap penerbitan Buletin Mutiara, dikatakan bahawa kita memutarbelitkan fakta dan sebagainya. Saya ingin bertanya sedarkah Yang Berhormat bahawa perkara yang lebih teruk lagi dilakukan oleh surat khabar seperti Utusan dan TV3. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan tentang perkara itu, kerana di Bulletin Mutiara kita hanya menyiarkan perkara-perkara yang sebenarnya berlaku di Pulau Pinang. Buletin Mutiara sebenarnya memberi liputan tentang semua aktiviti-aktiviti amal dan perkara-perkara atau projek-projek ataupun majlis-majlis yang diraikan di tiap-tiap KADUN.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Terima kasih. YB. Tuan Speaker, saya rasa YB. Seri Delima pun kena korek telinga juga dengar. Kalau tak ada saya bawa penggorek telinga esok.... (ketawa). Saya tak katakan menyiarkan benda tak benar, saya kata ini indoktrinasi kepada penduduk Pulau Pinang kerana apa, kerana maklumat macam sebut tadi, Pulau Betong tadi, berita untuk edisi Melayu tak sama dengan berita edisi Bahasa Inggeris, tak sama dengan berita edisi Bahasa Cina dan tak menyeluruh pula itu. Bukan aktiviti dalam Pulau Pinang ini hanya dilakukan oleh Ketua Menteri dan pemimpin Pakatan Rakyat. BN pun buat, agensi Persekutuan pun buat, tetapi tak dilaporkan. *Be fare* lah ....(dengan izin). *Be fare*. Cerita apa yang berlaku, rakyat nak tahu. Jadi ini yang kita katakan di sini tak meliputi, tak berlaku adil.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Istilah indoktrinasi itu sebenarnya harus terpakai kepada Biro Tata Negara. Indoktrinasi itu berlaku dalam pucuk pimpinan Barisan Nasional. Banyak cara yang mereka buat indoktrinasi. Di sini kita sebarkan maklumat telus, ikhlas, maklumat yang sebenarnya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan. Penjelasan. Satu sahaja, sikit sahaja. Saya nak tanya YB. Seri Delima rakyat Pulau Pinang tahu tak pemasangan CCTV itu, oleh MPPP, MPSP adalah projek Bandar Selamat di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar. Jadi ini, maklumat ini tak dihebahkan, tak di bagi tahu. Bahawa ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Bukan Kerajaan Negeri sahaja yang melaksanakan itu semua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Ayer Tawar perlu pesan kepada TV3 untuk siarkan maklumat itu. TV1 untuk siarkan maklumat itu, TV2 untuk siarkan maklumat itu, daripada membuang masa hanya menyiarkan fitnah-fitnah sahaja. Banyak sangat ada fitnah, banyak...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima bagi habis. Yang terakhir lah, kan tadi Yang Berhormat kata yang terakhir. Nak sambung lagi?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Boleh sambung, sikit saja, lepas waktu makan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan di... (gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang DiPertua Dewan Negeri, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A(i) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 3 Julai 2013, Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I (YB. Haji Mohd. Rashid Bin Hasnon):**

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(i) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 3 Julai 2013, Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan "Ya." Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak setuju, katakan "Tidak.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."



**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya”. Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.***

***Dewan bersidang semula pada jam 2.45 petang.***

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, di antara isu terakhir yang ingin saya sentuh di sini ialah saranan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri di muka surat 14 mengenai Bandar Selamat. Seperti saranan TYT Yang di-Pertua bahawa dalam Indeks Jenayah sejak kebelakangan ini didapati kadar jenayah telah meningkat sebanyak 8%. Di sini saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Polis DiRaja Malaysia di atas jasa baik mereka di dalam menjaga keamanan dan juga mengambil langkah-langkah yang diperlukan dari semasa ke semasa seperti Kempen Polis Bersama-sama Rakyat. Pada masa yang sama saya ingin menyampaikan hasrat saya di mana kita dapati baru-baru ini pertuduhan-pertuduhan telah dibuat terhadap penganjur-penganjur Perhimpunan Aman 505. Saya tidak mahu menyentuh tentang perbicaraan di mahkamah, tetapi sebagai salah seorang peguam bela di dalam satu kes di mana penganjur bernama Saudara Ong Joo Liang telah dituduh kerana telah menganjurkan perhimpunan aman di Stadium Batu Kawan dan juga di tempat-tempat lain.

Saya ingin bertanya kepada barisan EXCO kalau boleh menjawab, mengapakah tindakan diambil terhadap mereka kerana dalam perhimpunan-perhimpunan tersebut, kita dapati walaupun prasyarat Akta Perhimpunan Aman tidak dipatuhi di mana notis tidak diberikan untuk perhimpunan tersebut dalam masa sepuluh (10) hari. Namun perhimpunan itu disertai oleh semua lapisan masyarakat, orang Melayu ada, orang Cina ada, India ada, yang tua dan muda di mana perhimpunan itu berlaku secara aman tanpa apa-apa gangguan. Berbanding dengan kejadian-kejadian yang telah berlaku pada penggal yang lama, yang kita telah lihat dan telah beberapa kali saya nyatakan dalam perbahasan saya di dalam Dewan ini. Kejadian-kejadian seperti YAB. Ketua Menteri hampir-hampir di serang di Padang Kota semasa perhimpunan bantahan Projek Lynas. Upacara sembahyang jenazah yang diadakan di luar

rumah Ketua Menteri, kejadian protes yang dilangsungkan di hadapan Dewan Undangan Negeri oleh pemimpin-pemimpin UMNO, MIC, MCA dan Gerakan. Mengapakah tidak pihak polis mengambil sebarang tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat sehingga hari ini. Saya sangat dukacita, kalau ada wakil dari pihak Polis DiRaja Malaysia yang hadir pada hari ini, di atas kelakuan atau sifat pihak Polis DiRaja Malaysia yang tidak mengambil tindakan langsung ke atas penganjur-penganjur yang telah menganjurkan protes-protes sebegini. Protes sebegini telah berlaku secara ganas di hadapan Dewan Undangan Negeri, di hadapan rumah Ketua Menteri dan di bangunan KOMTAR setiap hari Jumaat malahan ada di antara mereka yang berani menghantar pemberian-pemberian yang tidak begitu baik kepada Pejabat Ketua Menteri. Walaupun laporan polis telah dibuat terhadap pihak-pihak tertentu, saya percaya kemungkinan pihak polis risau untuk mengambil tindakan, mungkin takut untuk mengambil tindakan kerana semua pihak yang terlibat ini merupakan pihak yang ada sangkut-paut dengan parti-parti politik tertentu seperti UMNO, MCA, Gerakan dan MIC.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan YB. Seri Delima. Terima kasih. Saya rasa tidak sesuai untuk membangkit dan menuduh pihak polis takut untuk mengambil tindakan dan sebagainya kerana mereka tidak boleh menjawab di dalam Dewan ini dan juga membuat tuduhan yang tidak berasas. YB. Seri Delima tahu atau tidak pihak polis ada atau tidak mengambil tindakan? Kertas siasatan tentu sudah dibuka, mungkin siasatan sudah dibuat dan sebagainya, saya pun tidak tahu, Yang Berhormat tidak tahu, jadi jangan buat tuduhan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pertamanya saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat, ini bukan tuduhan. Kalau kita lihat, saya ingin Yang Berhormat imbas kembali, kejadian segelintir samseng-samseng UMNO yang masuk ke Dewan Rakyat dan mengganggu Ahli Parlimen Bukit Gelugor Karpal Singh dan menghalang beliau daripada masuk ke Dewan Rakyat. Benar atau tidak kejadian itu dilakukan oleh segelintir pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO. Yang Berhormat boleh menafikan perkara itu? Kejadian itu kita lihat tersiar di TV3 dan di semua laman web di mana mereka begitu berani menyatakan mereka dari UMNO, menuntut supaya Ahli Parlimen Bukit Gelugor menarik balik kenyataan beliau, bukankah itu dilakukan oleh Ahli UMNO, boleh menafikan?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan YB. Seri Delima, saya ingat ini YB. Tuan Speaker, janganlah diulang-ulang perkara ini, sudah beberapa kali diulang daripada dahulu lagi, sudah cukuplah. Kita bagi peluang kepada isu-isu lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuba ingin menjawab ini bukan pertuduhan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Dan juga untuk mengatakan ini samseng UMNO, kami UMNO tidak pernah mengatakan samseng DAP. Kami tak kata itupun semua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuma menjawab kepada YB. Telok Ayer Tawar yang menyatakan saya membuat pertuduhan. Ini bukan tuduhan, ini fakta. Keduanya, saya ingin menjawab mengapa begitu efektif dan cepat untuk mengambil tindakan menuduh orang-orang yang menganjurkan perhimpunan-perhimpunan aman berbanding dengan tindakan terhadap anasir-anasir yang mengadakan protes di luar Dewan. Mengapa tidak mengambil tindakan yang cepat juga pada masa yang sama. Boleh Yang Berhormat memberi ulasan, bukankah itu menunjukkan pihak polis memang takut, memang mereka risau, mungkin ada arahan daripada pihak tertentu supaya tidak menuduh mereka di mahkamah. Saya akan teruskan.

Akhir sekali, saya di sini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker sekali lagi kerana memberi saya peluang untuk turut membahas. Banyak lagi isu yang tertinggal, saya berharap Ahli-ahli dari *backbenchers* akan memberi saya peluang dari semasa ke semasa untuk mencelah atau memberi pandangan saya bila diperlukan. Terima kasih saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Silakan YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr Muhamad Farid Bin Saad):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ingin turut serta dalam membahaskan ucapan terima kasih kepada TYT Tun kerana berkenan melafazkan ucapan pada Dewan yang mulia ini pada hari semalam. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB. Speaker kerana telah pun dilantik untuk menganggotai Dewan kita pada kali ini. Saya berharap sokongan kami yang tidak berbelah bagi kepada YB. Speaker akan menjadikan YB. Speaker akan membolehkan YB. Speaker menjalankan tanggungjawab dengan seadil-adilnya.

Saya ingin terus merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun satunya di *page* yang ke-5 tentang merencanakan perindustrian dan pelaburan. Tuan Yang Terutama Tun telah mengungkapkan bahawa Kerajaan Negeri yang kukuh dan stabil telah membolehkan Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan yang paling besar di Malaysia dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2010 dan 2011. Kita berada pada tahun 2013, saya mencari kenapa tidak disebut pencapaian tahun 2012. Kenapa berhenti kejayaan paling besar tahun 2010 dan tahun 2011. Apa berlaku kepada pencapaian ekonomi dari segi pelaburan pada tahun 2012, kerana sekarang ini kita berada pada tahun 2013. Setelah saya melihat beberapa laporan akhbar di *Ages*, *Star* dan sebagainya, dan juga merujuk kepada laman sesawang MITI, menunjukkan rupa-rupanya pada tahun 2012, pencapaian pelaburan di Pulau Pinang menjunam sebanyak 72%. Ini tidak dilaporkan. Saya kira Kerajaan Negeri perlu memaklumkan kepada Tuan Yang Terutama Tun keadaan yang sebenarnya. Ini berkaitan rapat dengan pencapaian Pulau Pinang pada tahun ini. Pada tahun ini 2013, saya juga melihat yang sehingga ke bulan Mac 2013, pencapaian Pulau Pinang juga berbanding dengan Johor, Sarawak adalah sedikit.

So, kita nak lihat bahawasanya dalam tahun 2013 ini, pencapaian lebih baik, bukan menjunam 72% pada tahun 2012, tetapi juga meningkat kerana ini berhubung kait juga dengan peluang pekerjaan yang wujud dan juga untuk masyarakat di Pulau Pinang ini. So, saya berharap kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan usaha bagi memastikan yang pelaburan samada dari sumber dalaman dan juga luar negara ditambahkan dan tidak menjadi menduduk tangga yang ke-6 tahun sudah apatah lagi kalau jatuh ditangga ke-10 atau ke-11. Saya berharaplah dengan usaha paradigma Penang nanti akan dapat mengajak Pulau Pinang kerana ini memberi kesan secara langsung kepada pencapaian Pulau Pinang secara keseluruhannya. Yang kedua YB. Tuan Speaker, agenda ekonomi saksama. Dinyatakan di muka surat empat (4) bahawa agenda ekonomi saksama telah menjadi falsafah induk yang memandu arah tuju Negeri dengan memberi penekanan kepada strategi untuk mengurangkan ketidaksamaan, merencanakan pertumbuhan ekonomi Negeri, mewujudkan peluang pekerjaan serta menjana pendapatan dan menjamin keadaan sosial ekonomi kepada rakyat Pulau Pinang.

Tadi telah pun disebut tentang AES oleh Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Saya ingin merujuk kes khas khusus untuk maklumat YB. Speaker, ini hal berkaitan dengan 200 kontraktor Bumiputera pengurusan sisa pepejal dan pembersihan am Seberang Perai di bawah MPSP. Saya difahamkan terdapat 35 zon perkhidmatan pembersihan bersepadu yang telah dibuka tawaran di bawah kendalian MPSP, tarikh tutup 13 Oktober 2011. Selepas menunggu hampir empat (4) bulan tender ini kemudian dibatalkan pada 17 Februari 2012. *Non use*. Kemudian pada 6 September 2012 tawaran tender dibuat semula sebanyak 15 zon sahaja yang dikecilkan. Dan difahamkan sebahagian

daripada zon yang diuruskan oleh MPSP sendiri. Selepas itu, MPSP membius seribu bahasa tanpa sebarang berita. Apakah ini adil kepada kontraktor yang mencari makan dengan cara begitu? Mereka tidak mendapat kepastian sama ada akan berterusan kontrak mereka ataupun disambung bulan ke bulan ataupun tahun ke tahun. Apakah ini juga dikatakan *open tender*? Mungkin *open tender with no end*. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap ini.

Ironinya saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri telah memberikan RM30 juta. EXCO boleh *verify* kepada MPSP untuk membeli jentera. Bolehkah MPSP menguruskan sendiri sisa pepejal dan pembersihan am. Ini dibuat untuk mengambil alih tugas daripada kontraktor yang sedia ada. Saya difahamkan seramai 800 orang yang tenaga kerja yang berumur di bawah 40 tahun telah diambil dan seramai 30 orang pemandu juga telah diambil dan rata-ratanya ialah pekerja daripada kontraktor tersebut. Pihak kontraktor mengaji mereka yang berumur 40 tahun ke atas tetapi MPSP mengambil yang 40 tahun ke bawah. Kebanyakan pekerja ini tidak mempunyai kelulusan akademik. Mereka hanya berkelayakan bekerja di sektor PPS dan KPA sahaja. Kesemua ini telah memberi kesan secara langsung kepada kontraktor ini kerana mereka telah mengeluarkan modal untuk menjalankan pekerjaan mereka. Kini semuanya hancur. Ada yang gulung tikar, dan mereka bertanya adakah ini adil dan saksama kepada mereka. Begitu juga dengan rayuan penyemakan tentang harga yang dibuat oleh kontraktor kepada YDP MPSP. Saya difahamkan yang pada dasarnya mereka telah bersetuju. YDP MPSP telah bersetuju dengan kenaikan 30% daripada harta benda yang diguna pakai sejak tahun 2000 lagi. Tetapi mendapat arahan kemudiannya untuk tidak mengambil kisah ataupun tidak mengambil berat tentang rayuan yang dibuat ini.

YB. Speaker, saya berharaplah khabar angin yang mengatakan MPSP akan menamatkan kontrak pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal yang sedia ada tidak berlaku kerana ini YB. Tuan Speaker akan memberikan kesan secara langsung. Telah dianggarkan lebih 2,000 orang tenaga buruh yang sedia ada akan kehilangan pekerjaan yang mengakibatkan 8,000 orang isi rumah. Saya berharap Yang Berhormat Kerajaan Negeri prihatin tentang perkara ini, bukan sahaja melimitkan kepada 60 nisbah 60, 60% MPSP dan 40% kontraktor swasta. Saya rasa elok diperbanyakkan supaya lebih ramai lagi peluang kontraktor untuk mengambil bahagian dan mencari rezeki daripada kerja-kerja pelupusan sisa pepejal ini dan sebagainya. Saya minta perhatian khusus daripada MPSP dan EXCO tentang hal yang saya katakan tadi.

Seterusnya tentang tapak sekolah menengah dan rendah di (Botaraya City) telah pun dibahaskan dengan panjang lebar pada 9 dan 10 Mei 2011. Dah 2 tahun kita bercakap. Tetapi sampai ke hari ini tidak ada tindakan diambil. Hal ini semakin lama semakin kritikal kerana saya difahamkan bahawa tapak sekolah St. George kebangsaan dan menengah mesti dikosongkan pada

bulan November 2016. Kita semakin hampir kepada tarikh tersebut, tetapi tidak ada lagi keputusan yang dibuat. Saya ingin merujuk kepada hansard kita petik ucapan YAB. Ketua Menteri pada 10 Mei 2011. Mungkin boleh *refer* kepada hansard muka surat 31 yang mengatakan begini. "Saya juga telah mengambil inisiatif untuk bertanya mengapa tidak ada tapak untuk tujuan demikian kerana kita mahu sekolah di situ. Pemaju juga telah menulis kepada Kerajaan Negeri bahawa mereka bersedia untuk memberi satu tapak sekolah selepas projek mereka siap. Ini sebagai satu tapak tambahan oleh pihak pemaju. Dengan ini kita berharap apabila siap, di sini ada satu surat rasmi daripada pihak pemaju bahawa mereka akan memberikan tapak tanah untuk sekolah." Saya minta kepada YAB. Ketua Menteri supaya menunjukkan surat itu kepada saya. Yang kedua menyegerakan bukan menunggu hingga habis projek itu, tetapi menyegerakan penyerahan tapak tersebut bagi membolehkan tapak sekolah St. George dibina dan siap sebelum 2016. Itu permohonan saya.

Yang keempat YB. Tuan Speaker, pasar awam Balik Pulau. Saya masih ingat lagi pemimpin PKR tempatan, telah pun tak salah salah saya satu (1) atau dua (2) forum menganjurkan tentang bagaimanakah hendak membangunkan semula Pasar Awam Balik Pulau. Dalam Dewan ini pun telah pun saya bangkitkan bahawasanya Pasar Awam Balik Pulau ini telah menjadi usang, rosak dan sebagainya. Ini menjadi yang mencatatkan pandangan masyarakat sama ada dari Pulau Pinang ataupun dari luar datang berkunjung ke Balik Pulau. Saya berharap pihak EXCO Padang Kota tolong dengan kadar segera melihat apakah perkara baru yang perlu dibuat untuk *upgrade* kan Dewan pasar ini tanpa merobohkan semua struktur kerana pasar ini ada sejarah lebih 100 tahun. Mungkin bahagian asal boleh dikekalkan dan yang bahagian sama itu boleh diruntuhkan dan dibina semula bagi menyediakan peluang-peluang dan ruang perniagaan kepada masyarakat Balik Pulau yang ingin menceburi bidang perniagaan. Saya menawarkan diri jika memerlukan kepakaran saya dalam bidang pembangunan. Saya sedia membantu Kerajaan Negeri dalam hal ini.

YB. Tuan Speaker, isu perumahan. Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun menyatakan bahawa beliau menyokong pendekatan Kerajaan Negeri yang mahu menyediakan rumah yang kondusif dan selesa dan saya juga bersetuju dengan pendapat Tuan Yang Terutama Tun bahawa rumah merupakan perkara asas yang diperlukan oleh masyarakat dan sebagai Kerajaan kita patut membantu mereka yang memerlukan. Saya ingin menuntut keikhlasan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya nak ambil contoh kes perumahan di Kuala Sungai Pinang oleh PERDA. Catatan yang diberikan kepada pihak saya rentetan peristiwa yang berlaku permohonan OC sijil menduduki. Permohonan telah pun dibuat. Yang pertama pada 6 Mac 2012, dibuat lagi pada 20 Februari 2013 dan yang last sekali 30 Mei 2013. Kebanyakan komen-komen yang diberi adalah komen-komen tambahan bersifat semasa. Sepatutnya apabila bangunan siap kesemua pra syarat yang

dinyatakan dalam pelan bangunan itu, harus dilaksanakan. Bukan ditambah dan ditambah. Ini tidak apabila setiap kali arkitek berjumpa dengan MPSP ada saja syarat baru yang diberikan. Sampai bila ianya akan selesai. So, saya berharaplah pihak Kerajaan Negeri akan dapat membantu kerana begitu ramai 200 orang lebih yang menunggu rumah yang telah pun siap hampir dua (2) tahun untuk dihuni. Kebanyakan mereka ini adalah yang berpendapatan rendah dan amat mengharap rumah-rumah ini. Dan saya difahamkan yang pihak PERDA telah menanggung kos kali ini RM250,500.28 kos *maintenance*. Satu jumlah yang besar dan kalau kita boleh agihkan kepada mereka yang miskin dan ini jumlah ini sebenarnya boleh membantu kehidupan mereka seharian. Saya minta kepada pihak Kerajaan Negeri supaya tidak memanjangkan isu ini, terus memberi kelulusan yang diperlukan bagi membolehkan mereka yang amat-amat mengharapkan rumah dapat menduduki rumah mereka dengan kadar yang segera kerana masa yang diberi terlalu lama dah.

Begitu juga dengan isu perumahan oleh pihak JKP Sdn. Bhd. Kalau benar pihak Kerajaan Negeri ingin membantu masyarakat Pulau Pinang ini yang keseluruhannya mahu memiliki rumah, saya berharap memberi sedikit perhatian kepada perumahan yang dicadangkan oleh pihak JKP. Sampai ke hari ini saya difahamkan belum ada kelulusan kerana apa, kerana pihak JKP merayu supaya premium tanah itu dikurangkan. Saya difahamkan, di Seberang Perai premium tanah adalah 15% komisen *fees*. Tetapi di Pulau Pinang sebanyak 50%. Kalau pemaju itu membina rumah yang dijual dengan harga RM500,000, RM600,000, RM1 juta, dan sebagainya tidak mengapa kerana amaun premium munasabah (NI) tak banyak. Tetapi bagi mereka yang membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah jumlah 50% premium ini adalah jumlah yang besar. Dan saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat melihat dan mempertimbangkan segera rayuan dari pihak JKP bagi membolehkan mereka meneruskan projek perumahan rakyat yang memang diharapkan, yang memang ditunggu-tunggu oleh pihak masyarakat di Balik Pulau dan diseluruh Pulau Pinang.

YB. Speaker, pada 28 Jun 2013, 8.00 malam bertempat di Dome, KOMTAR, YAB. Ketua Menteri dan Ahli Kawasan Pantai Jerejak dan Ahli Kawasan Perai telah pun hadir ke satu program Majlis Makan Malam YAB. Ketua Menteri bersama dengan warga kontraktor Pulau Pinang telah dibuat. Kalau ikut dalam *website* Ahli Kawasan Pantai Jerejak lebih 200 orang yang hadir. Bagus. Tetapi saya difahamkan jemputan yang dibuat itu tidak diberikan kepada Persatuan Kontraktor yang menaungi kesemua kontraktor di seluruh Pulau Pinang ini. Tetapi diberikan kepada individu untuk membuat panggilan. Mengapa. Apakah istimewa individu ini sehingga membolehkan dia yang membuat jemputan. Saya difahamkan juga ada suara yang mengatakan bahawasanya sesiapa yang tidak hadir akan diambil tindakan. Itu kata-kata kontraktor yang diberikan kepada saya. Sebab ini tidak berlaku, tetapi

sekiranya berlaku amatlah mendukacitakan. Saya melihat apa *special* nya individu ini. Tadi Ahli Kawasan Seri Delima ada menyebut tentang kroni. Saya melihat adakah unsur-unsur kroni terlibat dalam hal ini. Apakah perhubungan Kerajaan Negeri dengan individu ini kerana perkataan *special*. Saya telah melihat dan mempunyai bukti bahawa dia memang mempunyai beberapa projek, tender yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat telah memperhalusi maklumat tersebut. Satu (1). Nombor dua (2), saya rasa isu kroni itu tak timbul kerana kita mengamalkan sistem tender terbuka. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Okey, tak apa, kita katakan kroni tak timbul, tak apa. Saya boleh terima yang itu tetapi apa *special* nya. Kenapa kontraktor-kontraktor berjaya di luar hinggan kami Persatuan Kontraktor yang menaungi persatuan ini tidak dijemput melalui persatuan, kenapa dibuat melalui individu. Kalau benar telus panggil semua sekali, kenapa dikhususkan daripada persatuan tertentu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Speaker, pada 30 haribulan adalah merupakan hari pemilihan pertandingan untuk merebut jawatan Yang diPertua, Naib Yang diPertua dan sebagainya. So saya rasa ini ada pertalian di antara Majlis Makan Malam itu memerlukan sokongan Kerajaan Negeri daripada pihak-pihak tertentu yang akan bertanding jawatan Naib Yang diPertua. Tetapi dalam program tersebut juga ada dua perkara yang disebut oleh YAB. Ketua Menteri. Saya mendengar *tape* itu. Iaitu tentang bagaimana dia nak membantu mengekalkan warisan orang Melayu di Pulau Pinang ini. Di sebut bahawasanya dia sedang berusaha untuk memastikan Batu Uban dan Tanjung Tokong dikekalkan sebagai kawasan warisan tradisi di Pulau Pinang ini.

Tetapi yang saya tidak berpuas hati apabila mengatakan bahawasanya mendapat halangan daripada Putrajaya. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak bertanya siapakah yang membuat *local plan*? Kerajaan Negeri. Siapakah yang membuat pelan struktur Negeri? Kerajaan Negeri. Siapakah yang membuat dan meluluskan *zoning* pemajuan? Kerajaan Negeri. Siapakah yang membuat *Paradigm Penang*? Kerajaan Negeri. Siapakah yang memberikan kelulusan sama ada khas atau pun khusus dalam *One Stop Centre*? Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri betul-betul ikhlas demi mengekalkan Tanjung Tokong dan Kampung Tradisi Batu Uban saya meminta supaya Kerajaan Negeri betul-betul merealisasikannya. Tanjung Tokong mungkin terlewat, tetapi saya rasa masih ada ruang supaya Kampung Batu Uban itu dikekalkan sebagai Kampung Tradisi Melayu kerana masjid yang tertua yang pertama di Pulau Pinang terdapat di situ. Saya berharap dengan segala kuasa yang ada



kalau *local plan* kah, pelan struktur kah, *zoning* kah, *one stop center* kah, pihak Kerajaan minta memberi perhatian yang khusus bagi mengekalkan Kampung Batu Uban sebagai kampung warisan. Kalau nak dikaitkan Putrajaya, saya rasa kita sudah membantu pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan yang kementerian berkaitan projek warisan juga akan membantu bagi memastikan Kampung Batu Uban ini dikekalkan sebagai Kampung Warisan Melayu di Pulau Pinang. Kita mahu kalau Kerajaan Negeri boleh membantu *Penang Heritage* untuk mempromosikan George Town sebagai kawasan heritage kerana tidak masuk lagi elemen warisan tradisi Melayu yang mana Batu Uban sebahagian daripada sejarah dalam program ini. Saya rasa itu kita dapat menunjukkan bahawasanya Pulau Pinang ini sebenarnya dihuni oleh pelbagai kaum bukannya sesetengah kaum yang tertumpu di kawasan pekan sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, itulah perkara-perkara penting yang saya minta supaya diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dan saya berharaplah yang ke semua isu termasuk isu-isu yang kami bentangkan dalam Dewan yang dahulu diambil perhatian. Kalau saya nak sebut banyak isu yang kita dibentangkan tidak diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya minta kali ini di bawah Yang Berhormat Tuan Speaker, saya minta supaya setiap perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini diambil tindakan dengan segera dan dimaklumkan balik kepada ADUN-ADUN supaya kami tahu bahawasanya apa yang kami utarakan telah mendapat jawapan yang baik, jawapan yang sempurna dan tindakan telah pun diambil oleh pihak Kerajaan Negeri. Itulah ucapan ringkas daripada saya dan saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Ahli Kawasan Bagan Dalam.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Yang Berhormat Speaker, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Yang Berhormat Speaker, dalam lima (5) tahun pemerintahan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah mewujudkan sebuah era yang baru. Pulau Pinang telah menjadi lebih masyhur dan makmur. Rakyat Pulau Pinang boleh merasa bangga atas pencapaian Kerajaan Pakatan Rakyat berbanding dengan zaman Barisan Nasional di mana Pulau Pinang dikenali sebagai Darul Sampah. Dalam lima (5) tahun yang lepas Pakatan Rakyat mencapai produktiviti yang lebih tinggi dalam semua lapisan Kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan tugas yang lebih efektif. Melantik pegawai-pegawai yang berkaliber, kerja-kerja dapat dijalankan dengan lancar dengan *good governess* dan prinsip CAT Kerajaan berjaya menghapuskan

rasuah dan memperbaiki mutu kerja kakitangan Kerajaan. Pulau Pinang menikmati satu imej antarabangsa sebagai Bandaraya Warisan dan sebagai satu (1) bandar yang bersih dan hijau dan ini mengakibatkan lebih banyak pelancong datang ke Pulau Pinang. Satu (1) pencapaian yang sangat penting dalam masa lima (5) tahun ini ialah menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan rakyat Pulau Pinang tak kira bangsa dan agama. Semua lapisan rakyat Pulau Pinang menikmati kejayaan Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, dalam masa lima (5) tahun selama ini, rakyat telah melihat bagaimana UMNO, PERKASA dan Utusan Malaysia memainkan isu-isu perkauman untuk pecah belahkan rakyat. Untuk keuntungan politik UMNO sanggup menghancurkan hubungan baik antara rakyat pelbagai kaum di Malaysia ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Ahli Kawasan Bagan Dalam saya minta Yang Berhormat tolong tarik balik. UMNO tidak menghancurkan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya tidak akan tarik balik sebab sini betul. Mereka menggunakan PERKASA untuk menghancurkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

UMNO adalah UMNO, PERKASA adalah PERKASA. Tarik balik mengatakan UMNO. Yang Berhormat Speaker, minta tarik balik. Saya rasa Yang Berhormat Speaker tak mahu juga saya kata nanti DAP dan sebagainya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Betul. Zulkifli Nordin pemimpin PERKASA bertanding di bawah tiket Barisan Nasional, betul tidak? Lihat sendiri dalam Utusan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bagan Dalam teruskan tapi saya nasihat supaya jangan berulang lagi perkataan-perkataan yang disebut tadi. Silakan, teruskan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Apa yang saya kata adalah benar, Tuan Speaker. Saya tidak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Tidak benar, minta tarik balik. Tidak benar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Ahli Kawasan Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Untuk keuntungan politik UMNO sanggup menghancurkan hubungan baik antara rakyat .....(gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya bantah itu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

UMNO tanpa berasa malu dan tidak bertanggungjawab telah menggunakan Perkasa mengapi-apikan isu perkauman supaya masyarakat Melayu akan benci sama kaum-kaum lain. Utusan Malaysia sering.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Yang Berhormat Speaker, saya minta Yang Berhormat Speaker tolong kontrol sebelum kami semua melenting.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Utusan Malaysia sering kali menyiarkan berita-berita tidak benar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bagan Dalam, sila rujuk Peraturan 46 (17c). Saya bagi sekali lagi amaran yang terakhir. Peraturan 46 (17c) saya rasa perkataan-perkataan, hujah-hujah yang seperti begitu perlu dielakkan. Muka surat 30.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Perkataan-perkataan yang harus akan menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan antara kaum, ini tidak. Saya tiada niat jahat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Bagan Dalam, saya sudah bagi nasihat dan juga amaran so sila dan saya rasa tadi Ahli Kawasan Pulau Betong telah pun memberi perbincangan beliau dan Ahli Kawasan Bagan Dalam pun saya tidak minta mencontohi, tapi kadang-kadang dalam hujah sila juga buat mengikut peraturan yang telah dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat. Sila Ahli Kawasan Bagan Dalam teruskan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Utusan Malaysia seringkali menyiarkan berita-berita tidak benar, berita-berita yang ada elemen perkauman supaya rakyat terasa benci antara satu sama lain. Selepas pilihan raya mereka juga menyambung dengan entik-entik mereka. PERKASA dan Utusan Malaysia harap berita-berita karut mereka akan diterima oleh.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Yang Berhormat Speaker, saya rasa ini dah melalut.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya tidak sentuh UMNO sekarang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Peraturan Ahli Berhormat tidak dibenarkan untuk membaca kecuali merujuk bila perlu dalam perbincangan. Sebab itu teguran Speaker semua tidak dihiraukan sebab semua membaca teks.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya tidak sentuh UMNO.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli Kawasan Bagan Dalam. Perlu juga ambil perhatian... (gangguan). Sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

PERKASA dan Utusan Malaysia harap berita-berita karut mereka akan diterima oleh rakyat terutama dari kaum Melayu. Tetapi Pilihan Raya Ketiga Belas telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bukan senang ditipu

oleh UMNO. Oleh sebab itu Pakatan Rakyat mendapat undi popular yang lebih daripada Barisan Nasional. Tanpa sokongan kaum Melayu undi popular Pakatan Rakyat tidak boleh meningkat. Masa sudah sampai rakyat Malaysia harus mengkebumikan PERKASA dan Utusan Malaysia untuk menyelamatkan Malaysia dari anasir-anasir yang bahaya ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Jangan baca.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan ganggu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Saya harap dalam penggal ini Kerajaan Negeri boleh membina lebih banyak rumah murah untuk lapisan rakyat yang miskin dan tidak mampu untuk membeli rumah mampu milik yang harga paling kurang RM72,000. Kerajaan harus bina rumah murah yang berharga antara RM40,000 hingga RM50,000 untuk golongan yang tertentu ini. Rumah-rumah murah ini harus ditawarkan kepada masyarakat miskin sahaja. Kerajaan mesti ada satu mekanisme supaya tidak ada salah guna di mana rumah dibeli oleh orang yang mampu. Selaras dengan membangunkan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa rumah-rumah setinggan di bandar-bandar mesti diubah dan penduduk diberi peluang untuk beli rumah murah atau rumah mampu milik.

Tentang pekerjaan, satu masalah yang masih dihadapi oleh kaum India di Pulau Pinang adalah pekerjaan di sektor Kerajaan termasuk di agensi-agensi Kerajaan. Walau pun perkara ini telah dikemukakan banyak kali tetapi kaum India merasa mereka masih ditinggalkan di dalam pekerjaan di sektor Kerajaan. Dalam lima (5) tahun yang lepas isu ini belum selesai. Saya harap dalam penggal ini dengan dua (2) orang Yang Berhormat dari kaum India menjadi EXCO Kerajaan, perkara ini boleh diberi tumpuan dan cari jalan untuk mengatasinya. Saya harap dalam sesi akan datang satu statistik boleh diberi di Dewan tentang berapa banyak orang-orang kaum India telah diambil kerja di sektor Kerajaan.

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan juga mesti memberi tumpuan untuk menarik lebih banyak pelancong ke Pulau Pinang. Lebih banyak produk-produk baru mesti ditubuh untuk menarik pelancongan mahu pun pelancong tempatan atau luar negara. Kerajaan mesti menjadi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan terutama di Asia Tenggara. Dari segi pembangunan pelancong di Pulau Pinang, Seberang Perai juga mesti diberi perhatian. Pada masa sekarang semua perhatian diberi pada Pulau sahaja tapi saya berharap

Kerajaan akan memberi perhatian ke Seberang Perai dengan mengadakan lebih produk-produk di situ, di mana pelancong juga boleh pergi ke Seberang Perai. Di kawasan saya di Bagan Dalam masalah saluran air atau *drainage system*, saya harap *drainage system* di Bagan Dalam boleh dinaik taraf terutama di Jalan Bagan Luar, di Jalan Telaga Air dan di Jalan Kampung Benggali, di mana longkang-longkang semua sudah rosak atau longkang-longkang ini terlalu lama, ini mengakibatkan air bertakung setiap hari baru dikeluarkan pun sangat teruk dan menjadi satu *breathing ground* untuk nyamuk-nyamuk.

YB. Speaker, akhir sekali saya tidak nak memanjang-manjangkan hujah saya ialah saya berkongsi pandangan dengan YB. Air Itam bahawa Negeri Kedah tidak ada hak untuk mengutip bayaran dari Negeri Pulau Pinang untuk air dari Sungai Kuala Muda. Separuh Sungai Kuala Muda ini dimiliki Pulau Pinang, oleh itu air di sungai juga dimiliki oleh Pulau Pinang, saya harap ahli-ahli pembangkang boleh buat pendirian atas isu ini yang sangat penting. Isu Pulau Pinang dan jangan buat macam tak tahu lak isu ini timbul, ini satu perkara di mana semua orang penduduk Pulau Pinang dan wakil-wakil rakyat Pulau Pinang, pembangkang Kerajaan mesti ada satu pendirian, dengan itu YB. Speaker, saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pengkalan Kota.

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih YB. Speaker kerana memberi saya peluang ini untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah setelah kita George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008 sampai hari ini sudah lebih lima (5) tahun dan kita boleh dapat nampak bahawa di Tapak Warisan UNESCO tersebut ada sikit perubahan atas infrastruktur dan juga menaik taraf pembangunan yang sering bekerjasama daripada pihak swasta dan juga inisiatif Kerajaan Negeri, akan tetapi dalam perusahaan tersebut nampaknya Kerajaan Pusat kurang mengadakan inisiatif dalam aspek tersebut dalam menaik taraf Tapak Warisan UNESCO.

Masalah yang selalunya yang kita hadapi adalah bukan sahaja bangunan usang yang lama atau bersejarah perlu menyelenggara yang rapi dan sempurna tetapi infrastruktur asal juga perlu dipandang berat. Saya amat sedih apabila setiap kali infrastruktur atau pun kerja *upgrade* semasa untuk menjalankan kita mesti menghadapi dua (2) masalah, yang satu (1) ialah kita mengalami masalah peruntukan dan lagi satu adalah bantahan dari NGO-NGO berkenaan dan selalunya kita boleh tengok rumah-rumah usang itu walaupun

di dalam Tapak Warisan UNESCO tapi struktur tersebut sudah ambil semua atau tinggal tak sampai 50%, so akan tetapi bila pemilik nak meruntuhkan *building* tersebut NGO-NGO yang berkenaan keluar dan membantah supaya berhenti, bantah keluar daripada surat khabar dan menyeru Kerajaan Negeri berhenti dan tindakan keluar *stop order* dan menyatakan mereka robohkan struktur yang tidak selamat tersebut akan tetapi bila masalah rumah struktur usang itu runtuh dan terkena kereta atau terkena orang.

Kami tak pernah tengok NGO-NGO tersebut keluar membela Kerajaan Negeri ini yang amat saya berasa sangat sedih dan saya memang berharap Kerajaan Negeri dapat berbincang dengan lebih ringkas tentang kes-kes yang rumah usang tersebut dan Tapak UNESCO walaupun Kerajaan Pusat ada telah melantik satu agensi yang bernama Think City untuk mengendalikan peruntukan warisan George Town namun terdapat projek-projek naik taraf kekurangan wang seperti nak membina balik di *clan jetties structure* ini pun peruntukan daripada pihak MPPP dan juga Kerajaan Negeri dan pandangan dari *clan jetties* agensi tersebut tidak dapat memperuntukkan wang kepada projek-projek seperti ini dan juga untuk menjayakan *cleaner greener* Penang. Program ini *clan jetties* memang memerlukan sistem pembentungan IWK sekarang masih tak ada dan kos-kos tersebut daripada selepas pembuat banciaan dan lawatan tapak kos-kos tersebut adalah sebanyak RM120 juta, sekurang-kurangnya RM120 juta untuk kesemua kos ini dan pihak Think City pun kata bahawa mereka tidak dapat peruntukan mereka bukannya untuk kegunaan projek-projek seperti ini, so inilah kekurangannya wang yang selalu kita menghadapi dan bilangan pelancong semakin meningkat di tempat Tapak Warisan UNESCO dan..(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Mohon penjelasan kos itu adalah RM12 juta atau pun RM120 juta?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Pembetulan RM120 juta, untuk keenam-enam *phase clan jetties* bajet ini masih tidak dapat peruntukan tersebut, ini hanya kos bajet saja. Oleh itu, kita tidak dapat tahu bahawa kebanyakan cukai yang telah dikenakan oleh rakyat Pulau Pinang adalah di hantar kepada Kerajaan Pusat dan bukannya dikutip oleh Kerajaan Negeri dan kita memang perlu Kerajaan Pusat memang perlu mengada tanggungjawab sebagai Kerajaan dan menyalurkan peruntukan terus kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan menaik taraf pembangunan di tapak warisan. Memandangkan sedemikian saya juga berharap pihak Kerajaan Negeri dapat menyediakan satu peruntukan khas serta menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji dan menaik taraf infrastruktur semua tempat pelancongan termasuk tapak warisan dunia di George Town ini bukan saja untuk meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang

yang kini semakin menarik pelancong malah juga menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat serta pelancong-pelancong. Saya juga mendapati bahawa tapak warisan dalam George Town atau tempat pelancongan adalah memberi peluang pelancong melawat secara percuma dan tidak mengutip *chargers* so menurut statistik-statistik yang kita dapat dimaklumkan Kerajaan Negeri telah berjaya menarik seramai 6.09 juta orang pelancong ke Pulau Pinang dengan sejumlah 3.09 juta orang adalah pelancong asing.

Pada pendapat saya Kerajaan Negeri harus bekerjasama dengan industri hotel supaya saya memang mencadangkan bahawa Kerajaan boleh berbincang dengan pihak industri hotel supaya dapat melaksanakan caj RM10.00 ke atas setiap pelancong asing. Hasil ini Kerajaan Negeri akan mendapat RM30 juta sebagai bayaran program menaik taraf setiap tahun. Saya juga ingin menegaskan bahawa caj RM10.00 ini bukanlah jumlah yang besar terhadap pelancong asing jadi cadangan tersebut tidak langsung mempengaruhi rakyat atau menambah beban rakyat dan saya juga difahamkan oleh EXCO Pelancongan bahawa beliau pernah berbincang caj tersebut dengan industri hotel dan pihak industri hotel pun juga bersetuju atas cadangan tersebut dan saya akan terus berbincang dengan EXCO Pelancongan tengok mesyuarat kita dapat melaksanakan atau dengan cara yang mana lebih sempurna. YB. Speaker, saya buat pembetulan tadi ialah RM12 juta.

YB. Speaker, Kerajaan Negeri telah memberikan keutamaan untuk mengurangkan kejadian jenayah di bahagian Pulau dan Seberang Perai dengan menambahkan pemasangan CCTV, lampu jalan dan sebagainya. MPPP juga melaksanakan projek mengikut hasrat Kerajaan Negeri dengan menambahkan satu lampu jalan setiap hari, selain daripada tapak warisan ini juga memang menggalakkan kita juga dapat melihat masih banyak tempat infrastruktur yang perlu dibina dan dinaiktarafkan. Oleh itu, kita boleh lihat di jalan-jalan di Negeri Pulau Pinang masih tidak mencukupi dan *built-built* yang telah lama pun juga perlu ditukar dan saya juga berharap kita boleh membina lebih banyak memasang lebih banyak lampu jalan dengan tempat yang lebih jarak yang lebih dekat kerana saya rasa jarak sekarang lampu jalan kebanyakan memang tak cukup terang dan saya berharap ini akan bertambah lagi, so selain itu jalan raya yang terlalu sempit juga perlu diperluaskan terutamanya pada waktu puncak selalunya menimbulkan kesesakan lalu lintas yang serius. Jalan raya juga perlu diperlebar untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas. Saya juga berharap dapat membina *walk way* yang sesuai di tepi jalan untuk memudahkan pejalan kaki dan juga laluan yang digunakan OKU juga perlu dijaga dan diperlu dielak mempunyai tiang lampu atau apa-apa yang membawa kesulitan kepada mereka.



Yang Berhormat Speaker saya mendapat aduan tentang penduduk di kawasan saya *especially*...(dengan izin) di luar kawasan tapak warisan di luar kawasan UNESCO mereka menghadapi masalah apabila hendak memulih bangunan atau premis yang merupakan *heritage* kategori II dan saya memang hairan macam mana mereka menentukan *building* tersebut adalah *heritage building* kategori II, kerana ini saya ada nampak rumah tersebut hanya biasa sahaja dan ada telah ubah suai dari dulu dan ada terjadi usang dan hampir runtuh. Ini perlu dijelaskan tempat tersebut termasuk bangunan dan premis di Leboh magazine Leboh Noordin, Leboh Tye Sin, Leboh Katz, Leboh Macallum, Lebih Cecil dan Leboh Sendiland. Disebabkan bangunan premis tersebut dalam lingkung *heritage* kategori dua (2), pemilik premis menghadapi kesulitan apabila mereka hendak menjalankan kerja membaikpulih bangunan tersebut dan kerja-kerja membaik pulih itu dilaksanakan mengikut *heritage* punya *guideline* bahan pemulihan bangunan amat mahal *compare* baha-bahan biasa.

Oleh itu pemilik tersebut selalunya mengadu bahawa mereka memiliki premis tersebut adalah kerana datuk atau nenek tinggalkan bagi mereka dan mereka sebagai pekerja dan tidak mampu bahan-bahan mengikut spec *guideline* warisan punya *guideline* untuk membaik pulih rumah tersebut dan akhirnya jika kita tak membaik pulih rumah-rumah mereka akan menyebabkan rumput-rumpai tumbuh di sekeliling bangunan dan menjadi usang dan penagih dadah akan bersembunyi dan rumah tersebut rumah tersebut akan runtuh dan akan timbul masalah lain. Saya juga pernah menulis surat kepada MPPP dan GTWHI *Corporate* meminta mereka mengadakan mesyuarat mengenai *heritage* kategori dua (2) di luar kawasan tapak warisan tersebut dan MPPP, akan tetapi saya masih belum memberikan tarikh sebenar dan *reply*, saya masih belum dapat memberikan satu masa untuk mengadakan mesyuarat tersebut.

Oleh itu juga saya juga berharap pihak GTWHI dan MPPP dapat mengadakan sesi perbincangan tersebut dengan secepat mungkin. Untuk menyelesaikan masalah ini saya berpendapat bahawa, walaupun bangunan tersebut dimiliki oleh pihak swasta atau pun persendirian tetapi dalam usaha penyelenggaraan dan pemuliharaan bangunan warisan ataupun bersejarah *heritage building* kategori dua (2), kita sebagai Kerajaan Negeri hendaklah bekerjasama dengan pemilik premis bukan sahaja memberi konsultan dan cadangan tetapi juga membantu dari segi pelaksanaan memberi insentif dan kelonggaran dan sebagainya. Saya tidak boleh dapat nampak bahawa semua kes-kes yang apabila orang nak membaik pulih pihak yang berkenaan akan ialah *building* kategori dua (2) tapi apabilanya masa bangunan tersebut telah runtuh dan atau menghadapi kebakaran pihak yang berkenaan akan cakap yang lain bahawa kita kena jaga keselamatan dulu demi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, saya ingat kita perlulah mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di depan barulah kita fikir yang lain.

YB. Tuan Speaker, isu yang seterusnya. Saya ingin sentuh berkenaan dengan isu perumahan, tujuan Kerajaan Negeri membina rumah kos rendah sederhana kos rendah adalah untuk memberikan peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah yang mampu milik supaya setiap orang memberi supaya dapat satu rumah. Masalah yang timbul adalah terdapat banyak rumah kos sederhana rendah yang sedia ada telah disalah guna oleh pemilik dan menyewa kepada orang lain dan bukannya didiami oleh pemilik pemohon yang pemilik sendiri. Masa tersebut telah banyak berlaku dan *especially* saya ambil satu contoh di Macallum Seri Saujana. Seri Saujana ialah LMC yang baru dibina dan tidak lebih daripada lima (5) tahun tapi masalah yang telah disewa keluar *especially* mereka sewa keluar kepada pekerja asing, untuk kediaman pekerja asing. Projek Sri Saujana Lebu Macallum ketiga-tiga blok yang ada 2,100 lebih unit rumah tapi sekarang yang telah diduduki disewa oleh pekerja asing telah dari dulunya 150 unit, sekarang telah menjadi tambah 220 unit. Semua sudah disewa keluar untuk kedudukan pekerja asing. Memang oleh itu yang masalah seperti ini berlaku penduduk tempatan sudah mengadu bahawa tentang masalah-masalah kebersihan dan keselamatan dan keselesaan mereka juga menjejaskan kualiti hidup mereka.

YB. Speaker, saya ingin tegaskan bahawa jangan salah faham saya tidak bantah dan menafikan kita memerlukan tenaga kerja atau pekerja asing untuk menjana Kerajaan Negeri malangnya adalah tidak patut jika kita tidak menyambut kedatangan pekerja asing tetapi mengorbankan suasana aman dan selamat bagi penduduk-penduduk rakyat tempatan. Terdapat kes di mana pekerja-pekerja asing telah menimbulkan masalah dan gangguan terhadap penduduk tempatan bukan isu baru. Saya amat berasa sikit kecewa kerana sampai hari ini kita masih tidak dapat menyelesaikan isu yang masalah yang diadu oleh penduduk tempatan yang semakin bertambah. Dan saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar kita harus mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan kawasan asrama ataupun tempat kediaman khas kepada pekerja asing di dalam kawasan perindustrian yang memerlukan ramai pekerja asing. Walaupun Kerajaan kawasan perindustrian telah diwartakan bagi kegunaan kawasan perindustrian sahaja tetapi jika kita boleh wujudkan satu kawasan untuk membina asrama bagi pekerja asing, saya rasa isu pekerja asing yang menyebabkan gangguan kepada penduduk tempatan dapat diselesaikan saya sekarang dapat bukti-bukti dan maklumat daripada LMC-LMC penduduk di kawasan Pengkalan Kota di mana satu (1) unit telah diduduki oleh pekerja asing saya akan menyalurkan kepada EXCO Perumahan dan sebelum itu kami pernah berbincang kes tersebut macam mana mengatasinya dan saya memang *appreciate* bahawa EXCO Perumahan juga berjanji akan mengambil tindakan akan turun padang untuk membuat *spot check* ...(dengan izinnya), supaya masalah tersebut dapat diselesaikan, dengan ini saya mohon menyokong.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sikit lagi mengenai isu perumahan. Salah satu (1) sebab kenapa rumah diduduki adalah kerana pemilik rumah itu mereka-mereka yang membeli rumah lain ini bermakna setiap rumah yang dihuni, kita macam menidakkan hak untuk orang yang perlu rumah tidak beli tetapi menyewa sebab tu kita tengok. Saya cadangkan skim sewa beli sebab kalau rumah berpuluh ribu mereka terpaksa membayar RM600.00 sebulan RM800.00 kalau boleh sewa beli dari Kerajaan Negeri mungkin membolehkan mereka yang berpendapatan RM2,000.00 atau RM3,000.00 mampu untuk membeli rumah tersebut. Saya minta YB. EXCO berbincang dalam itu dan ini idea baru oleh pihak Kerajaan Negeri.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, Berapit. Sila.

### **Ahli Kawasan Bukit Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Yang Berhormat Speaker, Ahli-ahli Berhormat terlebih dahulu saya merakamkan ribuan terima kasih ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Pertuan Negeri yang menyentuh aspek-aspek pembangunan sosio dan ekonomi Negeri Pulau Pinang saya turut mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAB. Ketua Menteri dan serta semua Ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang telah diberi mandat oleh rakyat Pulau Pinang untuk membentuk Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat Penggal Kedua dan semua Ahli Berhormat yang telah dipilih atas kepercayaan rakyat Pulau Pinang untuk menerajui amanah rakyat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Speaker saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa-mangsa yang terkorban runtuhannya tanjakan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang pada 6 Jun yang lalu dan runtuhannya penebat kilat di Menara UMNO Jalan Macalister pada kejadian ribut yang menggemparkan pada 13 Jun yang lalu mengambil iktibar kepada kejadian ini yang berlaku sekelip masa dan untuk memastikan kejadian sama tak berulang kembali saya berharap agar Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan atau swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung agar memastikan setiap pembinaan projek-projek pembangunan yang baru kini dipantau rapi dalam memastikan ianya tidak tersasar dari skop *standard operating procedure* ...(dengan izin) merupakan nadi sesuatu projek.

Keutamaan mutlak harus diberikan jaminan terhadap keselamatan pengguna infrastruktur merupakan pengguna akhir projek yang dibangunkan itu nanti. Selain bencana ribut taufan Negeri Pulau Pinang kini turut menjadi tumpuan lain-lain bencana yang tidak diundang masalah jerebu akibat pembakaran terbuka di Indonesia dan kelmarin pula dikejutkan tempas fenomena kegegaran gempa bumi yang turut dirasai di bangunan KOMTAR.

Sebagai langkah berjaga-jaga saya memohon agar kerja-kerja pemeriksaan bangunan pencakar langit di Pulau Pinang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan bangunan-bangunan di Pulau Pinang adalah kukuh dan mampu menahan penahan gegaran yang kerap berlaku pada abad ini ....(dengan izin) Yang Berhormat Speaker, *prevention is better at the earliest stage*. Yang Berhormat Speaker pengenalan Agenda, Ekonomi, Saksama (AES) oleh Kerajaan Negeri dalam bajet 2013 sememangnya satu strategi dan hala tuju yang amat dinantikan oleh Rakyat Pulau Pinang sejak ia dirangka pelaksanaannya pada penghujung tahun 2012.

Berpandukan mandat yang telah diberikan oleh rakyat Pulau Pinang kepada Kerajaan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu ia membuktikan bahawa rakyat Pulau Pinang mempercayakan langkah dan strategi pembangunan AES yang didokong oleh Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat semasa penggal pemerintahan yang pertama dan seterusnya di sambung ke penggal yang kedua pada tahun ini. Saya menyokong penuh pelaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) ini di mana ia mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri berkeadilan yang sempurna di Malaysia dan mampu merencanakan pembangunan sosial ekonomi rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang tanpa mengira lapisan umur, bangsa, agama dan jantina. Dengan pelaksanaannya sekarang Agenda Ekonomi Saksama pasti dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan dikalangan masyarakat di samping usaha untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang. Di sini saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat menimbangkan cadangan untuk mewujudkan Skim Insurans Warga Emas. Selain daripada pemberian peruntukan khas RM100.00 kepada warga emas setiap tahun yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan skim ini boleh dilaksanakan melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Syarikat Insurans dan hospital-hospital sebagai penambahbaikan kepada taraf kehidupan warga emas di Pulau Pinang. Di cadangkan juga supaya skim ini dibuka untuk menerima sumbangan-sumbangan kewangan daripada organisasi swasta yang akan dikecualikan cukai pendapatan untuk sumbangan kebajikan. Dalam konteks ini saya juga menaruh harapan pada perluasan bajet *responsive gender* iaitu *gender budget* diketengahkan ke seluruh daerah di Negeri Pulau Pinang mulai sekarang di mana kedua-dua PBT iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah pun

melaksanakannya di peringkat Kerajaan tempatan melalui projek perintis selama tiga (3) tahun bermula daripada tahun 2012-2015. Adalah diharapkan agar semua agensi Kerajaan termasuk pihak swasta dan lain-lain sektor perindustrian, pelancongan dan sebagainya di Pulau Pinang turut sama memainkan peranan mereka dengan mengenalpastikan *contest-contest* yang didokong oleh Kerajaan Negeri untuk merealisasikan kesaksamaan gender dan juga sosial dan memperkasakan wanita di Pulau Pinang. Malah penyertaan dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini juga amat diharapkan untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program yang berpaksikan direalisasikan hak kesaksamaan *gender* dan memperkasakan wanita di Pulau Pinang dalam usaha menambahbaik terhadap kecenderungan diskriminasi gender terhadap kaum wanita.

YB. Tuan Speaker, di sini saya juga mahu mengambil kesempatan ini untuk mengutarakan satu tragedi menghayat hati di DUN Berapit pada hari Isnin lalu iaitu 24 Jun 2013 di mana seorang suri rumah Puan Lai Siu Foon yang hanya berumur 36 tahun telah dibakar hidup-hidup oleh suaminya menggunakan minyak petrol. Akibatnya 60% badan beliau telah melecur teruk. Puan Lai sebenarnya telah membuat laporan polis pada 14 Jun 2013 atas keganasan suami yang selalu mencederakannya namun ketiadaan tindakan pantas dari pihak polis untuk merujuk kes ini telah menyebabkan beliau kini menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan masih berada dalam keadaan koma di Hospital Besar Pulau Pinang. Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 atau ...(dengan izin), Domestic Violent Act 1994 mana-mana pengadu yang telah membuat aduan terhadap sesuatu keganasan rumah tangga sama ada kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis yang juga bertindak sebagai Pegawai Penguatkuasa berhak untuk di hantar ke kediaman alternatif atau tempat selamat untuk berlindung sekiranya perlu atau wajar dilindungi sekiranya beliau didapati berada dalam situasi seperti berikut:

- (a) Secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal;
- (b) Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (c) Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainnya yang mangsa itu berhak tidak melakukannya;
- (d) Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa; dan

- (e) Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kesugaran kepada mangsa itu.

Negara Malaysia sememangnya mempunyai undang-undang yang sempurna dan menyeluruh namun disebabkan ketiadaan penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan kecenderungan untuk membendung masalah-masalah ini dengan serius ia telah membuatkan undang-undang ini hanya perkataan dalam perkataan dalam kertas putih dan mengambil contoh di mana baru-baru ini negara dikejutkan dengan keputusan kes mendiang Tee Keat Yap yang mati dirogol serta dibunuh pada 14 Januari 2006. Mangsa yang merupakan bekas penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) dibunuh dengan kejam lepas dipercayai dirogol dan mayatnya ditemui pada awal pagi 15 Januari 2006 dalam keadaan separuh bogel di Jalan Kelab Cinta Sayang. Pembunuhan kejam ini berlaku semasa mendiang keluar berjoging bersama adik perempuannya. Orang Kena Tuduh dibebaskan daripada sebarang tindakan walaupun keterangan mengenai DNA menunjukkan tertuduh mempunyai kaitan dengan kecederaan dengan kemaluan mangsa yang telah dirogol dan kemudiannya dibunuh. Saya amat berharap agar keadilan kepada mendiang dapat dibela sepenuhnya dengan mereka yang terlibat di bawah ke muka pengadilan.

Sehubungan itu, saya memohon kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama dengan badan-badan bukan NGO di Negeri Pulau Pinang seperti WCC, Jemaah Islam Malaysia, MCWO, OWCA termasuk PWDC diteruskan serta diperkukuhkan dengan sepenuhnya dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meneruskan bantuan dan pemberian sokongan bagi membantu golongan wanita dan ibu tunggal dalam pelbagai aspek permasalahan ini dan lain-lain bantuan yang bersesuaian dan dapat meringankan beban mereka.

YB. Tuan Speaker, di sini saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga pengundi dan penduduk di kawasan Berapit kerana memberikan saya peluang sekali lagi untuk menjadi wakil rakyat mereka. Saya juga bersyukur kerana warga Pulau Pinang sekali lagi membuat pilihan yang bijaksana dengan memilih Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebagai wakil rakyat di N13 KADUN Berapit sebanyak dua penggal saya dapat melihat pembangunan berlaku dengan pesat di kawasan Berapit dan juga sekeliling Bukit Mertajam yang mana ia telah membawa manfaat sosial kepada penduduk di Bukit Mertajam.

Di sebalik kesempatan ini saya memohon agar mendapat pertimbangan satu kajian untuk mengenalpasti isu kesesakan lalu lintas di kawasan KADUN Berapit terutamanya di Jalan Easten dan sepanjang Jalan Kulim yang kian meningkat saban hari di mana ia perlu diatasi dengan segera sama ada melalui pembukaan jalan laluan alternatif yang baru atau memperbanyakkan kemudahan pengangkutan awam di KADUN Berapit. Selain daripada itu, saya turut memohon kerjasama daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk melihat kembali sungai-sungai, parit-parit dan *monsoon drain* di kawasan-kawasan kediaman KADUN Berapit yang pada pemerhatian saya adalah sempit dan tidak sekata di semua kawasan yang mana ianya selalu dapat menampung beban air hujan sekiranya berlaku hujan lebat.

Akhir kata, selaku KADUN Berapit dan wakil Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik untuk bertugas kepada rakyat Pulau Pinang saya memohon kerjasama semua pihak dari agensi Kerajaan ataupun swasta dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama melaksanakan tanggungjawab serta komitmen kita sebagai wakil rakyat di Pulau Pinang dalam meneruskan usaha-usaha untuk menambahkan kehidupan rakyat Pulau Pinang sering seiring dengan prinsip cekap, akauntabiliti dan telus. YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Tanjung Bunga. Silakan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

YB. Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang ini membahaskan dalam ucapan terima kasih di buat TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang diadakan pada 2 Julai 2013. Saya juga hendak mengucapkan kepada YB. Speaker sebagai Yang Berhormat Yang di-Pertua untuk Dewan yang mulia ini. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dengan penuh keyakinan sekali lagi memberikan mandat kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir Negeri Pulau Pinang untuk satu penggal lagi walau pun *money politic* diadakan oleh Barisan Nasional dan kuncu-kuncunya kelab satu Malaysia yang berkeliaran di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya juga menghargai semangat bersatu-padu dan bantuan diberikan rakan Pakatan Rakyat iaitu PKR dan PAS agar DAP boleh menggunakan logo khas di semenanjung dan PKR di Sabah dan Sarawak dalam isu logi roket yang berkemungkinan tidak dibenarkan dalam pilihan raya yang lalu.

YB. Speaker, kita berjuang kian lama ini berharap perubahan dalam politik negara kita demi kepentingan rakyat terutamanya reformasi dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen supaya satu tujuan tercapai. Perubahan mesti bermula daripada kita sendiri agar rakyat berkeyakinan untuk ubah. Saya selalu inginkan *separation power* di DUN dan Parlimen kita dipertingkatkan diperkuatkan dan dikembalikan juga dipeliharakan. Saya harap peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat DUN kita ini dan peranan dan kuasa *backbenchers* di belakang YB. Tuan Speaker, keadaan dalam DUN dan Parlimen kita masih menunjukkan satu Kerajaan yang *Prime Minister Government* atau *Chief Minister Government* di mana *backbencher* yang peranannya tidak hilang iaitu *check and balance* tidak dimainkan sebenarnya saya juga sokong cadangan YB. Bukit Tengah agar satu enakmen pelaksanaan FOIA diadakan supaya peranan *backbencher check balance* ini dikembalikan.

Untuk maksud tersebut dan mencapai pembaharuan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri saya terus mencadangkan agar hadkan tempoh bagi seseorang untuk memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri terutama Negeri kita selama dua (2) penggal dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Hal ini dapat mempamerkan satu sistem demokrasi yang lebih matang mengelakkan penyelewengan kuasa dan selaras dengan prinsip pentadbiran CAT dan kredibiliti. Ini adalah satu janji saya dalam pilihan raya dan ini juga disokong oleh rakyat oleh sebab itu saya kembali ke Dewan ini. YB. Speaker, tujuan penghadkan jawatan tersebut pertama untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada orang baru. kedua kita akan mengelakkan kebuntuan perkembangan demokrasi dalam Dewan yang mulia demi mencapai satu (1) Kerajaan yang *open* ....(dengan izin). Saya juga cadangkan Dewan yang mulia ini berdasarkan syarat yang tertentu DUN Negeri Pulau Pinang dibubarkan cukup lima (5) tahun setiap penggal dan Pilihan Raya Umum tetapkan misalnya Pilihan Raya Umum yang Keempat Belas 5 Mei 2018 ini untuk maksud tersebut.

YB. Speaker saya juga mengesyorkan agar penggunaan sistem pengundian bagi memilih pengerusi Majlis Perbadanan dan menghadkan tempoh bagi seseorang memegang jawatan sebagai jawatan Pengerusi Majlis Perbandaran adalah selama dua (2) penggal saja ini juga adalah satu janji dalam pilihan raya dan juga disokong dan sementara menunggu keputusan mahkamah bahawa Pilihan Raya Tempatan dikembalikan kepada rakyat.

YB. Speaker, seterusnya saya ingin bangkitkan satu konsep baru iaitu *big data*, konsep *big data* ....(dengan izin) atau data besar sekarang adalah satu *a new age for big data* ....(dengan izin) apa itu *big data* atau data besar? *Big data* adalah informasi atau maklumat-maklumat yang dikumpulkan dan



diatursusunkan dalam macam-macam bentuk misalnya baca *table* dan lain-lain melalui teknologi komputer secara besar-besaran menggunakan sistem *barrier*. Data-data besar ini kemudian digunakan untuk *analysis* dan penganalisan untuk penyelesaian masalah, untuk perancangan, untuk masa depan dalam semua aspek termasuk politik, ekonomi sosial, alam sekitar dan teknologi dan sebagainya. Data besar ini akan membawa perubahan baru dan harapan kepada manusia, misalnya (NSA) Amerika Syarikat satu agensi yang sangat pakar untuk menggunakan *big data* ini untuk menawan musuhnya.

YB. Speaker, saya fikir selaras dengan prinsip urus tadbir baik iaitu prinsip CAT Pakatan Rakyat Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutamanya *transparency* maka digubalkan FOIA, Pulau Pinang pada tahun 2011 tetapi ia masih belum dilaksanakan. Saya fikir kita harus menubuhkan sistem *COMSTAT* iaitu *Computer Statistic* ....(dengan izin) untuk mengumpulkan mengembangkan *big data* atau data besar Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tersendiri untuk dirujukkan digunakan diakses semua pihak dan rakyat di bawah atau diberikan FOIA Negeri Pulau Pinang ini. Ini adalah satu kepentingan rakyat iaitu satu keadilan mendapat pengetahuan *right to know* .... (dengan izin), selain daripada melalui *the force as step* iaitu masa media untuk mendapat sesuatu maklumat. Strategi data besar ini akan memainkan peranan mempercepatkan teknologi atau *knowledge transfer* dan implimentasinya sesuatu polisi dengan betul.

YB. Tuan Speaker, dengan itu kita harus mewujudkan data besar ini dari aspek *operation* iaitu daripada semua agensi dan persatuan-persatuan atau NGO-NGO, kedua mengumpulnya daripada *public opinion* dan ketiga mengumpulnya daripada *environmental data* ....(dengan izin) iaitu daripada aspek alam sekitar, haiwan, tumbuhan dan benda-benda yang lain. Dengan adanya penubuhan *big data research and development initiation* ....(dengan izin) atau kita boleh kata plan pengajian dan pembangunan data besar maka data besar dapat dikumpul, disimpan, dianalisa dan dikongsikan dibaca dan dilihat semua iaitu data ini data *visualization* ....(dengan izin). Maka saya fikir dengan adanya sistem ini tubuהל satu sistem data *development management policing and justice* dan juga satu data *warehouse* boleh diwujudkan.

YB. Tuan Speaker data besar ini memang ia ada ciri-ciri yang tertentu supaya ia lebih benar lebih asli dan lebih betul bila diwujudkan. Iaitu ia mesti mengandungi keseluruhannya ia harus asli, *nature*, ....(dengan izin) *up to date* berkebolehan dibaca. Ia juga berkebolehan diuruskan oleh mesin terutamanya oleh komputer, dia tidak boleh di *hack* kan oleh mana-mana pihak dan ia untuk kegunaan awam dan bukan untuk khas pihak yang tertentu ia tidak juga tidak berpeluang kebenaran dari mana-mana pihak ini adalah ciri-cirinya supaya dia boleh menjadi satu data besar yang betul dan tepat.

YB. Tuan Speaker, untuk mencapai misi-misi tersebut saya juga cadangkan satu enakmen berkenaan yang bernama *data quality act* untuk demokratiskan data agar Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah bandar raya antarabangsa juga boleh lebih terbuka dan menjadi satu *open government*. Dan satu *website* yang dinamakan *databesar.penang.gov.my* boleh ditubuhkan untuk maksud tersebut. YB. Tuan Speaker, kita selalu menghadapi banyak isu ini, mengikut pengalaman saya banyak isu yang sepatutnya tidak perlu berlaku atau boleh diselesaikan atau dielakkan jika kita ada sistem data besar tersebut dan isu-isu seperti berikut saya nak kongsi iaitu isu 3R, atau kitar semula sampah di peringkat sumber, kita buktikan akan berkesan, kita dapatkan kitar semula setinggi 40% jika satu enakmen kitar semula sampah digubalkan untuk mengawal dan menyelaraskan kitar semula *as source*. Ini terbukti juga di Negeri atau bandar raya-bandar raya di Negeri seperti Kanada dan Amerika Syarikat.

Yang kedua, satu (1) isu pembangunan di lereng bukit menjadi isu kerana kita kekurangan data yang betul bahawa semua pembangunan tersebut, saya fikir harus dibetulkan terutamanya di selagi kaji semula plan struktur Pulau Pinang 2007 masih belum dilaksanakan dan disempurnakan demi kepentingan awam *public interest* ....(dengan izin) dan keadilan bagi orang awam. *Distribution* ini adalah satu yang berlaku di Tanjong Bunga, Telok Bahang *second corridor* di mana kaji semula sedang dijalankan saya harap kaji semula untuk plan ini dipercepatkan.

Ketiga isu pembangunan di atas tanah bukit berisiko dan bertinggian 250 kaki ke atas, mesti dikawal dengan ketat dan rapi bahawa satu syarat difahamkan satu syarat dalam garis panduan pembangunan di atas tanah bukit tersebut mesti dikeluarkan supaya pemaju tidak dapat mengambil kesempatan untuk kepentingan persendirian dan komersial daripada menjaga kepentingan awam dan alam sekitar yang dimaksudkan adalah *special* projek atau projek istimewa boleh dibenarkan ini mesti dikeluarkan kerana syarat ini tidak adil kepada kepentingan orang awam dan alam sekitar.

YB. Speaker, misalnya kes lot 11396, iaitu pemiliknya *general commercial* di Bukit Gambir yang dilaporkan dalam surat khabar yang bukit gondol atau Bukit Gambir atau Bukit Relau itu dibotakkan tanpa kebenaran walaupun pemaju tersebut tengah dibawa ke Mahkamah tetapi saya fikir pemaju tersebut patut didakwa di bawah juga kod jenayah. Tuan tanah atau pemaju itu terlibat seorang Tan Sri, dikatakan dalam surat khabar harus juga didakwakan maksud tersebut agar keluruhan perlembagaan atau kedaulatan undang-undang terpelihara.

YB. Tuan Speaker saya ingin rayukan kebenaran merancang atau kelulusan *rezoning* atau kelulusan plan merancang ke atas lot-lot mana terutamanya di bukit, di tanah bukit yang tinggi 250 kaki ke atas ditarik balikkan jika ia sudah dikeluarkan PBT terutamanya oleh Jawatankuasa Tanah di bawah seksyen 25, 26, 27 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dan tindakan disegerakan tuan tanah tersebut saya fikir harus juga di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, jika didapati bersalah. Saya harap Kerajaan Negeri jangan lepaskan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan pihak yang tertentu yang bersalah, seperti mana tragedi runtuhannya penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang dan runtuhannya pembesi rod penambat kilat di menara UMNO Jalan Macalister akibat kejadian ribut yang telah mengorbankan beberapa nyawa dan menyebabkan kecederaan. Ini menunjukkan CAT yang sebenar. Ada satu kes projek pembangunan yang lama di mana akan menunjukkan tidak patut pembangunan perumahan terutamanya projek istimewa diberikan kepada tanah bukit setinggi 250 kaki ke atas iaitu kes pembangunan Bukit Bendera pada tahun 1990.

Projek ini yang dicadangkan pemaju memang berjaya ditolak oleh rakyat. Inisiatif NGO-NGO dan sokongan diberikan DAP terutamanya saudara Lim Kit Siang dan juga rakan-rakannya. Projek ini ditolak atas sebab-sebab yang berasas, pertama kawasan yang ketika terlibat, kedua tanah bukit melebihi tinggi 250 kaki ke atas. Ketiga ancaman kepada kawasan-kawasan tadahan air. Keempat sumber bekalan air akan terjejas dan kekurangan bekalan air hakisan tanah dan mendapan sungai-sungai yang menyebabkan banjir kilat dan kesan-kesan negatif kepada alam sekitar, iaitu sifat-sifat semula jadi bukit termasuk Keramat *Exchange*. Semua ini telah dibuktikan oleh alam sekitar kepada kita. Tahun kebelakangan ini ada banyak cuaca yang tidak menentu, hujan-hujan air hujan yang kuat dan lain-lain lagi. Dan juga banjir kilat berlaku, maka dalam projek ini kempen selamatkan Bukit Bendera sebagai warisan semula jadi bagi anak-anak kita berjaya menyelamatkan Bukit Bendera. Projek ini hanya mengutamakan kepentingan persendirian dan komersial, jadi saya menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang betul-betul mempertahankan tanah bukit tinggi 250 kaki ke atas demi anak-anak kita.

YB. Tuan Speaker, saya juga dengan kes lot 11396 Bukit Gambir yang dibatalkan ini kalau *rezoning* yang diluluskan tidak ditarik balik, maka ia akan menjadi satu *precedent* bahawa banyak lagi bukit dan kawasan-kawasan di atas tanah bukit ketinggian 250 kaki keatas akan habis dibuka menjadi hutan konkrit. Untuk maklumat lot 11396 Bukit itu terletak di atas paras 980 kaki. Kalau PBT telah membuat satu keputusan yang tidak memuaskan orang awam, dan salah atau hanya untuk kepentingan pemaju, maka demi prinsip CAT lebih baik kita harus membelakangi kepentingan rakyat dan alam sekitar.

Kelulusan yang diberikan ditarik balik sesungguhnya oleh Jawatankuasa Tanah dan SPC. Itu pun kuasa Kerajaan, saya fikir jangan bagi ruang difikirkan kroni dengan pihak yang tertentu.

Untuk isu yang lain saya memang mengalu-alukan satu infrastruktur untuk kemudahan jalan raya akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri terutamanya hasrat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek RM6.3 bilion pembinaan tiga (3) lebuh raya termasuk jalan berkembar dari Bandar Tanjung Bunga ke Bandar Telok Bahang, tetapi saya ingin memperingatkan kepada Kerajaan Negeri bahawa pembinaan jalan berkembar ini bukan diutamakan kepada pembangunan perumahan terutamanya bertingkat-tingkat dilereng bukit oleh pemaju secara amnya di kawasan tersebut.

YB. Tuan Speaker, satu lagi isu mempertahankan hak bagi *transgender* terutamanya Mak Nyah. Ini juga adalah satu janji dalam pilihan raya saya dan juga disokong oleh rakyat. Oleh kerana tiada data-data yang sempurna maka isu Mak Nyah, data majoriti rakyat dipinggirkan dan didiskriminasikan. Dengan adanya data-data dan laporan, saya kemukakan dan bahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Setiap tahun yang lalu sejak 2009. Saya cadangkan menubuhkan jawatankuasa untuk menangani isu Mak Nyah menunjukkan kita adalah satu Kerajaan yang *open government*. Jawatankuasa ini adalah untuk menghormati *transgender* Mak Nyah terutamanya dan membela hak asasi mereka.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan, Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga, terima kasih. Isu pembelaan pada Mak Nyah ini dah timbul dalam Dewan yang lalu. Saya ingin mendapat perincian yang lebih lanjut tentang perjuangan Ahli Tanjung Bunga untuk memartabatkan golongan ini. Apakah bentuk pembelaan yang ingin diperolehi, adakah akhirnya untuk membolehkan supaya perkahwinan sejenis dan sebagainya dibenarkan di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

YB. Telok Ayer Tawar, semua maklumat-maklumat telah pun saya bincangkan atau bahaskan dalam Dewan ini dalam dua (2), tiga (3) tahun yang lalu, bolehlah Yang Berhormat dapatkan maklumat dalam hansard itu, supaya kita boleh bincang lagi kalau perlu bersemuka dalam isu ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan, ini memang satu isu yang sensitif khasnya kepada kaum muslim tapi saya rasa pada peringkat sekarang sekiranya pihak pembangkang boleh bersetuju dan disertakan hak kemanusiaan sahaja. Umpamanya

*transgender* ini mereka memang menghadapi masalah apabila mereka pergi ke hospital, mereka rupanya perempuan tapi sebenarnya lelaki, jadi di mana wad mereka harus tinggal, ini merupakan satu masalah. Ke toilet yang mana juga menjadi satu masalah apabila mereka di *lock up* mengikut *biological sex* mereka ataupun mengikut gender mereka, ini menjadi masalah jadi sekiranya boleh, saya rasa kita boleh bersetuju supaya sekiranya mereka menggunakan *toilet* adakah *gender* yang ketiga ataupun *toilet* mana yang mereka akan guna. Pergi ke hospital mana satu wad, jadi ini adalah dari segi hak untuk mendapat rawatan hak untuk menggunakan kemudahan-kemudahan awam. Bukan kita nak pergi jauh akhirnya apakah yang dipersetujui kita tidak tahu, saya rasa mereka menghadapi masalah saya rasa harap kita boleh bincang mendapatkan satu persetujuan ke atas isu ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Penjelasan, mungkin saya kurang faham tentang isu ini dari segi jumlah banyak mana yang terlibat tetapi saya rasa dalam surat lahir, dalam kad pengenalan semua ternyata lelaki atau perempuan. Jadi kalau masing-masing dilahirkan sebagai lelaki memakai baju lelaki jadi kalau pergi ke hospital diberi layanan lelaki, saya pun tak tahu *confusion* atau kekeliruan ini yang berlaku, mungkin yang ada dua, tak tahu lelaki perempuan, itu yang ada masalah sikit, tapi yang dilahirkan sebagai lelaki tapi pakai perempuan ini yang tak sepatutnya jadi. Yang lahir perempuan pakai lelaki, kecuali yang lahir perempuan dan lelaki mungkin itu salah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan Yang Berhormat, memang ada beberapa jenis sama ada mereka lahir wanita tapi mereka lebih memilih untuk menjadi seorang lelaki dan ada juga mereka mempunyai organ kedua-duanya. Ada ramai yang tahu sepatut tak berlaku tetapi dia berlaku sekiranya kita percaya bahawa manusia ini semua dicipta Tuhan. Tuhan nak cipta beberapa berbagai-bagai. Jadi saya rasa sekiranya atas kemanusiaan ada mereka yang sudah menukar sex, mereka sudah menjalankan *operation* dan memang sebagai *biological* mereka sudah lelaki jadi perempuan, jadi wanita tapi cara seperti ini kalau mereka dirogol ini tidak menjadi rogol kerana dalam ic mereka, mereka masih lelaki dan ini boleh berlaku. Jadi saya minta supaya kita lebih meluaskan minda dan pandangan supaya kita dapat memahami kesusahan, kesulitan ada minoriti seperti ini dan minoriti ialah mereka berbeza daripada mereka, dan sekiranya kita boleh memahami bahawa berlainan itu bukan tak boleh menikmati hak manusia yang saksama yang asasi itu saya rasa kita dapat lebih *inclusive*, kita lebih memberi mereka sedikit hak seperti ini. Saya memohon kefahaman semua pihak supaya kita sebagai wakil rakyat boleh mewakili golongan minoriti seperti ini juga, sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga teruskan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih, pandangan daripada kedua-dua yang memberi satu fikiran yang lebih luas supaya kita boleh bahaskan lebih dalam tentang isu ini. Gembira lah saya ruang ini sudah dibukakan untuk bahas dan kefahaman juga saling menjalinkan dan saya fikir ini adalah di mana kita akan hadapi setiap hari sosial kita terutamanya di kawasan bawahan, ini memang berlaku dan kita tak dapat melarikan diri daripada isu ini. Dan isu ini kalau kita beri perhatian dan kemanusiaan dan juga memberi lebih banyak aktiviti dan membantu masyarakat mengubah pandangan mereka dan menghormati hak asasi dan juga kesaksamaan genderisme maka saya fikir banyak isu sosial akan diselesaikan dan sosial kita akan hidup dengan harmoni. Saya harap ini boleh dikongsikan dan difahamkan dan juga pada masa akan datang kita boleh jadi satu *government* di mana kita mahu jadi satu bandaraya yang open di mana kita mahu jadikan satu Bandar Raya Internasional kita tidak mahu dikata sebagai katak di bawah tempurung, *the big data age* kerana semua matlamat boleh didapatkan dan dikongsikan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Saya tertarik tentang perbahasan ini, mungkin ada cadangan-cadangan penyelesaian untuk mengatasi isu ini, kalau kita pergi ke Thailand ramai kita dapat tahu kes-kes tukar jantina dan sebagainya, tidak ada juga disediakan tandas khas untuk *transgender* ini atau pun kita ke San Francisco yang mana *very open society*, kelab-kelab gay dan sebagainya banyak, tidak ada juga disediakan kemudahan-kemudahan awam khas untuk mereka ini, jadi saya tidak tahu, mungkin Ahli dari Tanjong Bunga ada cadangan-cadangan khususnya untuk mengatasi masalah ini

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ya, memang kita faham di negara lain ada yang tidak sama latar belakangnya dan juga keagamaan *nationality* dan sebagainya. Kita harus tumpukan kepada isu kita sendiri di mana kita boleh mencari satu jalan untuk mengatasi isu tempatan kita supaya kita boleh hidup dengan harmoni dan jadi satu teladan untuk negara lain dan kita jadi *Penang Lead*.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan, saya rasa dalam isu ini, kami sangat memerlukan fikiran atau pendapat dan pendirian pihak pembangkang dan semuanya, seperti dalam *convention minor* kepada bukan Islam ke Islam sekarang, jadi isu ini lain, jadi ia menimbulkan kontroversi, pada kami rasa penyelesaian yang terbaik adalah mengadakan perbincangan supaya kita dapat satu *consent*, di sini pun saya rasa isu ini pun juga, kami hendak dapatkan satu *consensus* juga disetakat mana kita boleh bersetuju, setakat mana kita tidak boleh setuju, kita buat yang kita boleh setuju.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padang Lalang nanti dahulu, biarkan Tanjong Bunga untuk habiskan perbahasan, Padang Lalang boleh buat semasa penggulungan, silakan Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

YB. Speaker, saya fikir jawatankuasa yang dicadangkan adalah untuk maksud yang kita bincangkan tadi, saya harap ini adalah satu permulaan yang bagus untuk mempertingkatkan keharmonian masyarakat kitalah terutamanya memelihara hak asasi minoriti di mana bekas banduan atau penagih dadah adalah satu golongan yang juga minoriti di mana selalunya mereka tidak diterima oleh masyarakat dan ini adalah satu isu sama sekali sangat sedih kerana kita tidak ada satu jawatankuasa untuk mengambil berat atau memberi perhatian tentang kehidupan mereka supaya mengarahkan mereka ke satu tujuan yang lebih baik betul di masyarakat ini supaya isu-isu lain dikurangkan, terima kasih.

YB. Speaker, isu seterusnya yang dibangkit ialah isu sumber mentah di mana isu ini dibangkitkan oleh YB. Air Itam, satu kawasan bukit dalam Pulau adalah lebih kurang saya fikir 55% di mana hutan simpanan hanya tinggal 8%, sebahagiannya adalah tadahan air untuk kegunaan rakyat setiap hari. Pembangunan perumahan kalau di atas tanah bukit ketinggian lebih 250 kaki ke atas memang akan menjejaskan ekosistem bukit, terutamanya sistem tadahan dan saluran sungai-sungai ini memang sudah berlaku di kawasan-kawasan Bukit Bendera, terutamanya di Bukit Penara dan juga sebahagian di Bukit Air Itam. Jadi di Pulau Pinang lebih kurang 80% air mentah disalurkan dari Sungai Muda ini dilaporkan oleh PBA dan juga difahamkan satu kajian oleh PBA Pulau Pinang sumber air ini hanya cukup untuk keperluan rakyat hingga tahun 2020, manakala 20% bekalan air dari tadahan air di seluruh kawasan

Bukit Bendera melalui empangan-empangan yang sedia ada.

Jadi pada tahun 2009 dilaporkan juga penggunaan air oleh pengguna di Pulau Pinang adalah 286 liter setiap hari dan setiap seorang dan disasarkan supaya dia diturunkan ke 230 liter pada tahun 2015 dan dilaporkan juga di Negeri Pulau Pinang penggunaan air setiap hari adalah 794 juta liter setiap hari dan keupayaan bekalan air yang bersih adalah RM964 juta liter sehari, ini sudah cukup boleh digunakan di sehingga hingga 2020, jadi difahamkan untuk mengatasi kekurangan air mentah pada tahun 2020 dan juga mengelak gangguan menutup *fee* atau surcaj air oleh Kerajaan Negeri Kedah, satu laporan juga difahamkan bahawa ada satu projek (SPWTS) iaitu Sungai Perak Water Transfer Scheme telah dirancangkan tetapi kejayaan pelaksanaan SPWTS ini bergantung kepada kerjasama atau *political will*....(dengan izin).

Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, saya fikir harus bekerja sama untuk hak asasi manusia keperluan seharian dan projek ini memang bernilai RM2 Bilion, dia akan menyalur air mentah dari Sungai Perak ke Sungai Kerian kemudiannya diproseskan di Kerian Water Treatment di Pulau Pinang. Sekiranya ini berjaya memang kita akan menyelesaikan masalah air mentah pada tahun 2020 dan ke atas, mungkin sampai tahun 2050 atau sampai 100 tahun. Satu lagi saya hendak cadangkan selain daripada ini kalau tidak berjaya mungkin dengan teknologi baru di mana dipraktikkan di Singapura di mana isu air laut di *flute* untuk dipakai dan satu lagi *recycle of waste water* atau air kumbahan dikitar semula. Ini juga kita harus mengkaji juga projek air kumbahan dikitar semula seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura, supaya mengatasi mengatasi masalah ini dan juga pertama, *zero discharge*, tidak ada setitik air kumbahan disalurkan ke laut meralatkan pencemaran air kumbahan kita semula boleh digunakan untuk tujuan perindustrian, kecemasan, komusial dan pertanian dengan kos yang rendah mungkin dan juga boleh memanjangkan masa penggunaan air mentah sedia ada. Satu isu saya fikir yang ini harus di...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanjong Bunga banyak lagi.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Habis, habis, ada masa lagi sempat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada banyak lagi.



**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Pukul 5.00.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambungkan semula jam 5.00 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.***

***Dewan bersidang semula pada jam 5.10 petang.***

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Seterusnya saya ingin membangkitkan satu isu orang kuat tetapi dia mempunyai banyak kelemahan iaitu isu penguatkuasaan PBT. Penguatkuasaan hanya dua kuat tetapi tiada kuasa. Bila menjalankan kuasa dia lemah. Saya harap keadaan ini harus dipertingkatkan supaya satu *social order* boleh dipertingkatkan. YB. Tuan Speaker, didapati bahawa masih ada banyak kes tentang kesalahan-kesalahan yang melanggar akta-akta berlaku setiap hari dan tidak dapat ditangani dengan berkualiti dan berkesan oleh Pihak Penguat Kuasa (PBT). Penguatkuasaaan PBT mungkin merangkumi dua (2), tiga (3) jabatan seperti Jabatan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Pelesenan dan mungkin melibatkan juga Pejabat Daerah.

Walaupun kita ada akta-akta dan garis panduan atau *bylaw*, ....(dengan izin) dan kuasa untuk mengawal, mendakwa atau menangkap dan lain-lain, tetapi pada pandangan saya, penguatkuasaan yang dilaksanakan setakat ini adalah tidak memuaskan. Kualiti penguatkuasaaan PBT mesti dipertingkatkan dengan reformasi dan transformasi, misalnya bilangan penguatkuasaan atau penguatkuasa mesti ditambahgandakan supaya mereka ini dapat bergerak dan betul-betul dapat menjalankan tugas mereka dan juga dapat menambahkan bilangan *shift* bertugas kepada penguatkuasa. Mustahak sekali ialah gaji dan faedah-faedah kepada penguatkuasa mesti dipertingkatkan, jika tidak bagi

insentif seperti Polis (PDRM) supaya tidak berlaku aktiviti yang tidak diingini.

Satu juga isu yang penting dalam mempertingkatkan kualiti mereka adalah latihan tambahan dan juga pendidikan tambahan harus diberikan kepada pegawai dan penguatkuasa-penguatkuasa. Saya fikir kalau boleh, saya rasa pada masa sekarang kita tidak ada, oleh itu kita perlu menubuhkan satu jawatankuasa penguatkuasaan ditubuhkan untuk maksud tersebut supaya kualiti penguatkuasaan dapat dipertingkatkan dan penyelewengan kuasa juga boleh dikawal. Untuk mengawal salah guna kuasa, *check and balance* mesti dibuat dengan Jabatan Penguatkuasaan ini. Supaya tidak berlaku penyelewengan kuasa atau penglibatan dalam rasuah, maka saya fikir selaras dengan ini satu Jawatankuasa Siasatan Penyelewengan Kuasa dan Rasuah ditubuhkan untuk mengawal aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan. Demi kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan, penguatkuasaan mesti dilaksanakan tanpa mengira bangsa, politik dan agama dan ianya mesti dijalankan dengan adil. Dengan adanya Jawatankuasa Penguatkuasaan ini saya fikir, *with separation of power* seperti ini kepentingan orang awam boleh dipelihara.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan YB. Tanjong Bunga. Saya ingin mendapatkan kepastian dari Yang Berhormat, saya perasan daripada penggal lepas banyak sekali jawatankuasa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, berapa banyak jawatankuasa yang telah ditubuh setelah mengambil kira pandangan YB. Tanjong Bunga?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Memang banyak cadangan yang mungkin bagus dan baik telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat di sini, tetapi mungkin belum sampai masa atau tepat masanya untuk diguna pakai. Tetapi kita tidak akan berputus asa, kita masih mahu sesuatu yang bagus diterima.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya bersetuju tetapi saya mahu supaya kali ini Kerajaan Negeri dapat mendengar pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya idea-idea yang bagus ini tidak masuk telinga kiri dan keluar telinga kanan, agar mereka mengambil berat dengan semua hujah kita di sini dan mengambil tindakan yang sepatutnya.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih. Memang saya juga berhasrat supaya semua ini dapat dilaksanakan. Oleh itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membangkitkan isu untuk meningkatkan kualiti atau mengembalikan *separation of powers* kepada *backbencher*. Banyak cadangan telah diberikan dan ini adalah pentas kita, di mana kita boleh jalankan kuasa dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Satu isu lagi saya ingin minta Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya YB. Pulau Betong, kalau boleh juga, dapat menyokong dan membantu penduduk-penduduk di Kampong Tanjong Tokong yang berhasrat untuk menjadikan satu zon warisan yang cukup selesa diluluskan oleh UDA untuk tujuan seperti yang disebutkan oleh YB. Pulau Betong boleh dikekalkan. Saya berharap untuk tujuan itu dan satu isu bahawa saya fikir sangat penting bahawa ini memang sudah lama ditangguhkan adalah Pelan Tempatan Bahagian Pulau. Pelan Tempatan Bahagian Pulau ini, saya harap dia dikemukakan dan diwartakan secepat mungkin agar pembangunan yang mampan di bahagian Pulau dapat terkawal. Jadi saya harap dalam tahun ini, banyak cadangan boleh dijalankan dan dimaterialismekan.

YB. Tuan Speaker, satu isu berkenaan dengan pelancongan antara pelancongan dengan pantai. Di Pulau Pinang kita tahu pelancongan itu adalah satu ekonomi yang mengandungi 42% ekonomi Negeri kita. Yang kedua ialah, perindustrian 42% lebih kurang. Yang ketiga adalah kuari dan *mining* lebih kurang 10% dan yang keempat pembangunan perumahan lebih kurang 10%, yang baki adalah yang lain-lain. Jadi memandangkan pelancongan menjadikan satu penting di Negeri kita ini dan juga sepanjang kawasan dari Tanjong Tokong hinggalah Telok Bahang adalah satu kawasan di utara di mana sangat penting untuk pelancongan dengan adanya eko-sistem dan rain forestnya yang, dan juga pantai-pantainya yang bersih pada satu masa dahulu. Pada masa ini banyak aktiviti-aktiviti telah diadakan di kawasan pantai sini. Kita harap walaupun saya nak mengucapkan terima kasih kepada YB. Padang Kota, MMK Kerajaan Tempatan dan juga Alam Sekitar, pada masa, pada tahun yang lalu berusaha dengan PBT untuk meningkatkan dan menyelesaikan masalah aktiviti laut, sukan di pantai Batu Feringghi.

Walaupun pengusaha-pengusaha sekarang berasa selesa sedikit tetapi ada pengusaha-pengusaha luar yang tidak mengikut peraturan-peraturan atau syarat masuk dan menjejaskan lagi sistem itu. Juga ada satu masalah baru-baru dibangkitkan diadakan oleh penduduk terutama MM2H di kawasan Sungai Emas bahawa di kampung juga terdapat itu pengusaha kuda mengadakan, membinakan dengan haramnya pondok-pondok di sana, simpan kuda dan tahi-tahi kuda itu telah mencemarkan alam sekitar. Dan bukan sahaja di sini saya fikir di Tanjong Bunga di satu pantai yang sangat di suka ramai pada masa ini sudah juga mulai diadakan itu, aktiviti-aktiviti sukan laut yang tidak teratur dan tidak dibenarkan. Semua ini saya harap juga boleh diambil perhatian supaya

pelancongan boleh dapat satu kawasan pantai yang lebih bersih, lebih selamat, selesa dan juga kalau boleh seseberapa kemudahan diberikan misalnya tandas dan termasuk mandi.

YB. Tuan Speaker, semasa Kerajaan Negeri dalam ucapan hari Perasmian Penggal ini, Kerajaan berusaha untuk memberikan pukut percuma dua (2) kali setahun kepada nelayan pantai sahaja. Ini memang sudah menunaikan apa yang dicatatkan dalam manifesto dalam pilihan raya. Dan di sini saya juga nak memperingatkan Kerajaan Negeri bahawa jangan lupa juga ada dua (2), tiga (3) perkara dari manifesto itu harus dijalankan bahawa RM100.00 sebulan bantuan kewangan kepada penunggang beca, dan kedua RM600.00 setahun kepada pemandu teksi sebagai servis intensif. Kedua-dua ini kalau boleh juga ditunaikan sangat *perfect* lah. Kita sekurang-kurangnya boleh meringankan bebanan mereka.

Akhirnya, jadi saya harap melalui web [databesar.penang.gov.my](http://databesar.penang.gov.my) boleh menjadikan Negeri Pulau Pinang, sebuah Negeri yang *open government*, *open politic* dan *open media* demi masyarakat yang makmur. *And also*, dan juga *right to data* dipelihara, ....(dengan izin). Jadi akhir kata, buta data kita hilang kuasa, yang kawal data besar akan dapat memerintah, tetapi jangan gila kuasa kemudian ramai yang akan jadi mangsa. Dengan itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya. YB. Paya Terubong.

#### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

YB. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan kesyukuran penghargaan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut menyertai perbahasan di Dewan yang mulia pada petang ini. Secara keseluruhannya daripada inti pati Ucapan TYT dapat kita merumuskan bahawa adalah tidak dapat dinafikan bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berjaya membangunkan semua aspek dan agenda pembangunan Negeri Pulau Pinang secara komprehensif. Dan juga memaju Negeri Pulau Pinang ke arah taraf antarabangsa.

YB. Tuan Speaker, pada petang ini saya hanya ada tiga (3) isu hendak dibentangkan atau dibahaskan. Pertama sekali adalah berkenaan dengan Perumahan. YB. Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa masalah rumah kos rendah atau kos sederhana rendah dibanjiri oleh pekerja asing merupakan salah satu masalah dari aspek perumahan di Negeri Pulau Pinang ini. Oleh kerana kekurangan perancangan yang sewajar untuk menempatkan pekerja asing khususnya pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang FTZ, Bayan

Lepas. Banyak rumah kos rendah atau kos sederhana rendah di Pulau Pinang telah dibanjiri oleh pekerja asing.

Di KADUN saya, kawasan Relau dan Paya Terubong kita boleh nampak banyak rumah pangsa bertingkat kos rendah atau kos sederhana rendah telah disewa kepada pekerja asing. Kita tidak ada diskriminasi terhadap pekerja asing, tetapi penempatan pekerja asing telah menimbulkan masalah sosial kepada warga tempatan yang menduduki di rumah pangsa yang sama. Saya percayai Ahli YB. Pengkalan Kota juga menghadapi masalah yang sama dengan saya di mana pangsapuri Seri Saujana kalau tidak silap, di Pengkalan Kota juga telah menjadi mini HANOI atau mini ASEAN yang diduduki oleh pekerja asing. Malahan penyewa rumah kos rendah kepada pekerja asing oleh pemilik tempatan, telah menyeleweng rasional dan juga matlamat penginap rumah kos rendah atau kos sederhana rendah. Masalah ini mesti diselesaikan dengan segera supaya tujuan rumah kos rendah benar-benar dipatuhi dan juga didiami oleh warga Pulau Pinang yang juga benar-benar memerlukan tempat kediaman. Secara amnya, rumah kos rendah atau kos sederhana rendah adalah rumah yang dijual dengan harga rendah atau harga yang ditentukan oleh Kerajaan untuk golongan pendapatan rendah. Sekiranya seseorang pemilik mampu menyewa rumahnya, kepada pekerja asing tanpa diduduki oleh beliau sendiri, maksudnya beliau tidak lagi memerlukan rumah kos rendah tersebut. Dalam keadaan sebegini bagaimana Kerajaan Negeri dapat menarik balik rumah kos rendah atau kos sederhana rendah ini yang telah dijual kepada pembeli atau pemohon. Menjadi satu isu dan cabaran yang besar untuk diselesaikan dan patut dipandang berat dan tidak boleh lagi diketepikan atau dilengah-lengahkan oleh mana-mana pihak. Untuk menyelesaikan masalah atau menghalang pemilik rumah kos rendah atau kos sederhana rendah, daripada menyewa kepada pihak yang ketiga, khususnya pekerja asing. Aspek undang-undang adalah perlu dikaji dengan teliti.

Dalam pengetahuan saya, Kerajaan Negeri mencadangkan semua pemohon rumah kos rendah atau kos sederhana rendah membuat satu Surat Akuan untuk mengikrarkan bahawa beliau tidak mempunyai rumah. Sesiapa yang membuat deklirasi yang palsu boleh di bawa ke mahkamah di bawah Akta Akuan Berkanun atau Declaration Act 1960 ....(dengan izin), dibaca bersama Kanun Keseksaan. Sesiapa yang membuat deklarasi palsu boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan dengan hukuman, ....(dengan izin) "*shall be punished with imprisonment, for term which may attend two years or witch five years.*" Namun demikian, kesabitan jenayah membuat akuan palsu, masih belum tidak dapat menyelesaikan masalah rumah kos rendah di sewa kepada pekerja asing. Demi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk menarik balik rumah kos rendah atau kos sederhana rendah daripada pemohon untuk menyewa, kita langsung tidak boleh mengabaikan kedudukan Bank atau *Financial Institution* sekiranya rumah tersebut dicagar kepada mana-mana Bank. Ini adalah sebab sekiranya sesuatu hartanah dicagarkan kepada pihak

Bank, bank sebagai pemegang cagar akan mempunyai *priority rights against that property*, ....(dengan izin).

YB. Tuan Speaker, rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah mempunyai dua (2) kategori. Satu (1) adalah rumah awam yang dijual terus oleh Kerajaan Negeri atau agensi Kerajaan Negeri seperti PDC. Satu (1) lagi adalah projek swasta yang dibina oleh syarikat swasta dan dijual oleh pemaju swasta di mana peranan Kerajaan Negeri hanya menguruskan pembahagian unit kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan. Semua perjanjian jual-beli untuk projek yang dipinda dan dijual terus oleh pemaju adalah dalam Jadual G atau Jadual H di bawah *Housing Development Les give & Control Act* .... (dengan izin). Format perjanjian adalah diwartakan dan tidak boleh dipinda. Namun demikian, daripada aspek undang-undang saya mencadangkan supaya satu PA atau *Power of Attorney* ....(dengan izin), YB. Tuan Speaker, dimasukkan oleh pembeli supaya pihak Kerajaan Negeri dapat dilantik sebagai PA atau *Power of Attorney* bagi pihak pembeli. Dalam PA tersebut, boleh diperuntukan bahawa sekiranya pembeli rumah atau pemohon didapati tidak menduduki di tempat kediaman tersebut dan menyewa kepada pihak tertentu atau pihak pekerja asing tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan Negeri,

Kerajaan Negeri sebagai *Power of Attorney* boleh menarik balik rumah tersebut dan menjual atau membahagikan rumah tersebut kepada pihak yang lain atau pihak yang benar-benar memerlukan rumah tersebut. Segala baki hasil jualan selepas menolak harga jualan, hanya akan diberi balik atau dipulangkan kepada pembeli yang pertama itu. Demi mengatasi kes-kes di mana pihak bank telah menghulurkan pinjaman atau *facility* bank ....(dengan izin), kepada pembeli untuk membeli rumah berkenaan, saya berpendapat bahawa pihak Kerajaan masih dapat menarik balik unit rumah berkenaan dengan memasuki satu *Deed Of Mutual Governess* ....(dengan izin), dengan pihak Bank yang merupakan pemegang cagar di mana dalam *Deed Of Mutual Governess*, tersebut pihak Bank akan memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri untuk menarik balik rumah tersebut dan pihak Kerajaan Negeri juga diberi kuasa untuk menjual atau membahagikan rumah berkenaan kepada pemohon yang berkelayakan. Harga jualan akan digunakan untuk menebuskan atau *redeem* daripada cagar bank tersebut. Segala baki hanya boleh dipulangkan kepada pemohon pertama selepas tolakan segala kos ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri.

YB. Speaker, saya di sini ingin menegaskan bahawa tindakan yang ketat atau yang lebih proaktif patut diambil oleh Kerajaan Negeri dalam perkara ini, sebab memang sudah menjadi satu isu dan tidak kepuasan daripada kalangan rakyat tempatan bahawa banyak rumah kos rendah telah disewa kepada pekerja asing dan telah menimbulkan gangguan kepada kehidupan warga tempatan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Ahli Kawasan Paya Terubong, minta penjelasan. YB. Speaker, saya tertarik dengan perkara yang dibangkitkan dengan Ahli Kawasan Paya Terubong dan juga Ahli Kawasan Pengkalan Kota berkenaan rumah kos rendah ini. Saya ingin bertanya dalam pengetahuan pihak Kerajaan Negeri, berapa ramaikah pekerja-pekerja asing yang tinggal di premis-premis kediaman rumah kos rendah dan sederhana rendah ini. Ada tak *figure* itu?

Saya rasa kita perlu mengetahui berapa ramaikah mereka yang bekerja di Pulau Pinang yang tinggal disitu kerana setiap kali mereka duduk situ bermakna ramai orang yang sepatut dapat rumah kos rendah seperti mana kata Ahli Kawasan Paya Terubong tak dapat. Pada masa yang sama juga kita memerlukan *investment* daripada luar, pelabur datang membuka pekerjaan. Kita juga memerlukan pekerja luar datang untuk bekerja di Pulau Pinang ini. So, kita perlu mencapai satu titik di mana penghuni Pulau Pinang *will be depressed for their own house* dan sama juga kita juga perlu menyediakan tempat yang mencukupi tenaga pekerja luar yang datang ke Negeri Pulau Pinang ini. So, saya berharap jugalah ini EXCO perumahan memikul tugas yang cukup berat sebenarnya untuk mengimbangi keperluan rumah dan juga penduduk dan juga memenuhi keperluan pekerja luar. So, mungkin saya minta YB. Ahli Kawasan Datok Keramat untuk melihat perkara ini secara lebih *detail* lagi.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Ahli Kawasan Pulau Betong. YB. Speaker, kita mesti mencari satu jalan menghalang rumah kos rendah seperti ini disalahgunakan untuk mengaut keuntungan. Cadangan yang dibangkitkan oleh saya adalah dari segi undang-undang secara kasar. Saya mengakui kita masih memerlukan nasihat undang-undang yang lebih terperinci mungkin daripada Penasihat Undang-undang Negeri atau pakar-pakar undang-undang yang mempunyai pengalaman dalam aspek perumahan tersebut.

Saya mungkin mencadangkan satu jawatankuasa kecil ditubuhkan di bawah EXCO Perumahan untuk mengkaji cadangan saya tersebut, bagaimana kita dapat mengkaji dari segi undang-undang menarik balik rumah kos rendah yang telah disewakan kepada pekerja asing. Demi menempatkan pekerja-pekerja asing saya juga mengakui ini juga merupakan satu cabaran yang lain dan memerlukan perancangan yang melibatkan beberapa portfolio EXCO misal sumber manusia, perindustrian, perancang bandar dan desa, Kerajaan Tempatan dan juga mungkin alam sekitar.

Saya mencadangkan Pulau Pinang boleh mencontohi Singapura atau Dubai, satu konsep pembinaan komuniti buruh asing sebagai penyelesaian kepada masalah sosial untuk menempatkan pekerja-pekerja asing. Pekerja asing yang sah dan tidak sah tanpa izin telah menyusup orang-orang kita yang hidup dalam masyarakat kita sendiri. Sampai masa kini kita tidak mempunyai kawalan ke atas pekerja asing. Mereka yang bertaburan di negara dan juga Negeri Pulau Pinang pelbagai masyarakat menyebabkan kita kesusahan kepada masyarakat tempatan. Kita boleh mengikut contoh Singapura dan Dubai di mana satu komuniti Pusat Buruh Asing dibinakan dipinggir bandar kawasan dan kemudian menyewakan kuarters-kuarters kepada kilang-kilang untuk pekerja asing masing-masing. Saya ingin menegaskan di sini mengumpulkan pekerja asing di satu tempat di samping lebih kondusif kepada pihak pengurusan tetapi juga dapat mengawal wabak penyakit yang mungkin dibawa oleh warga asing. Sekarang pekerja asing yang bertaburan di merata kawasan, Pihak Berkuasa Pengawasan tidak boleh mengawal mereka dan juga mengganggu kehidupan warga tempatan.

YB. Speaker, idea saya ini mungkin dipandang sebagai satu *mission impossible* ....(dengan izin), tetapi saya berpendapat ia masih dapat dirancang dan dilaksanakan. Oleh itu, saya minta Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan idea ini. Singapura dan Dubai boleh buat. Kenapa Penang yang bercita-cita untuk menjadikan bandar raya antarabangsa tidak dapat berbuat demikian. Kita patut *leads* di Malaysia. Oleh itu, saya berpendapat bahawa demi kebaikan warga tempatan dan juga kebaikan untuk pekerja asing dan juga untuk menarik pelaburan negara asing. Idea yang dibentangkan oleh saya tadi patut dipertimbangkan. Saya juga percaya jika kita dapat menyelesaikan masalah pendatang pekerja asing, secara langsung kita akan dapat menyelesaikan masalah rumah kos rendah dan sederhana rendah disewa kepada pemilik tempatan.

YB. Speaker, seterusnya isu kedua yang saya ingin bahaskan, di sini saya ingin membentangkan satu konsep yang baik dan baru untuk Pulau Pinang tetapi bukan lagi baru bagi bandar-bandar seperti di Eropah dan Asia Timur, iaitu konsep Bandar Karbon Rendah (*Low Carbon City*)...(dengan izin). Saya mengetahui bahawa Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di Negeri Melaka telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Melaka sebagai perintis bagi menjayakan Bandar Karbon Rendah pada tahun 2014.

Program Hang Tuah Jaya ini adalah satu usahasama Kementerian Tenaga Teknologi Hijau, Air serta Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) yang melibatkan kawasan seluas 791.8 hektar merangkumi Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Taman Tasik Utama dan sebahagian Taman



Botanikal.

Fasa pertama pelaksanaan program ini telah dimulakan dengan penetapan tanda aras pada 1 Februari tahun ini, diikuti penilaian tanda aras berkenaan pada Oktober akan datang. Kaji selidik dengan penduduk kawasan tempatan juga telah dimulakan pada awal tahun ini dan MPHTJ telah menetapkan sasaran untuk diiktiraf sebagai Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon City*) menjelang 1 Februari 2014. YB. Speaker, konsep Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon City*) adalah pendekatan baru teknologi hijau yang digunakan sebagai langkah mengurangkan kadar pembebasan karbon dalam penggunaan tenaga seharian. Konsep ini bertujuan menjana kawasan perbandaran yang mempunyai kualiti alam sekitar baik dan mampan melalui sasaran penurunan tahap pembebasan karbon. Ini juga memberikan kesedaran kepada orang ramai bagi mewujudkan perbandaran yang sesuai untuk didiami generasi kini dan akan datang.

Saya berpendapat bahawa Pulau Pinang yang sentiasa melaungkan *Cleaner, Greener Safe For Healthy Penang* tidak patut ketinggalan dalam konsep Bandar Raya Karbon Rendah (*Low Carbon City*) ini. *Low Carbon City* ini mempunyai beberapa sub kriteria atau penekanan bagi menjayakan program ini termasuk kemudahan jalan dan tempat meletak kenderaan, jumlah tanaman pokok, sistem pengangkutan awam yang berkesan, kemudahan jalan kaki dan berbasikal, pengurusan kesesakan trafik dan pengurusan bahan buangan atau *low waste management* ....(dengan izin).

Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan Bandar Karbon Rendah di Malaysia adalah masih baru di mana ia memerlukan promosi aktif dan kesedaran awam. Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai keupayaan dan potensi menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Karbon Rendah dengan pembangunan teknologi hijau dan mampan. Pada sidang kemuncak perubahan iklim pada tahun 2009 di Copenhagen, Denmark, Malaysia telah berikrar secara sukarela untuk mengurangkan *intensity* pelepasan karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 berbanding paras pada tahun 2005. Dalam makluman saya, sebanyak 5 lokasi untuk projek perintis *Low Carbon City* dikenal pasti oleh Kementerian Teknologi Hijau, Tenaga dan Air bagi tujuan membangunkan perbandaran rendah karbon. Lima (5) lokasi tersebut adalah Majlis Perbandaran Miri di Sarawak, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di Melaka, Pulau Sah Besar di Tasik Kenyir, Terengganu, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Saya difahamkan EXCO Alam Sekitar Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil inisiatif memulakan usaha untuk menjemput pakar dalam bidang alam sekitar termasuk juga UNEP (United Nation Environment Program) dan juga Jepun untuk berbincang tentang topik-topik seperti bandar karbon rendah

dan ekologi hijau dan pengurusan sisa.

Saya juga faham bahawa Negara China yang kini pesatnya pembangunan juga sudah berusaha dengan gigih untuk membangunkan konsep bandar karbon rendah. Mengurangkan pencemaran alam sekitar beberapa tahun kebelakangan ini. Pulau Pinang sedang berada atau dalam proses untuk menuju kepada bandar raya antarabangsa. Seperti negara lain di dunia ini, Pulau Pinang juga perlu menyelesaikan masalah pembangunan, perindustrian dan urbanisasi dengan perubahan iklim. Pulau Pinang mempunyai potensi untuk menjadi sebagai sebuah bandar raya berdasarkan prinsip rendah karbon dan memandangkan prinsip ini sebagai satu pendekatan penting untuk menyelesaikan masalah perubahan iklim dan menghasilkan penggunaan bandar yang boleh berterusan dan mampan. Pembangunan bandar raya rendah karbon telah dijadikan sebagai satu matlamat baru bagi banyak bandar raya di dunia ini dengan tujuannya dalam pembangunan bandar rendah karbon berdasarkan tujuannya masing-masing. Untuk mengurangkan kesan negatif akibat perubahan iklim atau pembangunan perindustrian.

Perubahan kaedah perkembangan ekonomi dan struktur perindustrian merupakan perkara penting bagi menjayakan pembangunan yang karbon rendah. Pembangunan perindustrian jadi banyak karbon dioksida yang dilepaskan oleh syarikat industri. Oleh itu sains dan teknologi perlu diutamakan dijadikan tonggak utama bagi menjadikan ekonomi ekologi. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri boleh menetapkan matlamat untuk membentuk sistem kaedah perindustrian berdasarkan prinsip mengurangkan pelepasan karbon dioksida. Matlamat ini merangkumi beberapa pembangunan sektor ekonomi baru yang mesra alam dan melibatkan semua tenaga baru. Penyertaan orang ramai juga penting bagi menjayakan konsep karbon rendah ini.

YB. Speaker, pembangunan bandar yang hijau seharusnya menerapkan prinsip-prinsip mengurangkan impak yang negatif terutamanya dari segi aspek merancang, mereka bentuk dan membina elemen-elemen bandar seperti kediaman infrastruktur tanah lapang serta kemudahan. Demi merintis menuju ke arah bandar karbon rendah beberapa idea daripada negara Eropah atau Jepun atau Asia Timur wajar dicontohi untuk membentuk kejiranan hijau. Contohnya Kerajaan Tempatan, *special lane* atau *fast track* ....(dengan izin), mungkin diwujudkan untuk meluluskan permohonan merancang yang melibatkan projek hijau atau bangunan hijau atau projek yang berhala ekologi boleh diwujudkan. Kerajaan Tempatan boleh memberikan kelulusan *fast track* kepada penguasa pembangunan yang dapat membekalkan kawasan lapang yang besar dalam satu komuniti. Menetapkan satu garis panduan dalam perancangan bandar supaya menggalakkan lebih laluan pejalan kaki dan basikal yang bersambungan. Menggalakkan kewujudan kawasan hijau seperti

tanah lapang, perkebunan komuniti, bumbung hijau, tanaman sepanjang jalan, badan air dan kawasan sensitif alam sekitar. Pengurusan sumber tenaga yang disokong oleh teknologi hijau juga patut digalakkan seperti *peninsular* dipasangkan di setiap *bus stop* atau *bus stand* sebab saya pernah membuat satu lawatan dekat Korea. Saya nampak di bus stand dan *bus stop* mereka tidak membazirkan. Di Malaysia *bus stand*, *bus stop* hanya digunakan sebagai *bus stand*, *bus stop* sahaja. Tetapi di Korea saya nampak di atas bumbung itu *bus stand*, *bus stop* dipasangkan *peninsular* dan juga lampu yang menjimatkan iaitu LED pun patut digalakkan. Pengurusan sisa pepejal....(ganguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sebentar Yang Berhormat Paya Terubong *still on topic low carbon city*, minta Yang Berhormat. Saya nak angkat topi dengan Paya Terubong kerana dia telah membuat kajian yang agak detail berkenaan dengan *low carbon city* ni. Saya juga ingin ambil perhatian Kerajaan Negeri dalam Program Cleaner, Greener Penang dan 3R ini, saya minta kalau boleh YB. Sungai Puyu dan juga Padang Kota untuk menambahkan lebih banyak lagi kotak-kotak tong sampah yang mengasingkan kaca, plastik dan kertas ini, dan kampung-kampung terutamanya sebab saya tengok ini industri yang cukup lumayan. Hari ini orang ramai telah mula pergi ke pasar malam mengutip dan sebagainya untuk dijual semula. Dan saya berharap inisiatif Kerajaan Negeri memperbanyakkan lagi tong-tong sampah selain di pekan, tapi di seluruh Pulau Pinang ini. Tidak kira di bandar atau di luar bandar supaya lebih ramai lagi rakyat Pulau Pinang diasuh dididik untuk menjaga alam sekitar, kepentingannya untuk masa depan rakyat di seluruh Malaysia. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita juga patut menggalakkan pengurusan air melalui penuaian air hujan di bangunan dan komuniti dan merawat air sisa secara semula jadi dan bagi pihak Kerajaan. Saya mencadangkan mungkin untuk bangunan-bangunan Kerajaan Negeri mungkin kita boleh merintis dengan memasang sistem pengurusan air melalui penuaian air hujan di bangunan Kerajaan Negeri sendiri.

Yang Berhormat Speaker, isu yang ketiga yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan kawasan saya sendiri, di mana ada satu kolam takungan air banjir di Lebuh Rambai, Paya Terubong. Pada setiap kali persidangan Dewan, saya ada mengemukakan Soalan kepada JPS mengenai beberapa peruntukan yang telah dibelanjakan untuk mengindahkan kolam tersebut dan pada setiap persidangan jawapan yang diberikan pada saya adalah beberapa puluh ribu mungkin juga ratusan ribu telah dibelanjakan untuk mengindahkan kolam takungan tersebut oleh pihak JPS. Tetapi selaku wakil rakyat tempatan saya tidak puas hati dengan kerja-kerja pengindahan yang telah dilakukan sebab

saya tidak nampak sebarang kerja pengindahan yang betul-betul menarik atau *added value* kepada kolam tersebut.

Saya berpendapat, kolam tersebut bukan saja boleh dijadikan satu kolam takungan banjir sahaja, ia juga boleh dijadikan satu tempat rekreasi yang cantik malah juga boleh dijadikan satu tempat senaman dan taman yang cantik untuk penduduk sekeliling. Selain itu, saya pernah mendapat satu cadangan dari satu syarikat swasta bahawa ingin membina satu Dewan komuniti yang dibina secara terapung di atas air. Kolam tersebut di mana Dewan tersebut merangkumi perpustakaan, Dewan orang ramai, pusat *dialysis* dan tempat untuk permainan kanak-kanan tetapi cadangan tersebut tidak nampak apa-apa berita lanjutan. Sebagai ADUN tempatan saya mencadangkan mungkin ADUN tempatan boleh dijemput ke satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh JPS supaya dapat memberi pandangan atau cadangan untuk menentukan apakah projek-projek atau program pengindahan dapat betul-betul mencantikkan kolam tersebut dan juga peranan ADUN tempatan dapat secara monitor semua projek yang dilakukan oleh kontraktor dapat dilakukan betul-betul *added value to that* kolam. Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dan saya memohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya mengambil perhatian, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Dewan yang mulia ini amat tidak senang hati bila saya menengok kerusi-kerusi yang sepatutnya diisi oleh ketua-ketua jabatan atau pun wakil-wakil jabatan tidak dipenuhi. Saya harap perkara ini boleh diperbaiki. Saya telah pun memantau daripada jam 5.30 tadi dan ini satu perkara perlu diperbaiki dan saya tidak mahu bahawa dalam prosiding Dewan yang begitu mulia ini, wakil-wakil dari jabatan dan sepatutnya berada di Dewan tidak berada di Dewan. Seterusnya, YB. Telok Bahang.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat semua kerana membenarkan saya memberi ucapan terima kasih dan memberi ucapan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya terpanggil untuk berkata sepatah dua kata. Perhatikan hasrat semua wakil-wakil rakyat dan Yang Berhormat kita ini adalah menuju satu perpaduan. Saya nampak antara wakil-wakil rakyat ini hanya kita fikir bagaimana kita satukan sebagai pemimpin masyarakat untuk jadikan Negeri Pulau Pinang ini sebagai satu pasukan yang kuat. Sebenarnya, Tuan Yang Berhormat Speaker, saya bila bercakap masalah ini kita tidak boleh pisahkan antara kaum. Semua kaum di Negeri Pulau Pinang ini mempunyai

peranan yang sama. Kita tidak kira bangsa Melayu, Cina dan India.

Walau bagaimanapun, kita kena lihatlah bagaimana harus kita sama rata bila kita menolong antara kaum-kaum yang tinggal atau pun yang patut beri bantuan dan segalanya. Jadi, saya hanya ada satu perkara saja yang saya nak menarik perhatian di sini, mengenai *invest*, pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Saya memohonlah sekiranya boleh bila kita bukanlah bertujuan untuk mencari kelemahan atau mencari kesilapan atau apa-apa pun. Hanya kita hendak membaik ataupun hendak menambah baik. Saya lihat laporan mencatat pelaburan. Saya minta kalau boleh rekod-rekod begini kita bagi tahun *by* tahun. Saya dapati daripada Jabatan MIDA, pada tahun 2012, pelaburan di Pulau Pinang merosot hingga RM2.4 bilion dan pada tahun 2013 sehingga yang di catat pada April kita telah mencapai RM850 juta. So, kita hanya tinggal beberapa bulan saja lagi. So, saya terpanggil membangkitkan isu ini sebab pelaburan di Pulau Pinang ini adalah *call* kita ....(dengan izin). Ini adalah satu industri yang kita punya, yang kita tidak ada benda lain yang boleh kita buat. Kita tidak ada tanah yang cukup untuk buat peladangan untuk buat pertanian. Kita tidak ada hasil-hasil bumi yang kuat. Hanya kita ada bagaimana kita hendak menarik pelaburan masuk dengan peningkatan, penambahan penduduk, dengan profesional yang bertambah. Kita tidak boleh meningkatkan pelaburan kita secara drastik untuk tahun ini.

Pada tahun-tahun yang lalu, saya ucap tahniah kerana berjaya membawa pelaburan yang tinggi, tetapi tahun ini saya nampak RM850 juta. Ini satu perkara yang membimbangkan. Sekiranya kita tidak dapat menghasilkan peluang pekerjaan, ia bukan hanya terjadi kepada satu kelompok, ia akan terjadi kepada Negeri ini. Sebab ini adalah hubungan pelaburan di antara hiliran. So, kalau kita boleh bawa *manufacturing*, pembuatan masuk, kita akan dapat buat pengangkutan, bila kita ada pengangkutan, kita akan ada *storage* ....(dengan izin), gudang. Ini semua adalah hubungan yang kita ketahui pembuatan di Pulau Pinang ini menghasilkan lebih kurang pada 259,000 peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

Begitu juga dengan industri pengangkutan menyediakan 390 ribu, dengan jumlah peluang pekerjaan yang banyak begini. Isu ini juga, sekiranya kita tidak fokus betul-betul, kita tak tengok betul-betul, kita lihat sebagai satu Negeri yang ada masalah. Satu Negeri yang dilihat, dipamer dan terlampau banyak politik. Bercakap mengenai perkauman, kita akan ada masalah pelabur. Pelabur akan risau hendak datang ke Negeri kita ini. Untuk itu, saya mohon pada Dewan yang mulia ini supaya perkara-perkara ini kita kena bawa bukan sahaja dalam Dewan tetapi dalam pelaburan itu sendiri, kita kena ada *diversity management* ....(dengan izin), maksudnya pentadbiran yang merangkumi semua kaum. Kalau di kilang-kilang saya nak minta InvestPenang, InvestPenang atau pun wakil rakyat atau EXCO yang terlibat tolong beri daftar

pada kita. Tolong beri statistik pada kita.

Dalam satu kilang itu, bagaimanakah komposisi kaum yang terlibat di peringkat CCO peringkat Pengarah Urusan dengan dalam kilang-kilang MNC yang saya maksudkan *Multinational Company*, yang *invest* di sini. *Structural* dia, komposisi kaum daripada MD sehinggalah kepada *Supervisor*. Contoh di kilang-kilang kita ada banyak, tak seperti di jabatan Kerajaan. Di kilang-kilang kita ada Jabatan *Human Resource, Manufacturing Department, Maintenance Engineer, Engineering Department*, semua itu kita hendak dapatkan data. Kalau boleh saya mohon InvestPenang sediakan supaya kita sama-sama menghadamkan *information* ini, maklumat ini, untuk kita bekerja di Pulau Pinang *reflect* semua orang, semua kaum. Bagaimana harus kita bekerjasama untuk merealisasikan.

Bila *investor* datang ke Pulau Pinang, dia akan lihat Negeri ini yang berkongsi kaum bukan sahaja *reflect* satu kaum sahaja atau pun dua kaum sahaja. Kita hendak semua orang nampak sebab perkara ini penting. Di Amerika, mereka sedang mengamalkan perkara ini. So, mereka kena pastikan kalau ada Mexico, Spain, Mat Saleh, Black, mereka akan pastikan dapat libat dalam pentadbiran dalam syarikat-syarikat multinasional. Hari ini kita ada permasalahan, saya ada masalah sedikit apabila anak-anak muda datang jumpa saya untuk menolong bagi mendapatkan pekerjaan, tetapi saya tak tahulah. Tetapi apa yang saya *print* daripada JABIL, daripada *job street* ini, saya mintalah InvestPenang lebih teliti dalam membawa pelabur masuk atau pun Kerajaan Negeri hendaklah memberitahu komposisi kaum ini penting untuk kita kecapai bersama. Dan syarat-syarat kilang-kilang multinasional ada yang letak satu kena faham Bahasa Mandarin. Seorang budak bila dia pergi *interview*, *you* tak ada mandarin. So, ini *company multinational*. So, kalau boleh InvestPenang selidiklah masalah ini. Saya tidak percaya hal ini sebenarnya. Saya kata mana boleh kita orang Malaysia, orang Melayu, orang Cina, orang India, kita nak makan, nak hidup, nak ada tempat tinggal saja. Bukan kita nak bergaduh, bukan nak membunuh antara satu sama lain, membenci satu sama lain, tidak.

Hasrat kita ke dunia ini, dihantar oleh *Allah s.w.t*, Tuhan kita untuk kita mengenali antara satu kaum. Tak logik, tak munasabah, sekiranya syarikat multinasional ini nak letak syarat-syarat yang melibatkan kaum. Tapi saya diaju soalan-soalan begitu daripada mereka ini. Mereka berkata, Yang Berhormat kalau tak percaya kita boleh *print*. Saya terkejutlah, bila saya print saya dapat *company JABIL, job street*. JABIL ini multinasional, *excellent in oral communication skill in both English and Mandarin*. Saya rasa kita kena bekerjasama dalam hal ini. Syarat ini menidakkan terus kah, apa kah. Terus masuk, masuk-masuk *interview*, balik. Saya kata mungkin satu *company* saja. Mungkin adalah HR diakah yang ada semangat perkauman, meletakkan syarat

ini. Saya tak mahu terima ini, kita nak letak satu syarat. Saya tak mahu terima ini letak satu syarat. Sebab apa saya masih percaya kita sama-sama membantu.

Macam Yang Berhormat cakap tadi pengundian ada merata-rata. Macam di kawasan mana-mana pun ada pengundi Cina, pengundi India dan ada pengundi Melayu. Kita tolong semua orang. Kita tolong siapa saja yang datang minta bantuan kita. Ada masalah, tanggungjawab kita untuk menolong. Tetapi apabila isu-isu macam ini, saya tidak boleh jawab dan saya rasa kita sekali. Walau pun saya dari pihak pembangkang. Saya rasa kita ingin sekali. Buruk baik kita ini akan ada *reflect*. Akan ada dilihat. Sebagai kita tidak boleh bersatu padu jumlah kita tidak banyak kita nak kena bersaing dengan Negeri-negeri di sekeliling kita, kita akan bersaing dengan Negeri Kedah, kita akan bersaing dengan Negeri Perak dan kita akan bersaing dengan Selangor so saya orang Pulau Pinang, saya nak Pulau Pinang maju terus. Saya akan beri bantuan atau pun fikiran yang perlu minta *insya-Allah* saya akan bantu sebab kita *part* ...(dengan izin), kita sebahagian daripada rakyat Pulau Pinang. Kalau apa ini perkara-perkara ini dilihat sebagai tempat yang menyulit untuk kita buat perkara-perkara ini, saya mintalah bila kita bawa *investor* datang kita betul-betul la beri syarat kepada mereka kita nak *reflect diversity management* maksudnya dia *reflect* semua tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan. Saya rasa apa yang dikatakan itu bukan kaum itu bahasa kerana tahu bahasa Mandarin, bahasa Inggeris ini bahasa, ada ramai orang Melayu yang boleh cakap bahasa Mandarin dengan fasih juga. Jadi di sini saya rasa ada sedikit tak sama, bukan dia kata mesti orang Cina atau orang Melayu atau orang India tetapi dia mahu kerana mungkin kerana dia banyak *customer* dia ia Mandarin *speaking* atau pun dia *customer English speaking* atau pun *customer Malay speaking*, jadi saya rasa ini *skill communication* bukannya kaum ini pandangan saya.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan, saya Cik Yap berkaum Cina tetapi tidak fasih dalam bahasa cina, tidak fasih dalam bahasa Mandarin, saya bersekolah dan sekolah kebangsaan dan tidak boleh banyak menulis dalam bahasa Cina langsung maka isu ini bukan isu perkauman dan semoga YB. Telok Bahang faham bahawa sekarang Negara China mungkin boleh dikatakan lebih maju daripada Negara Malaysia dan banyak syarikat kini banyak membuat perniagaan dengan Negara yang bertutur dalam bahasa Cina. Maka kemungkinan besar adalah salah satu keperluan perniagaan mereka, maka kita tidak boleh *judgmental*, menggunakan pandangan yang bersifat *racist* apabila melihat

syarikat JABIL membuat pengiklanan yang memerlukan bahasa mandarin. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Terima kasih YB. Pulau Tikus dan YB. Padang Lalang, mata pun tak berapa kelabu. Jadi sebenarnya perkara ini kalau kita lihat pada jawatan yang dia nak, saya tidak boleh terima yang *racist* ini, tetapi syarat itu, kita kena tahu pada pelabur kita bukan ada aliran untuk semua orang lain wajib Mandarin, tapi kalau banyak macam itu akan menyulitkan pelajar-pelajar, graduan-graduan kita yang lain. Macam di Thailand contohnya orang Thailand tidak boleh berbahasa Inggeris dengan baik, mereka pergi buat pelaburan di sana juga, di negara-negara lain pun sama. Kita terima bahasa Mandarin ini bahasa perniagaan kita tahu dia bahasa perniagaan, tetapi kita tidak mahu meletak dia sebagai satu syarat yang menyulitkan orang lain. Kalaulah dia nak letak satu dua syarikat yang JABIL ini ada berurusan dengan syarikat Cina *direct* itu, saya tak pastilah. Tetapi saya jawatan akauntan buat proses dalam kilang, ambil rekod, buat akaun ya tak payahla letak bahasa Mandarin, saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan, sebenarnya mungkin Yang Berhormat tidak begitu hasil dalam proses syarikat multinasional tetapi sebenarnya ada syarikat multinasional, jabatan perakaunan mereka juga boleh mengendalikan akaun dari Negara lain sebenarnya banyak yang berkongsi jabatan perakaunan, jabatan kewangan banyak yang mereka menempatkan di Negara lain dan jika Jabatan Perakaunan Jabil di Pulau Pinang memerlukan perhubungan atau pun komunikasi bersama syarikat mereka di Negara Cina atau di Taiwan atau banyak lagi negara lain yang guna bahasa cina, saya rasa kita tidak harus sekali lagi saya kata menggunakan persepsi *racist* untuk membuat kesimpulan, terima kasih...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan sekali lagi, ini kita sekarang cakap, ini bahasa adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk mendapat bekerja dengan Kerajaan memerlukan kredit dalam Bahasa Malaysia. Ini saya rasa tentulah Yang Berhormat akan kata bahawa bahasa malaysia bahasa kebangsaan kita, ya betul, tapi untuk kerja umpamanya kalau saya nak ajar Bahasa Mandarin di sekolah rendah jenis kebangsaan, saya gunakan mandarin saya bukan gunakan Bahasa Malaysia untuk mengajar tapi itu pun tak boleh mesti dapat kredit dalam Bahasa Malaysia barulah dapat jadi guru mengajar di SRJK, SRJKT ini saya tunjukkan bahawa persamaan ini menyulitkan, menyusahkan mereka yang datang dari SRJKC dan SRJKT. Ramai di antara murid-murid



seperti ini memang fasih dan pandai dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil tetapi tak dapat kredit dalam Bahasa Malaysia untuk pergi ke Jepun, kita mesti belajar Japanese, tetapi kita tak belajar Japanese tetapi kita boleh melanjutkan di Jepun kerana sebelum pergi ke Jepun pergilah Bahasa Japanese kelas. Rusian pun sama, English pun sama. Jadi di sini saya rasa bukan pandang dari sudut Yang Berhormat saja tapi kita bertukar supaya kita boleh lihat banyak aspek di dalam bahasa ini, terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):**

Saya cadangkanlah sekolah wawasan harus kita buat kembalilah supaya semua kaum boleh belajar semua bahasa so kita kalau masa akan datang kita letak semua *split-split* maka kita akan ada masalah dalam peluang pekerjaan. Apa yang saya cakap di sini saya tiada niat untuk mengatakan *racist* atau pun apa, hanya saya nak bagitahu terlampau banyak isu-isu macam ini harus kita tangani supaya kita tak nampak masih menidak Bahasa Mandarin. Kalaulah Yang Berhormat berkata begitu, saya mintalah investPenang berilah sedikit maklumat dalam satu syarikat itu bahawa Bahasa Mandarin itu diperlukan, berapa ramai diperlukan? Kalau dia kata untuk hubungan di antara syarikat saya boleh terima, tapi kalau dia kata *production manager* perlu Bahasa Mandarin itu saya rasa susah sikitlah. Kita minta investPenang berilah kita maklumat-maklumat ini untuk keperluan kita yang boleh berbahasa Mandarin ini. Berapa ramai dalam FTZ ini *free zone* kan jadi apa ini, saya bawa isu ini supaya saya nampak kita boleh sama-sama hidup di sini, cari makan di sini, bekerja di sini, berkawan di sini.

Saya juga berharap pekerjaan Negeri Pulau Pinang ini *reflect* kita semua jadi selain daripada itu, sekiranya kita tak dapat mempertahankan *manufacturing* atau pun sektor pembuatan kekal di sini kita akan ada permasalahan dari segi benda-benda memiliki hartanah sebab hartanah juga satu perniagaan yang baik di Pulau Pinang ini. Kita menghasilkan lebih kurang 82 *percent* yang terlibat dalam industri ini. Jadi YB.Tuan Speaker, saya harap janganlah Yang Berhormat yang lain ingat saya sebagai anti kaum. Saya tahu Bahasa Mandarin nombor satu kat dunia, dalam dunia yang bercakap bahasa Mandarin paling ramai sekali, saya hanya nak minta kita dapat betul-betul maklumat, berapa ramai kita perlu, kita tidak mahu mereka ini bersembunyi di sebalik ini melalui orang-orang *peasantry* ini, setengah orang itu dia benci orang tapi peranan kita ini meredakan perkara-perkara ini. Perkara ini memainkan peranan supaya kita sama-sama, kita boleh terlibat dalam Negeri ini.

YB. Tuan Speaker saya pun tak mahu ambil masa yang banyak, jadi saya rasa isu yang patut diketengahkan dan saya harap sekali lagi saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat dilantik sebagai Speaker Dewan ini dan saya rasa Yang Berhormat memainkan peranan yang baik memberi peluang saya bercakap dan terus kekalkan sebab kita akan lama di sini lima (5) tahun di sini. Jadi saya juga dengan akhir sekali memohon menyokong usul yang dibahaskan, sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, silakan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 malaysia, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada TYT Tun kerana tempoh perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dilanjutkan untuk satu penggal lagi selama dua (2) tahun. Semoga di bawah Tun, Pulau Pinang akan terus maju, aman dan damai disebaik kemajmukan penduduk yang terdiri daripada pelbagai bahasa, etnik, agama, budaya dan bangsa.

YB. Tuan Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada YB. Tuan Speaker kerana dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang baru, pelantikan pada hari jumaat yang lalu, walaupun kita juga pernah mendengar kenyataan bahawa seeloknya Speaker dipilih daripada orang bukan politik tetapi apabila saya berada di dalam Dewan ini daripada pagi tadi lagi sampailah sekarang pukul 6.10 petang, saya rasa pilihan Dewan kali ini adalah tepat dan saya juga nak ambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada ADUN Sungai Bakap yang diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan saya mendoakan semoga gandingan mantap kedua-dua ADUN ini akan membolehkan persidangan kita sepanjang tempoh lima (5) tahun ini akan berjalan lancar. Saya juga amat tertarik dengan ucapan YB. Tuan Speaker pada hari Jumaat yang lalu yang mahu mewujudkan imej dan persekitaran baru ketika berlangsungnya persidangan kali ini.

YB. Tuan Speaker ingin melihat Dewan kita mengurangkan *politicking*, dan mempolitikkan isu sebaliknya lebih menitikberatkan aspek kemajuan dan pembangunan Negeri serta kebajikan rakyat jelata yang telah mengundi. Oleh yang demikian saya sebagai ADUN baru, ahli baru ingin melihat kerjasama semua di dalam Dewan dan memastikan apa yang diharapkan oleh YB. Tuan Speaker kita hormati. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang kerana terpilih menjadi Ketua Menteri untuk penggal kedua dan saya juga mengharap kemenangan 2/3 Pakatan di Pulau Pinang sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada parti PAKATAN sendiri supaya tidak menjadikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebuah Kerajaan yang sombong, bongkok serta tidak mementingkan kami di sebelah ini. Oleh itu saya berharap di bawah kepimpinan Ketua Menteri ia dapatlah membawa pembangunan, membawa pembangunan yang sama mahu pun di Pulau mahu pun di Seberang.

YB. Tuan Speaker yang saya hormati, ucapan TYT yang menyentuh pelbagai perkara dalam aspek wajar kita beri perhatian dan tumpuan, oleh itu kita semua memastikan, harus memastikan perancangan pembangunan yang telah sedang dirancang akan terus berjalan mengikut jadual. Untuk itu, kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat perlu bekerja sebagai satu pasukan bagi memastikan apa yang dihajati oleh TYT Tun mencapai matlamat dengan jayanya. Dalam merancang atau melaksanakan pembangunan Kerajaan Negeri perlu memastikan setiap projek yang dilakukan termasuk oleh pihak swasta mengikut peraturan yang ditetapkan dan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa.

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati saya ingin sentuh sedikit lagi berkenaan dengan penggondolan Bukit Gambir ataupun Bukit Relau. ADUN Seri Delima dan ADUN Tanjong Bunga telah pun menyentuh mengenai penggondolan Bukit Gambir. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati. Berkenaan dengan penggondolan Bukit Gambir ini, saya rasa sebagai orang Pulau Pinang yang mempunyai jiwa sayangkan Pulau Pinang, kita pasti terasa dengan apa yang berlaku, sebuah bukit yang indah digondolkan di depan mata kita dalam suasana yang jelas, kalaulah penggondolan ini berlaku di sebalik bukit, di lembah bukit, di bawah bukit tidak mengapa, tetapi ini berlaku di atas bukit dan luasannya bukannya kecil, bukan sebesar tapak tangan, bukan sebesar nyiru, tetapi difahamkan melebihi 20 ekar. Satu (1) keluasan yang cukup besar, tetapi hanya disedari digondolkan setelah ia mencapai keluasan tersebut, sesuatu yang mendukacitakan. Saya ingin bertanya apakah tindakan yang

akan diambil dan semua mengharapkan tindakan tegas diambil apabila surat khabar melaporkan tentang penggondolan Bukit Gambir, wajah YB. Seri Delima terpampang di akhbar. Saya tengoh wajah YB. Seri Delima dan saya nampak keikhlasan di wajahnya, beliau marah apa yang berlaku, beliau sangat benci dengan apa yang berlaku dan kemarahan yang terpancar di wajah beliau juga terpancar di wajah saya juga terpancar di wajah-wajah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dan seluruh penduduk di Pulau Pinang. Tetapi Tuan-tuan hari ini kita dimaklumkan bahawa pada 11 Julai 2013 syarikat yang terlibat akan didakwa. Siapakah dan apakah syarikat yang tersebut? Kita pun tidak tahu, kita kena tunggu pada 11hb. Julai. Walau bagaimanapun, surat khabar Sun bertarikh June 3 2011, mengatakan bahawa ...(dengan izin), *the owners are General Accomplishment Sdn. Bhd. On lot 11396 and Boon Siew Sdn. Bhd. Lots 34. lot 303.*

Tuan-tuan dan puan-puan YB. Tuan Speaker, apabila kita difahamkan tindakan saman akan diambil, kita gembira mendengarnya, tapi tuan-tuan apabila...(saya minta maaf), orang baru, saya minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat apabila mereka didakwa di mahkamah tentulah mereka akan didenda apabila mereka didapati bersalah. Tetapi persoalannya tuan-tuan dan puan-puan kita mesti, *Ya-Allah*, saya minta maaf, *honestly* (saya minta maaf, saya minta maaf). Jadi apa yang berlaku dalam mahkamah tentulah mereka akan didakwa dan mereka akan dikenakan denda dan sebagainya, tetapi pernahkah kita terfikir Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan bahawa sebagai sebuah syarikat yang begitu besar, sebagai sebuah syarikat bereputasi yang begitu hebat daripada manakah mereka mendapat keberanian ini untuk menggondolkan sebidang tanah yang begitu luas di hadapan mata rakyat semua. Kita harus tanya, soalan ini tidak akan ditanya di dalam mahkamah, tetapi di dalam Dewan seperti saya, kita mengharapkan supaya dapat memikirkan di sebalik soalan saya ini. Kita tidak akan menuduh sesiapa dan kita tidak akan menuduh sesiapa, tetapi kita harus berfikir supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi. Sebagai contohnya, kalau kita hendak buat *extension* di rumah kita sekali pun, kita kena minta kelulusan, tetapi selalunya kita akan melanggar undang-undang, apabila adanya yang mengatakan bahawa tak payah risau, kita buat dulu nanti kita *settle*, itu digunakan ayat untuk benda yang kecil, tetapi untuk benda yang sebegini besar, saiz yang dikatakan ini, kita harus tanya persoalan ini, di manakah keberanian dan kekuatan yang mereka dapat. Mungkinkah daripada kalangan kakitangan awam, individu-individu tertentu, kita fikirkan. Itu soalan saya yang pertama mengenai Bukit Gambir. Bukanlah persoalan ini sengaja ditimbulkan tetapi disebabkan saya sayangkan Pulau Pinang. Itu sahaja.

Kedua, berkenaan dengan mitigasi. Apabila bukit telah digondolkan, kita terima, kita faham benda dah berlaku, tetapi kita harus memikirkan bagaimanakah kita hendak elak sebarang bencana, kita hendak memastikan tanah yang begitu kosong boleh kita hidupkan kembali apakah tindakan yang

akan diambil dan surat khabar sekali lagi mengatakan bahawa ...*(dengan izin) mitigation work have been carried out by the landowner including covering the exposed slopes planting seedlings and preparing irrigation.* Bagi saya ini adalah tindakan yang wajar, tindakan yang pantas, tindakan yang cepat, tetapi Ahli-ahli Dewan kebotakkan ini berlaku bukan di bawah bukit, bukan di tengah bukit, tetapi di puncak bukit. Keberangkalian akan berlakunya tanah runtuh itu ada, ada keberangkalilan bencana itu akan berlaku, jadi kita pastikan, saya memohon kepada EXCO yang terlibat pastikan pemantauan dibuat sepanjang masa, pastikan dengan apa sekali pun kita jangan terlena berkenaan dengan perkara ini. Apabila bukit tidak ada lagi yang mencengkam tanah sekadar menabur rumput untuk menutup tanah tidak mencukupi, kalau hendak menanam semula mengambil masa yang lama untuk pokok itu tumbuh. Jadi saya mengharapkan kepada EXCO yang terlibat supaya kalau boleh ataupun kalau sudah ditubuhkan jawatankuasa, saya ucapkan terima kasih, kalau belum eloklah ditubuhkan satu jawatankuasa memastikan tidak berlakunya sebarang bencana kepada penduduk-penduduk di sekitar terutama di bawah bukit.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Minta laluan, apa ini saya dapati juga keghairahan pemaju memajukan projek perumahan, berleluasa, banyak projek perumahan dibuat, kita harus faham bahawa setiap inci yang ditambun bermakna ada satu inci yang dikorek, ini yang saya sebutkan dari dulu lagi bahawa pihak Kerajaan Negeri perlu meng *identify* kan, kenal pasti *borrow pit* di manakah kawasan yang boleh diambil tanah itu, supaya mereka tidak sewenang-wenangnya mengorek mana-mana mereka suka. Ini penting dan juga pemantauan berterusan, seperti YB. Bertam harus juga melihat perkara ini yang cukup serius, jika tidak dengan kegairahan pemajuan rumah kita juga mendapat keghairahan orang menggondolkan bukit.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tuan Speaker, bersambung kepada saranan saya supaya pemantauan dilakukan. Saya ingin merujuk kepada laporan Sinar Harian bertarikh Mei 30 2013, “bertajuk air terjun seperti teh tarik”, kejadian ini berlaku di belakang perumahan Mutiara Heights di sini, kalau sebelum ini apabila berlakunya hujan, airnya akan turun adalah ibarat air terjun yang jernih...*(dengan izin) clear water fall*, tetapi kebelakangan ini apabila berlakunya hujan, air yang turun adalah air yang keruh yang warnanya tidak ubah seperti teh tarik dan ini hanya berlaku apabila pembotakan Bukit Relau bermula. Oleh yang demikian saya juga meminta EXCO yang terlibat di dalam perkara ini memastikan adakah laporan ini benar. Sekiranya benar maka tindakan segera haruslah diambil untuk kita mengurangkan sebarang kerosakan skala yang lebih besar, saya amat kesal sebagai anak Pulau Pinang sayangkan Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya juga merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun berkenaan dengan kebajikan Kesihatan dan Kemiskinan Sifar. Saya merujuk kepada perenggan 37 beliau, di mana ....(dengan izin) “usaha Kerajaan Negeri dalam terus memberi perhatian terhadap kebajikan rakyat melalui pelbagai pemberian bantuan. Bayaran wang ehsan dan penghargaan kepada warga emas, pelajar IPTA, sekolah rendah dan menengah, bantuan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal dan penghargaan anak emas wajar diberi pengiktirafan. Saya difahamkan bahawa golongan ibu emas yang tidak bekerja juga akan menikmati bantuan RM100 setahun ini mulai tahun 2014. Sejak tahun 2010 hingga 2012, kesemua program ini telah menelan belanja sebanyak RM61.78 juta. Malahan, program kebajikan Kerajaan Negeri terus mendapat komitmen jitu daripada rakyat apabila bilangan pendaftar dalam Sistem i-Sejahtera kian meningkat.

Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah begitu prihatin kepada golongan rakyat yang miskin, ibu tunggal yang tidak mampu bekerja dan berusia. Walau bagaimanapun baru-baru ini kita mendengar penghuni-penghuni flat, iaitu pangsapuri Alim Shah Valley di Lebu Chulia yang mana flat mereka sebelum ini adalah didirikan atas tanah wakaf MAIPP. Selama ini Ahli Yang Berhormat flat tersebut disewa pada kadar RM16.00 sebulan. Saya dapati daripada laporan sahaja, kalau silap saya mohon maaf. Ini daripada laporan akhbar. Selama ini penghuni flat tersebut membayar sebanyak RM16.00 sebulan, bangunan lama didirikan di atas tanah wakaf. Apabila pihak MAIPP mengambil inisiatif memperbaiki dan mengubah suai dan menaik taraf bangunan tersebut, sewa dinaikkan daripada RM16.00 kepada RM420.00 sebulan dan ada juga yang sudah membayar sampai RM520 sebulan.

Jadi ini jelas adalah sesuatu sekiranya benar ini membebankan dan saya difahamkan penyewa-penyewa tersebut telah pun membuat beberapa rayuan. Walau bagaimanapun rayuan ini tidak pernah diendahkan. Jadi kalau kita tengok di sini usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi bantuan kepada penduduk miskin, tetapi pada masa yang sama kita meletakkan, kita tidak mahu berkompromi dengan sewa yang kita letakkan, ini sebenarnya adalah tidak seimbang. Apabila kita bercakap tentang warga-warga emas, orang-orang miskin yang menerima bantuan, saya percaya mereka adalah insan-insan yang menghuni di flat-flat tersebut. Kalau mereka orang yang senang tentu mereka tidak akan menghuni di flat tersebut dan saya percaya pihak MAIPP mempunyai alasan yang bernas untuk mengekalkan sewa pada kadar tersebut.

Walaupun bagaimanapun memandangkan ini adalah merupakan rungutan

orang Pulau Pinang sendiri, penduduk-penduduk Pulau Pinang sendiri, saya merasakan wajar supaya sebarang rayuan, sebarang permohonan eloklah diperhalusi dan dipertimbangkan sebab apabila kita telah memberi bantuan dan pada masa yang sama kita tidak mahu langsung bertolak ansur, kita sebenarnya seolah-olah membebankan. Saya minta supaya Dewan bersetuju supaya rayuan daripada penduduk-penduduk di situ kita perhalusi. Memandangkan apabila sesuatu bangunan diletakkan, didirikan di atas tanah wakaf, tentulah penghuninya adalah terdiri daripada golongan-golongan orang-orang Melayu di Pulau Pinang yang beragama Islam, yang layak untuk menduduki tanah wakaf itu. Jadi saya minta pada Majlis Agama Islam untuk tidak mengetepikan soal ini, berilah ruang dan peluang kepada penduduk-penduduk tersebut berjumpa dan berbincang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Isu penyewaan rumah Alim Shah Valley, saya rasa antara sebab kenapa kadar sewa yang begitu tinggi adalah telah ditetapkan oleh Jabatan Penilaian harga itu, dan itu yang mereka *charge* harga kepada penyewa. Tetapi apa yang Bertam memohon adalah ehsan daripada Majlis Agama Islam supaya memandangkan, tanah itu tanah wakaf dan bangunan itu dibina oleh pihak Kerajaan, maka seharusnya diberikan sedikit pengecualian kepada orang-orang miskin yang menyewa di situ, *discount* sikit, mungkin *discount* itu antara 20 – 30% daripada kadar Jabatan Penilaian bagi membolehkan mereka menyewa dengan kadar yang munasabah sesuai dengan pendapat mereka. Jadi saya minta YB. Pantai Jerejak mempertimbangkan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Tuan Speaker, saya juga baru-baru ini di Kepala Batas, di Bertam, Penaga dan juga Pinang Tunggal tempat kami dilanggar ribut, jadi apabila terjadinya ribut tentulah kita memerlukan bantuan. Cuma di sini saya ingin mendapatkan keterangan daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan status Tabung Bencana TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya ingin mendapatkan status tabung tersebut, sama ada tabung tersebut masih aktif, berapakah, siapakah Pengerusi dan ahli lembaga dan berapakah, jumlah dana yang terkumpul? Jumlah yang dibelanjakan setiap tahun dan adakah ia juga boleh dimanfaatkan oleh ADUN-ADUN yang bukan daripada PAKATAN? Sekiranya dibenarkan saya rasa itu adalah untuk kebajikan penduduk Pulau Pinang secara keseluruhan.

YB. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan kepada isu di kawasan saya, di mana antara isu yang perlu saya atasi adalah berkenaan dengan pasar awam, pasar awam di Kepala Batas, di Permatang Manggis, di Bertam. Pasar awam ini sudah dibina saya ingat sudah hampir lebih 10 tahun, tetapi keadaannya sekarang agak tidak terurus. Saya membuat

beberapa tinjauan dan saya dapati bilik air tidak terurus, kebersihan juga tidak terurus dan juga tempat-tempat *parking* amatlah terhad. Rungutan yang saya terima adalah kebanyakan tempat-tempat *parking* didominasi oleh peniaga-peniaga yang membuka stor menyebabkan parking menjadi *limited*. Permintaan daripada rakyat, daripada semua orang-orang yang pergi ke pasar, peniaga-peniaga di pasar supaya pasar tersebut dapatlah dinaik taraf, diberi wajah baru dan lebih bersih.

Saya ingin merujuk kepada Buletin Mutiara bertarikh 1 hingga 15 Jun 2013, yang melaporkan peruntukan sebanyak RM11.1 juta naik taraf pasar awam Seberang Perai, di mana dilaporkan ....(dengan izin). Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Puan Maimunah berkata daripada jumlah RM11 juta tersebut, RM5 juta diperuntukkan naik taraf tiga (3) buah pasar awam di Seri Bandar Butterworth, pasar awam Sama Gagah Permatang Pauh dan Pasar awam Taman Berjaya, Nibong Tebal. Pada masa yang sama RM1.1 juta bagi menaik taraf dua (2) pasar awam di Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit sebagai tambahan sebuah pasar awam bakal di bina di Juru dengan peruntukan RM1 juta. Jadi kalau kita dengar. YB. Tuan Speaker, daripada peruntukan yang diberi ini kesemua pasar awam ini akan di naik taraf terletak di Seberang Perai Selatan dan di Butterworth, tetapi saya mengharapkan supaya akan ada peruntukan diberikan kepada kawasan-kawasan di mana Ahli Dewan Undangan Negerinya daripada Barisan Nasional. Itu saja permintaan saya sebab kegunaan pasar awam ini, ia tidaklah melibatkan, kita tidaklah mengkategorikan siapa yang boleh pergi ke pasar, kegunaannya adalah untuk semua. Kebersihan pasar melambangkan kebersihan kita juga.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pelancongan di mana baru-baru ini, saya lihat, bila saya lalu di Pulau Pinang, saya lihat banyak mural-mural di dinding-dinding di Negeri Pulau Pinang. Ini ialah merupakan bagi saya satu tarikan kepada pelancong, ini memang benar sebenarnya. Orang Putih, bila mereka datang ke Pulau Pinang, mereka bukan hendak masuk butik, mereka tidak perlu itu semua, tetapi mereka suka bergambar, bergambar di mana ada mural-mural, bergambar di mana ada saja *cannon*, meriam dan juga beberapa lagi yang menjadi tarikan kepada orang putih dan baru-baru ini, di belakang ini sahaja ada bangunan ada mural dan saya *by past* berlalu, orang putih melintas jalan, saya ingat untuk apa cuma hendak ambil gambar mural. Mural mereka ambil tetapi di bawah mural sampah cukup banyak, saya cakap betul, apa yang kita lihat amat kotor, sebab itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri berilah perhatian untuk perkara ini, di samping kita menggalakkan pelancongan kita memastikan mural-mural dilukis, mural-mural ini haruslah kita *preserve*, haruslah kita jaga supaya ia kekal lama, untuk menjadi daya tarikan. Mata kita bukan sekadar melihat ke hadapan tapi harus ke bawah. Bayangkan sampah-sampah tidak dikutip, sampah-sampah di buang di merata-rata tempat, ini adalah pandangan yang cukup menyedihkan, sebagaimana sahabat saya



daripada Telok Bahang menyatakan beliau cintakan Pulau Pinang, saya juga cintakan Pulau Pinang. Pulau Pinang bersih kita juga seronok...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya juga cintakan Pulau Pinang, tetapi saya hendak minta supaya pihak Kerajaan Negeri berlaku adil dalam agihan sektor pelancongan kerana saya melihat banyak penumpuan diberi kepada pekan-pekan, tetapi amat berkurangan kepada pelancongan di luar-luar bandar, pelancongan desa dan sebagainya. Saya pernah bertanya berapakah diberikan kepada *home stay* di Pulau Pinang contohnya, tidak ada pun. Itulah saya minta supaya Kerajaan Negeri berlaku adil majukan sektor pelancongan di pekan betul, tetapi teruskan memberilah tumpuan kepada pembangunan pelancongan di luar bandar, kerana ini adalah merupakan *heritage* yang bahkan ditunjukkan kepada pelancong-pelancong yang datang dari luar negara. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Tuan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pengundi-pengundi saya di Bertam, semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sama ada daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang sentiasa membantu saya dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul daripada rungutan rakyat jelata di kawasan DUN Bertam. Moga bantuan ikhlas mereka itu akan mendapat ganjaran daripada *Allah s.w.t.* YB. Tuan Speaker saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Seterusnya YB. Permatang Pasir. Silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. Alhamdulillah syukur kita ke hadrat *Allah s.w.t.* Pada peringkat sekarang kita masih lagi berada di dalam Dewan ini untuk sama-sama mengucapkan terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang. Saya kali ini diwakili oleh Permatang Pasir, kalau ikut pada tahun-tahun yang lepas didampingi oleh rakan-rakan daripada Cina, India dan Melayu. Tetapi kali ini diatur khas oleh pihak Dewan, terima kasih pihak Dewan, dengan didekati oleh dua (2) bunga dan dua (2) bunga yang berkembang, tiga (3), kira ada, kanan ada, belakang ada. Itulah antara kita rasa satu penghargaan kepada wanita, di samping di depan saya juga adalah seorang wanita Setiausaha Dewan. Saya rasa ini satu yang mana diambil perkiraan dan bagi saya di antaranya yang cukup bersemangatlah, dengan hanya rakan-

rakan wanita dan tambahan lagi, di tambah DUN pada kali ini wanita yang muda-muda, jadi dengan semangat saya rasa dan saya harap rakan-rakan di kalangan peringkat Ahli Dewan Undangan Negeri sama di peringkat Kerajaan atau pun Pembangkang sama-samalah kita meletakkan dengan satu penghargaan dan harapan yang tinggi kepada wanita-wanita ini. Walaupun pertama kali saya diberi kesempatan berhadapan dan bergandingan dengan dua (2) orang wanita seorang Melayu dan wakil Cina. Jadi *Alhamdulillah* walaupun dalam situasi yang sedia ini dan dalam waktu masa sesingkat ini, saya juga mengambil kesempatan merafakkan kesyukuran kehadiran *Allah Subhanau Wa Ta'ala* dengan limpah kurnia dan keizinanNya pada hari ini dan pada petang ini dapat saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah merasmikan sidang Dewan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas sekali ini.

YB. Tuan Speaker, para sahabat rakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah menjalankan tanggungjawab dalam Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas yang lalu dan masih memberi kesempatan dan keyakinan yang kuat bahawa penyerahan dalam Pilihan Raya Umum yang ketiga belas untuk Pakatan Rakyat terus mentadbir di Pulau Pinang. *Alhamdulillah*. Saya juga ingin mengucapkan merakamkan terima kasih dan tahniah kepada wakil-wakil rakyat yang telah dipilih untuk menggalas satu tugas dan bebanan yang berat serta tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi satu perkhidmatan dan bakti berlandaskan prinsip "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang khususnya di Negara Malaysia amnya.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang bagi penggal yang kedua dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah diberi tanggungjawab memegang berbagai portfolio dalam mengurus tadbir Negeri ini supaya lebih maju dari segi ekonomi dan menjadi yang terbaik dalam pelbagai bidang sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih semula dalam pilihan raya yang lalu saya merasakan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah menerajui Negeri ini sejak tahun 2008 sememangnya telah mempunyai rekod dan urus tadbir yang baik dan budaya pentadbiran berlandaskan slogan yang 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus' telah berjaya menyakinkan rakyat untuk terus memilih Barisan Kepimpinan yang ada di Dewan yang mulia ini.

YB. Tuan Speaker setelah lima (5) Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir Kerajaan Pulau Pinang, pelbagai peristiwa telah berlaku masam, manis, masin, pahit dapat dirasai oleh semua pihak. Dalam sepanjang tempoh tersebut kita sama-sama melihat pelbagai imej politik dilakarkan dan pelbagai pergolakan politik berlangsung di negara ini, rakan-rakan kita tadi pun ada menyebut

dalam menghadapi situasi Pilihan Raya Umum yang ketiga belas sebelum kita dapat kepercayaan dan mandat baru, pelbagai-bagai bentuk fitnah dan tohmahan bagi pihak-pihak tertentu kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang diterajui sekarang ini dalam melaksanakan dan meletakkan bagaimana untuk mendapatkan sokongan di kalangan rakyat dan masyarakat, tetapi masyarakat dan rakyat khususnya para pengundi terus memberi keyakinan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk terus mentadbir dan memerintah Negeri Pulau Pinang. Sekali gus apabila dalam keadaan untuk membuat satu-satu perubahan hendak menjanakan perubahan lanskap politik negara bersandarkan kepada latarbelakang politik negara yang kelam kabut dan iklim dunia yang parah pada waktu itu dalam tempoh lima (5) tahun sebelum ini, maka marilah kita bersama-sama mengorak langkah untuk terus mara ke hadapan perubahan yang hakiki menerusi apa yang telah diucapkan oleh TYT dalam majlis perasmian sidang Dewan pagi semalam. Saya juga amat sedih sepertimana yang telah dibahaskan pada hujung-hujung pagi tadi, ada salah seorang yang membangkitkan, seolah-olah dalam ucapan TYT pada pagi semalam, seolah-olah menggambarkan ia tidak menghormati dan menghargai ucapan perasmian yang telah dibuat oleh Tuan Yang Terutama. Kalau hendak cakap biarlah di dalam Dewan ini, tetapi dia buat ucapan secara umum, mengakibatkan seolah-olah satu gambaran bagaimana beliu, begitulah hakikatnya.

YB. Tuan Speaker, setelah zaman berkembang, situasi juga akan berlaku perubahan, maka perubahan sesuatu yang pasti berlaku, maka setiap perubahan perlu ditangani dengan sebaik mungkin agar perubahan yang berlaku akan hanya menjurus kepada kebaikan dan bukan sebaliknya. Saya rasa Negeri Pulau Pinang perubahan yang telah dilakukan dan *insya-Allah* akan dilakukan selepas ini, yang mana yang telah merencanakan, mestilah ataupun adalah bukannya akibat tekanan dari rakyat ataupun tekanan-tekanan golongan-golongan yang tertentu dan juga bukannya akibat desakan sesiapa, tetapi perubahan hakiki untuk kesejahteraan rakyat dan masyarakat bertitik golok dari perubahan hakiki inilah maka rakyat akan melihat keupayaan dan keadilan yang kita perjuangkan ini.

YB. Tuan Speaker, matlamat kita mestilah jelas, peranan dan tanggungjawab kita, kita juga mestilah ke hadapan dan mestilah meletakkan bagaimana harapan rakyat yang mereka letakkan, untuk kita terus melaksanakan tugas sebaik mungkin dan *insya-Allah* kita akan dapat dinilai oleh masyarakat dan rakyat. Itulah bagaimana kita hendaklah, bagaimana Kerajaan memberi, merencanakan ke arah kebaikan, kerana ianya adalah suatu tuntutan fitrah dan serasi dengan fitrah manusia dan tanggungjawab bersama dan bukannya kerana desakan sesiapa. Dalam memastikan dalam perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Saya yakin selaku Ketua Menteri yang berwibawa sebagai pemimpin hanya bergerak ke arah jalan yang baik, hasilnya saya yakin Negeri Pulau Pinang akan lebih mampu untuk

melaksanakan keadilan dalam masyarakat *insya-Allah*.

YB. Tuan Speaker, saya lihat dalam ucapan Yang di-Pertua Negeri semalam banyak digariskan dan banyak perkara-perkara yang boleh dijadikan impak kebaikan apabila dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan di antara isu yang telah pun dibangkitkan dalam ucapan tersebut ialah isu berkenaan dengan keselamatan rakyat. Dalam ucapan perasmian Yang Terutama Tun telah menyentuh isu berkaitan dengan dua (2) tragedi runtuh yang berlaku di Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Itulah tragedi runtuh pertama apa yang berlaku adalah runtuh, runtuhnya tanjakan penyambung susur keluar jambatan kedua Pulau Pinang, dan tragedi yang kedua telah terjadi runtuh kawad besi penebat kilat di menara UMNO, Jalan Macalister. Tadi rakan-rakan kita juga ada bangkit isu ini yang berkaitan dengan keselamatan rakyat.

Pada petang semalam pun, setelah selesai daripada perasmian pembukaan Dewan ini, saya juga berkesempatan pergi ke menara UMNO, yang terdapat di sana ialah pejabat UMNO dan pejabat Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan juga terdapat bangunan-bangunan yang dioperasikan dalam pelbagai-bagai keadaan yang mana bangunan di situ, saya anggap tidak selamat untuk didiami. Semalam bila berlaku, gegaran. Bagaimana satu bangunan, bangunan menara UMNO juga terasa bahangnya. Saya difahamkan juga KOMTAR juga berlaku gegaran. Ini akan mengakibatkan situasi yang berlaku ini mengakibatkan di kalangan para petugas-petugas ataupun mereka yang berada di dalam bangunan tersebut dalam keadaan kegelisahan.

Begitu juga apabila peristiwa runtuhnya menara UMNO di peringkat atas. Ini akan mengakibatkan bagaimana boleh berlaku sesuatu yang tidak dapat kita duga. Yang mengakibatkan berlakunya pencegahan dan Pada hari yang kedua iaitu hari Jumaat, saya pun dua (2), tiga (3) kali juga pergi buat tinjauan dan pada hari Jumaat juga selepas kejadian tersebut. Sehingga pihak masjid yang berdekatan dengan itu tidak dapat hendak melaksanakan solat Jumaat, sehingga dibuat perbincangan. Saya juga membuat keputusan supaya sembahyang ataupun solat Jumaat di pindahkan ke Masjid Simpang Enam, sebab masih lagi ada kekhuatiran, kebimbangan, takut-takut berlaku lagi serpihan akan jatuh yang mengakibatkan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada mereka yang lalu lalang ataupun yang terlibat dengan solat Jumaat pada hari tersebut. Dan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak PBA dan MPPP kerana mereka juga telah menyediakan tangki-tangki air untuk dijadikan sebahagian daripada untuk kita berwuduk, untuk kita menunaikan sembahyang Jumaat.

Jadi juga mengharapkan jugalah supaya Kerajaan Negeri dapat

mempastikan supaya pemilikan menara bangunan UMNO dan agensi-agensi yang berkaitan dapat melaksanakan pemeriksaan bangunan secara terperinci dan mengambil langkah-langkah segera, sekiranya mendapat masalah berkaitan struktur bangunan ekoran daripada tragedi runtuh menara penambat kilat di Negeri ini. Saya juga menyuarakan supaya satu laporan khas asing daripada siasatan terhadap struktur bangunan ini diumumkan kepada masyarakat Negeri ini supaya kita tidak timbul kebimbangan atau mencurigai apabila melalui jalan Macalister ataupun mereka yang datang berurusan di menara UMNO. Ini antara perkara yang serius untuk diambil tindakan.

YB. Tuan Speaker, juga terdapat dalam ucapan perasmian Dewan semalam berkaitan dengan isu ekonomi, meskipun Negeri Pulau Pinang berjaya merekodkan pelaburan yang paling besar di Malaysia pada tahun 2010 dan 2011 dan pencapaian 36.1 bilion pelaburan sepanjang tempoh daripada tahun 2008 hingga 2012. Kerajaan Negeri juga perlu menumpukan perhatian khususnya kepada peniaga-peniaga kecil dan penjaja. Justeru itu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat menangani para penjaja dan peniaga kecil, supaya golongan ini dapat meningkatkan taraf hidup mereka, seterusnya sama-sama dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan Negeri Pulau Pinang, khususnya dari segi aspek pelancongan. Saya ingin menyuarakan kepada Dewan yang mulia ini supaya kumpulan penjaja kecil dan peniaga-peniaga ini diberikan satu kawasan yang sesuai yang tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas serta mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang bersesuaian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Permatang Pasir minta laluan. Adakah Yang Berhormat Permatang Pasir selaku Yang diPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang juga melihat tanah-tanah wakaf yang ada yang berpotensi untuk dikomersialkan dibangunkan untuk tujuan menambahkan usaha dan sebagainya. Mungkin itu satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh Yang DiPertua, selain daripada mengharap daripada Kerajaan Negeri sendiri.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima kasih YB. Pulau Betong, hasrat Majlis Agama Islam untuk membantu dan khususnya penglibatan umat Islam di Negeri Pulau Pinang memang begitu tinggi di dalam hal berkaitan dengan tanah wakaf khususnya, yang melibatkan di kalangan mereka yang telah mendiami hampir 50 hingga 60 tahun dengan kediaman yang mereka tinggal di situ dengan kedudukan mereka yang mana kawasan-kawasan tanah-tanah wakaf yang didiami oleh mereka untuk tujuan kita membangunkan dan memberi keselesaan, kebanyakannya mereka membuat bantahan, kononnya ini adalah tanah wakaf. Tanah-tanah wakaf kita hendak bangunkan untuk dalam membantu dan

melaksanakan satu peranan oleh umat agama Islam bagaimana kita hendak meletakkan dan harapan yang tinggi kepada umat Islam itu sendiri. Tetapi dengan keadaan yang sedia ada walaupun kita kata amat sukar, tetapi kita *insya-Allah* akan melakukan perbincangan dari semasa ke semasa untuk bagaimana mereka memahami tujuan sebenar untuk kita Majlis Agama Islam itu sendiri hendak membantu mereka dalam hal yang berkaitan dengan penambahan pendapatan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan Permatang Pasir, sebenarnya Yang Berhormat bantahan daripada dulu lagi, maafkan saya, ada kebanyakannya penyokong-penyokong PAS yang membantah pada masa itu. Apakah Majlis Agama Islam hendak buat kemajuan pada tanah-tanah wakaf. Jadi itu sampai ke hari ini dan saya yakin ada juga bukan orang PAS kena. Itu lepas, tetapi hari ini pada niat kita, sebab tanah itu kita hadapi sama-sama kita hendak membangunkan tanah-tanah wakaf ini, supaya dapat memberi paling kurang pun rumah-rumah boleh dihuni.

Yang kedua saya hendak sentuh, saya dapati banyak juga tanah-tanah wakaf ini, pewakafnya tidak mendapat manfaatnya, contohnya macam wakaf Che Yusof, adakah ada perkara yang disyaratkan guna tanah mereka itu, tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana apa, kerana mendapatkan bantahan dan sebagainya. Maka saya harap Kerajaan Negeri, Batu Maung dan juga Permatang Pasir supaya dapat melihat perkara ini. Mereka cuba selesaikan bersama dan kalau perlu kita bantu, kerana ini masalah sejagat, masalah keperluan yang meruncing hari ini. Dan kita berharap yang Batu Maung dan Permatang Pasir dapat melihat soal ini. Kerana ini sangat serius dan cuba memberi penerangan kepada mereka, bahawa wakaf bukanlah hak mereka, tetapi hak kepada pewakaf untuk mendapat nikmat hasil daripadanya itu. Saya minta Permatang Pasir dan Batu Maung mengambil perhatian dengan sepenuhnya.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Terima Kasih Pulau Betong. Itu memang perkara objektif dan kesempatan saya sebagai Yang DiPertua Majlis agama Islam melihat situasi ini untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang saya rasa boleh dimanfaatkan kalau benar-benar kita ataupun di kalangan mereka yang telah sedia ada di kawasan-kawasan tanah wakaf memahami hasrat Majlis Agama Islam, yang mana yang kita rasa memanglah, seperti yang Pulau Betong sebut tadi bukan semudah yang kita sangka, sebab kita turun pergi itu pun orang itu sudah buat bantahan, belum kita keluar cakap lagi, kita turun pergi orang sudah buat bantahan. Seolah-olah menggambarkan kita hendak mengeluarkan mereka daripada kawasan-kawasan tanah-tanah wakaf yang mereka diami selama ini.

Masalahnya ialah apabila kita dapat kesan dengan kedudukan ataupun mereka yang tinggal di situ 50 hingga 60 tahun dan ada juga mereka menyewa di atas tanah wakaf hanya beberapa ringgit dan puluhan ringgit sahaja dan mereka pula sewa kepada orang lain untuk dapatkan keuntungan dan mengakibatkan ini dikalangan para pewaris satu sen pun dia tak dapat apa. Jadi kita melihat situasi ini dan kita nak bangunkan tanah-tanah wakaf ini. Kalau mana-mana pihak pemaju yang berhasrat untuk membangunkan tanah-tanah wakaf, kita rasa bahawa satu perkembangan baiklah di Pulau Pinang yang mana kebanyakan tanah-tanah wakaf ini di kawasan-kawasan yang dikelilingi oleh kawasan yang telah dibangunkan. Jadi dengan pandangan ataupun dengan cadangan Ahli Kawasan Pulau Betong tadi, kita ambil satu serius *Insyallah*.

Walaupun agak begitu lama tanah-tanah wakaf yang tidak dapat dibangunkan yang paling penting, kita nak hasrat pewakaf itu sendiri walaupun ada syarat-syarat tertentu, tetapi yang paling penting tanah-tanah wakaf mesti dibangunkan untuk mengembalikan balik hasrat pewakaf tujuan dan sebabnya apa dia dapatkan tanah-tanah wakaf tersebut. Dan kita ambil kira dengan tujuan sama-sama samada tanah-tanah yang diwakafkan untuk tujuan-tujuan itu dan sebagainya tuan-tuan yang dihormati sekalian masanya saya, tapi Yang Berhormat Tuan Speaker saya panjang lagi tapi oleh kerana masa tak sambung banyak dah dengan masa cukuplah.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lima (5) minit lagi.

#### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man)**

Lima (5) minit lagi, saya masih ingat Yang Berhormat Tuan Speaker satu masa dulu Pakatan Rakyat ambil alih pada 2008 dan di *highlight* satu slogan yang menyakinkan dan diketengahkan oleh YAB. Ketua Menteri iaitu "*Amar Ma'ruf Nahi Munkar*". Macam dulu diperkenalkan oleh bekas Mantan Barisan Nasional Tun Abdullah Ahmad Badawi. Masa sebelum jadi Perdana Menteri. Jadi slogan yang menyakinlah yang telah diketengahkan berkaitan dengan "*Amar Ma'ruf Nahi Munkar*" saya cuma ingin mengimbas kembali betapa pentingnya slogan ini. Slogan membuatkan kita akan dapat merasai betapa pentingnya kerana di sana dalam slogan "*Amar Ma'ruf Nahi Munkar*" ada panji-panji iaitu kebenaran sepanjang zaman. Identiti yang terpenting yang menjadikan nafas dakwah dan satu tugas dan peranan oleh semua pihak. Bukan sekadar satu slogan tapi tanggungjawab semua pihak dalam melaksana tugas ini. Dan mestilah menjadikan sebahagian daripada asas penyampaian, dakwah, risalah ataupun *message* dan kita rasa dapat diteruskan dan dapat kita merasai terus ataupun *direct* ke dada masyarakat. Yang mana ciri-ciri "*Al'amru Bil Ma'ruf Wannahayuanil Munkar*" satu tanggungjawab terbesar dalam masyarakat dan ia adalah ciri utama terpenting saya rasa perlu juga

diberikan keutamaan oleh Kerajaan Pulau Pinang hari ini.

Sebab al-amru “*Al'amru Bil Ma'ruf Wannahahyu'anil Munkar*” khususnya berkaitan maknanya menyeru dengan kebaikan dan adalah mencegah kemungkaran. Ia beriringan yang mana menimbul persepsi dan kadang kala dikalangan masyarakat umum yang terlibat secara langsung dan tak secara tidak langsung di kalangan masyarakat Melayu, India, Cina dan berbagai kaum yang lain ada sesuatu yang kita dapat merasai ada asas dasar tanggungjawab bersama.

Dan sebab itu apabila kita dapat melakukan *ma'ruf* ataupun mengamalkan nilai-nilai baik ini yang apabila *ma'ruf* ini disokong kebaikan disokong dan pula dijulung dan kita mestilah sama-sama menyebarkan seluas-luasnya serta diberi tempat dan ruang selayaknya. Kesempatan kepada kita melaksanakan satu kewajipan dan amanah dalam melakukan yang terbaik ini *insya-Allah* kita dapat lihat satu kejayaan di mana satu generasi dapat dipulihkan dan hal berkaitan masalah kemungkaran dan perkara-perkara tidak baik di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bila ini berlaku bila peranan “*Al'amru Bil Ma'ruf Wannahahyu'anil Munkar*” dan dapat kerjasama sebaik mungkin oleh semua pihak, maka *insya-Allah* akan lahirlah masyarakat yang maju dan membangun dan berjaya. Sama ada di dunia mahupun di akhirat. Al-Quran sendiri menyebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Boleh saya tahu ucapan Permatang Pasir ini adakah *specific intention* untuk Kerajaan Negeri untuk Pakatan dalam pentadbiran mereka? So secara *general* apa Permatang Pasir nak Kerajaan Negeri buat dan nak ni? Saya tak paham.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Sebab itu saya sebut tadi peranan semua pihak bukan tertentu sahaja tapi semua penglibatan dan bagaimana bila kita dapat melaksanakan amanah dan satu tugas yang saya kira satu bebanan dan satu benda yang kita pikulkan ini di antara satu pengorbanan dan bila ada pengorbanan, jadi bila ada kita haru untuk sama-sama kita sumbang sesuatu untuk menjayakannya, setiap seseorang dia mesti ada pengorbanan dan setiap pengorbanan mesti memerlukan keberanian. Ini sebagai satu ruang yang jelas kepada kita bagaimana kita berperanan dan saya ingin nyatakan satu yang telah .... (dengan izin) firman Allah s.w.t. (membaca ayat Al-Quran). Dan adalah di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada perkara yang salah



dan mereka bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. Ini peranan sebab itu saya ingin menyentuh saya ungkapkan balik saya ingat balik kita ambil oleh Kerajaan Pakatan Rakyat maka slogan ini diangkat bagaimana untuk melihat rakyat di Pulau Pinang tak kira apa bangsa Cina, India, Melayu pun kita ada satu peranan dan bila kita mengemblengkan satu tenaga yang kuat *insya-Allah* rakyat Pulau Pinang akan mencapai kejayaan.

Hasil daripada tujuan dan peranan kita dan kita dikategorikan sebagai orang yang sudah melaksanakan satu tuntutan dan kewajipan yang telah diberi amanah dan mandat untuk mentadbir dan melaksanakan tugas satu benda yang dikehendaki rakyat Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya. Sebab ....(dengan izin) satu lagi Yang Berhormat Tuan Speaker, Allah menyebut juga ....(membaca ayat Al-Quran), bermaksud "*Wahai manusia Allah kata telah mencipta manusia ini terdiri daripada lelaki dan perempuan dan berbagai-bagai budaya cara hidup warna kulit bahasa dan sebagainya yang ada di kalangan manusia ini daripada lelaki dan perempuan dan sama-sama berkongsi pengalaman dan bagaimana mereka melakukan yang terbaik dan paling utama di kalangan manusia itu ialah dapat ada hubungan mengenali satu sama lain dan paling yang terbaik ialah sama-sama menyeru ma'ruf dan kebaikan barulah mereka itu di Pulau Pinang masyarakat rakyat Pulau Pinang saya yakin akan bertambah maju dan akan mencapai kejayaan.*"

Sama ada di dunia mahupun di akhirat Tuan Speaker dengan masa yang singkat ini saya ingin walaupun ada lagi saya ingin juga mengambil kesempatan Dewan yang mulia ini mengucapkan kepada rakan-rakan ADUN khususnya muslim serta seluruh rakyat Pulau Pinang yang beragama Islam selamat menyambut ketibaan bulan Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Berpuasa. Terima kasih saya menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Berhormat ingin saya tanya Ahli-ahli Berhormat yang ingin mengambil perbahasan malam ini. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 9.30 pagi 4 Julai 2013 hari Khamis.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat Tuan Speaker makan malam disediakan tidak?

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya tak habis lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput ke dewan makan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.***